127

JILID IV

BIL. 1

HARI ISNIN

8 JULAI 1985

DEWAN UNDANGAN NEGERI NEGERI PULAU PINANG
30/4/87

# LAPORAN PERSIDANGAN

## OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG.

PENGGAL YANG KEEMPAT

FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA

SECOND MEETING

ISSN 0304-1697

JILID IV

BIL. 1

HARI ISNIN

8 JULAI 1985

# LAPORAN PERSIDANGAN

## OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA
SECOND MEETING

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER | 2 |
| PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH | 2 |
| JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS | 2 |
| JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN | 28 |
| USUL DI BAWAH PERATURAN 30 (1) | 60 |
| RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1984), (NO. 1), 1985 | 62 |
| RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UGAMA ISLAM (PINDAAN), 1985 | 72 |
| USUL UNTUK MELULUSKAN WANG SEBANYAK $10,762,687.00 DIPINDAHKAN DARIPADA KUMPULANWANG PEMBANGUNAN NEGERI, 1985 KEPADA AKAUN HASIL NEGERI YANG DISATUKAN | 76 |
| USUL UNTUK MELANTIK YB ENCIK LIM HENG TEE SEBAGAI SEORANG WAKIL DEWAN KE JAMAAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MULAI 1 SEPTEMBER 1985 | 82 |
| PENANGGUHAN | 82 |

# LAPORAN PERSIDANGAN YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEENAM

## ISNIN, 8 JULAI, 1985

## HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Pegawai Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain Bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

## TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.) – di luar negeri
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.) – sakit
Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) – di luar negeri
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

## TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

1. **DOA**

**Dewan bersidang semula jam 9.30 pagi**

2. **PENGUMUMAN OLEH Y.B. TUAN SPEAKER**

**Tuan Speaker:**

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa saya bagi pihak Dewan telah memberi kelulusan kepada permohonan cuti dari Dewan daripada Y.B. Encik Lee Jong Ki kerana berada di Seberang Laut atas urusan ramai mulai 29 Jun hingga 14 Julai, 1985; Y.B. Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad dari 12 Jun hingga 9 Julai, 1985 kerana sakit; dan Y.B. Encik Chin Nyok Soo mulai 25 Jun hingga 15 Julai, 1985 kerana melawat ke negeri Jepun. Saya harap Ahli-ahli sekalian tidak ada apa-apa halangan.

3. **MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH.**

**Ketua Menteri:**

Saya mohon membentang di atas meja Dewan Kertas Bilangan 5 hingga 7, tahun 1985 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

4.(A) **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN**

(I) **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum) bertanya kepada Ketua Menteri:**

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Adakah Kerajaan Negeri membuat apa-apa keputusan atas rayuan-rayuan bagi pengurangan cukai tanah yang telah diterima oleh Pejabat Tanah dan Galian? Berapa banyakkah rayuan-rayuan yang telah diterima? Bagaimanakah pihak Kerajaan akan menguruskan kesemua rayuan-rayuan itu?

*(1. Has the State Government made any decision on the appeals for reduction of land quit rent? To-date, how many appeals have been received? How is the Government dealing with these appeals?)*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menubuhkan Jawatankuasa Rayuan yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim dan mengandungi 15 orang ahli yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan seorang Pegawai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian sebagai Setiausaha.

Jumlah bilangan rayuan yang telah diterima ialah sebanyak 3,944 permohonan.

Semua rayuan yang diterima akan disemak di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk mengesahkan segala butir dan maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon adalah betul. Selepas itu, Jawatankuasa Rayuan akan mengatur untuk menemui seramai 40 orang pemohon tiap-tiap kali untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Selepas menimbangkan semua rayuan, Jawatankuasa Rayuan ini akan mengemukakan perakuannya untuk pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Speaker, sehingga hari ini Jawatankuasa Rayuan di bawah Pengerusi Y.B. Datuk Khor Gark Kim telah mengadakan 2 kali mesyuarat dan juga telah mengadakan perjumpaan dengan pemohon-pemohon sebanyak 2 kali. Dalam satu perjumpaan seramai 40 orang pemohon akan ditemui. Jawatankuasa Rayuan akan mengadakan perjumpaan dengan pemohon pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Memandangkan jawapan yang diberi oleh Ahli daripada Kawasan Bagan Dalam pada mesyuarat yang lalu bahawa Kerajaan Negeri tidak berhajat menarik balik ulangkaji soalan cukai tanah, bukankah rayuan yang dijalankan itu bermakna akan memberi harapan yang palsu? *It is giving false hope to the people.*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, pada masa yang lepas saya pun telah memberitahu Dewan ini bahawa sebuah Jawatankuasa Rayuan akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Tetapi Ahli dari Kawasan Bagan Dalam telah menjawab di Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri tidak berhajat menarik balik ulangkaji soalan cukai tanah mereka. Kalau jawapan seperti ini diberikan,

mengapakah sebuah Jawatankuasa Rayuan diadakan oleh Kerajaan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, saya telah menjawab bahawa di persidangan yang lepas, saya ada memberitahu di sini bahawa Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Rayuan, bukan saya kata, Kerajaan tidak boleh timbang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Jawatankuasa Rayuan itu ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memberi pertimbangan kepada rayuan-rayuan oleh rakyat, tetapi melalui soalan yang dikemukakan di Dewan dan jawapan yang diberikan oleh Ahli dari kawasan Bagan Dalam, menimbulkan anggapan bahawa Kerajaan Negeri tidak berhajat menarik balik ulangkaji cukai tanah. *The State Government is not going to review it, so why has the Appeal Committee been set up?*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, penjelasan. Apa yang disebut oleh Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota itu betul, dan apa yang diterangkan oleh Datuk T. Subbiah pun betul. Bila datang rayuan, tak kan kita nak campak, oleh itu kita tubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim untuk menimbangkan semua masalah-masalah yang ada dengan tanggungjawab yang baik, bukan?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, jawapan itu sepatutnya diberi oleh Ahli dari Bagan Dalam, bukan Ahli dari Bertam.

**Tuan Speaker:**

Siapa pun boleh.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Apakah asas atau *criteria* yang diperlukan sebelum kurangan cukai tanah boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, mestilah kita akan mendengar rayuan-rayuan, baharulah kita boleh buat sesuatu keputusan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Saya tanya adakah apa-apa asas atau *the criteria needed before the quit rent can be reduced?*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, kira-kira itu soalan lain.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, itu bukan soalan lain. Ini mengenai soalan cukai tanah dan rayuan dari rakyat. Saya tanya apakah *criteria* yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri sebelum kurangan cukai tanah ini boleh dijalankan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, saya mohon notis, saya boleh bagi sebab *criteria* bukannya sedikit, tapi panjang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Berapa lamakah kerja-kerja mengurus semua rayuan dan berapa lamakah masa yang akan diambil oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, lebih kurang tiga bulan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Bilakah kerja-kerja sistem pembetungan najis di Butterworth dan Bukit Mertajam akan selesai dan bilakah pula sistem ini akan mula digunakan? Adakah pihak Kerajaan menetapkan kadar bayaran sumbangan? Nyatakan berapakah kadarnya?

*(2. When will the sewerage works in Butterworth and Bukit Mertajam be completed and operational? Has any decision been made on the rates for connection charges? What are the rates?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, untuk kawasan Butterworth, kerja-kerja pembinaan pembetungan itu yang sebenarnya telahpun siap iaitu dalam bulan Jun yang lepas; dan untuk kawasan Bukit Mertajam, setakat ini kira-kira 98% kerja-kerja itu telah siap dan di-

jangka siap sepenunnya dalam bulan September. Loji-loji pembersihan najis di Butterworth dan di Bukit Mertajam dijangka siap dan akan dapat digunakan pada penghujung bulan ini. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telahpun menyediakan skel caruman untuk mereka-mereka yang terlibat dalam pembetungan ini, jadi skel-skel itu akan saya kepilkan kemudian.

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah pihak yang bertanggungjawab, iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai, akan memaksa tiap-tiap rumah yang terlibat dalam sistem pembetungan najis itu?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, pada dasarnya memanglah begitu. Walau bagaimanapun kita adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan senantiasa mendengar rintihan rakyat. Jika ada rayuan akan kita timbangkan semua rayuan-rayuan itu.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Terima kasih.

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kawasan Taman Soon Corporation, Kompleks Chain Ferry serta beberapa kawasan lain di Butterworth mengalami masalah banjir sekurang-kurangnya dua kali sebulan apabila air pasang? Adakah Kerajaan telah mengenalpasti sebab-sebab kejadian banjir ini? Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini?

*(3. Is the State Government aware that Taman Soon Corporation, Chain Ferry Complex and many other areas in Butterworth are subject to flooding at least twice a month when the tide is high? Has the Government authorities identified the causes for such frequent flooding and what steps have been taken or will be taken to solve this flooding problem?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, ya, kawasan tersebut memanglah mengalami banjir apabila air pasang – biasanya dua kali sebulan iaitu apabila berlaku pasang surut. Pintu air telah disediakan tetapi agak malang sedikit pintu air itu tidak dapat menahan kemaraan air itu dengan 100%.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Apakah sebab-sebabnya rumah kos rendah Kerajaan di Jalan Mohd. Saad dan Mak Mandin lewat diperuntukkan walaupun telah siap? Bilakah unit-unit perumahan itu akan diperuntukkan?

*(4. What are the reasons for the delay in the allocation of the Government low-cost flats at Jalan Mohd. Saad and Mak Mandin? When will these flats be allocated?)*

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, peruntukan rumah kos rendah bagi projek Jalan Mohd. Saad dan Mak Mandin, tidak boleh dilakukan sebelum ini kerana sambungan pembetungan najis belum disiapkan. Walau bagaimanapun, undian bagi projek tersebut akan dilakukan tidak berapa lama lagi.

II. **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) bertanya kepada Ketua Menteri.**

**Ahli Kawasan Pengkalan Weld (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengeluarkan laporan penyelidikan yang dijalankan oleh dua orang ahli jawatankuasa yang diketuai oleh Penasihat Undang-undang Negeri yangmana telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyiasat kesalahan jenayah merosakkan harta benda Kerajaan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Y.B. Dr. Ong Hean Tee?

   (b) Mengapakah Ahli tersebut tidak dibuang dari Majlis Mesyuarat

Kerajaan memandangkan beliau telah mengakui kesalahan jenayah berkenaan pada 30 Mac, 1985 di Mahkamah Majistret Pulau Pinang?

*(1. (a) Can the Hon'ble Chief Minister release to this House the report of the findings by the two-man committee headed by the State Legal Advisor set up by the State Government to investigate into the criminal offence of damaging government properties by the Exco member, Y.B. Dr. Ong Hean Tee?*

*(b) Why has the said member not been removed from the State Exco in view of his guilty plea on the 30th March, 1985 in the Penang Magistrate Court?)*

**Ketua Menteri:**

Berikutan dengan kejadian yang berlaku pada 3 Disember, 1984, Majlis Mesyuarat Kerajaan di mesyuaratnya pada 6 Disember, 1984 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang Ahli-ahlinya terdiri dari Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri bagi menjalankan siasatan dan melaporkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk memberi Majlis Mesyuarat Kerajaan laporan yang berkuasa serta bebas berhubung dengan kejadian itu. Laporan Jawatankuasa tersebut tidak diumumkan disebabkan fungsi-fungsi Jawatankuasa tidak seharusnya mengganggu siasatan-siasatan pihak Polis yang sedang dijalankan pada ketika itu. Seterusnya, amatlah jelas sekali bahawa siasatan Polis ada kemungkinan boleh atau tidak boleh menyebabkan perkara tersebut dibawa ke Mahkamah dan oleh yang demikian, Laporan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan itu dirahsiakan agar tidak mendatangkan prasangka ke atas tindakan-tindakan pihak Polis atau sekiranya kes berkenaan dibawa ke Mahkamah.

Tuan Speaker, kes itu kemudian telah dihadapkan ke Mahkamah pada 30 Mac, 1985 tahun ini dan Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak yang dituduh telah didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 173A dan dikenakan ikat jaminan sendiri sebanyak $1,000.00 dan berkelakuan baik selama 6 bulan.

Memandangkan kepada keputusan Mahkamah, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah mengambil keputusan tidak akan menimbangkan perkara ini seterusnya sheingga tempoh keputusan Mahkamah telah tamat tempoh sepenuhnya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Ketua Menteri belum lagi menjawab soalan saya, bahagian (b).

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, semua soalan telah dijawab.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Walaupun Mahkamah telah memberi keputusan atas kes tersebut, laporan ini boleh lagi dikeluarkan kepada Dewan ini.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota, itu satu *statement* sahaja, bukan soalan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. (a) Adakah terdapat sebarang arahan daripada Kerajaan Negeri kepada Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Encik Ramli Ibni Hajar, untuk merobohkan kuil-kuil Sri Maha Mariamman dan Sri Maha Kaliamman di Seberang Jaya baru-baru ini?

(b) Jika ya, apakah arahan-arahan itu? Adakah Pegawai Daerah tersebut bertindak menurut arahan-arahan yang diberikan semasa beliau mengarahkan supaya kedua-dua kuil Hindu di Seberang Jaya itu dirobohkan?

(c) Jika tiada, adakah sebarang tindakan telah diambil atau akan diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri terhadap Pegawai Daerah yang menjalankan kerja-kerja meroboh tanpa arahan itu? Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah atau akan diambil? Jika tidak, mengapakah tindakan tidak diambil

terhadap Pegawai Daerah berkenaan?

(d) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi tapak alternatif untuk membina kuil-kuil Hindu yang telah dirobohkan itu?

*(2. (a) Was any State directive given to the Seberang Perai Tengah District Officer, Encik Ramli Ibni Hajar, for the demolition of the Sri Maha Mariamman and Sri Maha Kaliamman temples in Seberang Jaya recently?*

*(b) If so, what was the directive and whether the said District Officer acted in accordance with the directive given to him when he ordered the demolition of the two Hindu temples in Seberang Jaya?*

*(c) If no State directive was given, whether action has been taken or will be taken by the State Authority against the said District Officer for acting without State directive; if yes, what action has been taken or will be taken if no, why was action not taken against the said District officer?*

*(d) Will the State Government provide an alternative site for the construction of the two demolished temples?*

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan 2(a), (b), (c) dan (d) tapak seluas lebih kurang 19 ekar di Seberang Jaya telah dikenalpasti untuk dijadikan kawasan Hari Peladang Kebangsaan dan EXCO Pertanian yang akan diadakan mulai 6 Ogos, 1985.

Pentadbir Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan semua setinggan dan membersihkan kawasan berkenaan dari segala bangunan haram. Bagi membolehkan Jabatan Kerja Raya memulakan kerja-kerja menyediakan tapak, Pentadbir Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah, telah diarah untuk mengosongkan tapak tersebut sebelum 31 Mei, 1985.

Tanggungjawab untuk mengeluarkan setinggan dan meruntuhkan bangunan-bangunan haram di atas tanah Kerajaan adalah tugas *"routine"* yang dijalankan oleh Pejabat Tanah di seluruh negeri. Pentadbir Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah, telah mengadakan perjumpaan dengan setinggan-setinggan pada 20 Mei, 1985 untuk membayar exgratia dan menasihatkan setinggan-setinggan supaya mengambil semua hartabenda mereka termasuk barang-barang di dalam kuil oleh kerana selepas 31 Mei, 1985 kawasan berkenaan akan dikosongkan.

Pada 7 Jun, 1985 Penghulu kawasan berkenaan telah memberitahu setinggan supaya mereka mengambil patung-patung *(idol)* dari kuil kawasan tersebut. Pasukan dari Pejabat Tanah, Seberang Perai Tengah, telah memasuki kawasan berkenaan untuk membersihkannya dari bangunan-bangunan yang telah ditinggalkan oleh setinggan pada 11 dan 12 Jun, 1985. Semasa merobohkan bangunan-bangunan yang ada di situ dengan tidak sengaja sebuah patung *(idol)* telah terpatah. Terpatahnya patung tersebut bukanlah disengajakan oleh Pejabat Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah.

Adalah menjadi dasar Kerajaan menghormati semua ugama di negeri ini. Kerajaan Negeri telahpun membuat siasatan dan memperolehi laporan dengan serta merta selepas kes tersebut berlaku. Dari siasatan dan laporan mengenai kes itu Kerajaan berpuashati ianya berlaku dengan tidak sengaja. Oleh itu tidaklah ada tindakan yang dirasakan perlu diambil terhadap pihak yang berkenaan.

Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan tapak yang baru untuk pembinaan Kuil di Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Mengapakah Pegawai Daerah tersebut tidak memberitahu Datuk T. Subbiah sepertimana janji beliau pada suatu mesyuarat pada 29 Mei bahawa beliau akan memberitahu Datuk T. Subbiah sebelum sebarang kerja meroboh dimulakan?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Saya harap Ahli Kawasan Pengkalan Kota sudah faham pihak Pentadbir Daerah Seberang Perai Tengah telah dipertanggungjawabkan untuk membersihkan kawasan tersebut.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya, tetapi Pegawai Daerah tersebut ada berjanji kepada Datuk T. Subbiah untuk memberitahu bila kerja-kerja meroboh akan dijalankan.

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Itu tidak melibatkan soalan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, ini ada terlibat dalam soalan saya.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, saya rasa soalan itu tidak berbangkit.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bagi soalan (d), di manakah tapak alternatif itu terletak, bilakah tapak tersebut akan diberikan kepada orang-ramai tersebut, dan berapa besarkah tanah tersebut?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tapak tersebut akan dikenalpasti dan sesuai.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bila akan ditetapkan?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Seberapa cepat yang boleh.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Adakah Kerajaan Negeri akan membayar kos bagi pembinaan kuil yang dirobohkan oleh Pegawai Daerah ini?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Itu boleh dipertimbangkan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. (a) Adakah laporan daripada tujuh orang ahli jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menyiasat masalah setinggan-setinggan Sungai Nibong Kecil telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri? Jika ya, bolehkah laporan tersebut dikeluarkan? Jika tidak, mengapa?

   (b) Bagaimanakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap masalah setinggan-setinggan di Sungai Nibong Kecil?

*(3. (a) Has the report of the seven-member committee set up by the Municipal Council to investigate into the Sungai Nibong Kecil squatters problems been submitted to the State Government? If so, will the findings be released? If not, why not?*

*(b) What is the stand of the State Government on the Sungai Nibong Kecil squatters problems?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengemukakan laporan tersebut kepada Kerajaan Negeri pada 1 Julai, 1985.

Laporan ini sedang dikaji dengan teliti oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Memandangkan kegagalan Majlis Perbandaran mengatasi masalah setinggan-setinggan itu, adakah Kerajaan Negeri akan campurtangan dalam masalah ini?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Yang pertama sekali kita akan mengkaji laporan yang diberi oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Hasil dari kajian itu, baru kita akan mengambil satu keputusan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Mengapakah kajian ini mengambil masa yang lama?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tidak lama, baru seminggu sampai kepada kita.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Jawatankuasa itu telah ditubuhkan sejak beberapa lama, tapi mengapakah keputusan tidak diambil?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Kerajaan Barisan merupakan Kerajaan yang bertanggungjawab, jadi sebelum kajian itu dapat diselesaikan, kita telah menemui orang-orang sebanyak mana yang boleh. Semua pihak terlibat dan mereka juga mengetahui tentang masalah-masalah yang berlaku di Sungai Nibong dan disebabkan oleh kajian kita yang begitu teliti, begitu rapi dan bertanggungjawab, maka tentulah akan mengambil masa yang panjang dan disampaikan kepada jawatankuasa itu pada 1 Julai, 1985. Jawatankuasa itu juga akan mengkaji dan meneliti segala laporan yang diberi itu secara terperinci dan bertanggungjawab dan selepas itu baru dapat kita buat sesuatu.

Sekian, Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, dalam soalan 3(b), saya ada tanya bagaimana pendirian Kerajaan terhadap perkara-perkara ini.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Telah saya jawab, Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, tidak dijawab lagi. Jawapan beliau tidak memuaskan hati.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Telah saya jawab bahawa kita akan mengkaji dan membuat semakan atas perkara itu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tentu Kerajaan ada satu pendirian *(stand)* terhadap perkara ini, bukan?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Sebelum kita membuat keputusan ataupun menentukan pendirian, kita akan mengkaji dahulu laporan itu, setelah kita kaji baru kita buat keputusan. Saya telahpun menjawab tadi.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker soalan keempat:

4. Adakah tanah-tanah Negeri Pulau Pinang yang telah diberimilik kepada mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, termasuk Y.A.B. Ketua Menteri sekarang dan bekas Ketua Menteri sejak negara kita merdeka? Jika ya,
   (a) berikan nama ahli-ahli yang berjaya memperolehinya;
   (b) tarikh permohonan-permohonan untuk tanah berkenaan dikemukakan dan tarikh kelulusannya;
   (c) lokasi dan keluasan tiap-tiap bidang tanah berkenaan; dan
   (d) berapakah harga yang dibayar bagi tiap-tiap bidang tanah yang telah diberimilik?

*(4. Has State land been alienated to members of the State Exco including the Chief Minister present and past since independence? If so,*
   *(a) give the names of the successful members;*
   *(b) date of the respective land applications and the date of approval;*
   *(c) the locations and the size of the respective land alienated; and*
   *(d) the price paid for the respective land alienated.)*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diberimilik kepada seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Ahli yang berjaya mendapat tanah Kerajaan Negeri ialah Y.A.B. Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu.

Permohonan dibuat oleh Dr. Lim Chong Eu pada 21 Ogos, 1957 dan tarikh kelulusan Majlis

Mesyuarat Kerajaan ialah 10 Mac, 1958 bagi Lot 354, Bandar Bukit Bendera, yang mempunyai sempadan yang sama dengan Lot 400.

Kemudian pada 2 Disember, 1975, satu lagi permohonan telah dibuat oleh Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu untuk sebahagian Lot 400 Bandar Bukit Bendera untuk menghubungkan sempadan yang menyelaraskan lot asal. Permohonan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 8 Januari, 1976.

Kedua-dua tanah yang diberimilik ini bertempat di Bandar Bukit Bendera, Pulau Pinang dan jumlah keluasan tanah-tanah ini ialah Lot 354 seluas 29,969 kaki persegi dan sebahagian Lot 400 seluas 1,356 kaki persegi. Harga pemberian milik tanah-tanah ini ialah:

Lot 354 – $2,524.50

Sebahagian Lot 400 – Premium yang dikenakan $1.70 sekaki persegi.

Tuan Speaker, soalan seperti ini telah ditimbulkan beberapa kali di dalam Dewan Undangan yang lalu dan saya juga telah menjawab. Saya harap soalan ini tidak diulang lagi dan membuang masa Dewan ini sahaja.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Siapakah Pengerusi Mesyuarat Exco bagi pertimbangan dan kelulusan permohonan tanah negeri oleh Y.A.B. Ketua Menteri? Tuan Speaker, ini bukan soalan lain, tetapi soalan mengenai permohonan tanah oleh Ketua Menteri. Soalan saya ialah siapa yang mempengerusi mesyuarat dan meluluskan permohonan ini ada kaitan dengan apa yang saya tanya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, mengikut rekod-rekod yang kita ada, Majlis itu dipengerusikan oleh Tuan Speaker pada masa ini, iaitu Y.A.B. Tan Sri Teh Ewe Lim, oleh sebab Y.A.B. Dr. Lim bercuti.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Dalam memberitahu adakah betul bagi Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Presiden M.C.A. ketika itu dan sebagai Ketua Menteri memohon milik tanah Kerajaan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Saya ingat Y.A.B. Dr. Lim tidak menjadi Presiden M.C.A.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Jikalau tidak menjadi Presiden M.C.A., adakah betul bagi Ketua Menteri untuk memohon milik tanah Kerajaan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, oleh sebab Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak tahu sejarah Negeri Pulau Pinang, sebelum tahun 1969, Y.A.B. Ketua Menteri tidak menjadi Ketua Menteri. Selepas tahun 1969, baru beliau menjadi Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, sebidang tanah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada tahun 1976. Pada masa itu, kalau saya tak salah, Dr. Lim Chong Eu ialah Ketua Menteri. *When another piece of land was approved in 1976, wasn't he the Chief Minister?*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Sekarang Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan tahun berapa?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Semua tanah yang diluluskan kepada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Ya, saya sudah jawab bahawa pada tahun 1958 sekeping tanah (Lot 354) telah diluluskan dan pada tahun 1976, lagi sekeping tanah yang bersempadan dengannya telah diluluskan. Sekarang tanya apa?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bukankah pada masa itu – tahun 1976 – Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu adalah menjadi Ketua Menteri, Negeri Pulau Pinang? Jikalau ya, adakah betul bagi seorang Ketua Menteri memohon milik Tanah Kerajaan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Undang-undang Negeri Pulau Pinang tidak kata Ketua Menteri tidak boleh mohon.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya tahu siapa pun boleh memiliki, tetapi adakah betul bagi seorang Ketua Negeri memohon milik tanah Kerajaan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Ketua Menteri boleh meminta dan ya!

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, bila Ahli bertanggungjawab memberi jawapan, saya berharap sila terima baik-baik.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

*I have already given you a straight answer.*

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Bolehkah Ahli dari Kawasan Bagan Dalam beritahu bagi tujuan apakah tanah negeri yang dipohon digunakan oleh Ketua Menteri?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, bagi tujuan mendirikan sebuah rumah kediaman.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Soalan tambahan lagi : Bolehkah Ahli dari Kawasan Bagan Dalam menyatakan sama ada Y.A.B. Ketua Menteri memiliki sebarang tanah semasa memohon tanah-tanah tersebut?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Pengerusi, saya tidak faham soalan itu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Whether the Chief Minister owns any piece of land at the time of application.*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Itu soalan lain.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ini mengenai memohon tanah Kerajaan, dan saya mahu tahu adakah Ketua Menteri memiliki sebarang tanah bila beliau memohon untuk mendapat tanah Kerajaan? Ya atau tidak?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Soalan yang asal ialah adakah tanah-tanah Negeri Pulau Pinang telah diberi kepada sesiapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan saya pun telah menjawab; sekarang kalau mahu tahu sama ada Y.A.B. Ketua Menteri ada mempunyai tanah atau tidak, saya perlu balik untuk menyiasat semuanya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Sebelum tanah diberikan kepada sesiapa, mestilah ada keterangan, bukan?

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, berilah peluang Ahli yang bertanggungjawab memberi jawapan.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah seorang di Negeri Pulau Pinang memohon tanah daripada Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Boleh, Tuan Speaker.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat yang berkenaan menjawab sama ada permohonan ialah oleh seorang Dr. Lim Chong Eu atau oleh Ketua Menteri?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, permohonan itu atas nama Dr. Lim Chong Eu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, mahu bohong siapa? Dr. Lim Chong Eu adalah Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bukankah permohonan ini ialah *conflict of interest* oleh Ketua Menteri?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Apa *conflict of interest?*

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*A Chief Minister applies for land and the Exco under him approves it.*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, seperti saya sudah jawab, sesiapapun warganegara yang duduk di Pulau Pinang bolehlah minta.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya tahu, tapi kelulusan dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Bila Majlis Mesyuarat itu mempertimbang dan meluluskan, ianya tidak kira siapa yang meminta.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Sekarang saya tanya, jika seorang Ketua Menteri memohon tanah, adakah *conflict of interest? A Chief Minister applies for a piece of land, right?* Semua Ahli-ahli Exco dipilih oleh Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tidak, sebab beliau minta atas namanya sendiri, bukan atas nama jawatannya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Mahu bohong siapa? Bolehkah kita asingkan *(to separate)* "Ketua Menteri" – "Dr. Lim Chong Eu".

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Di tahun 1957 adakah seorang Dr. Lim Chong Eu menjadi Ketua Menteri?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bukan, tapi pada tahun 1976.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Bagan Dalam memberitahu kepada Dewan ini adakah berapa kali di mana seorang rakyat Pulau Pinang yang memiliki sekeping tanah kemudiannya memohon hakmilik sekeping tanah lagi yang bersempadan dengan tanah asal untuk meluaskan tanah yang dimilikinya pada masa dahulu supaya tanah ini boleh digunakan dengan sepenuhnya?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, *point of order* : Saya minta Ahli Pengkalan Kota melihat balik 25(2)(b)(d). Kalau sudah faham itu, baru saya hendak jawab soalan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Adakah benar bahawa dengan perubahan sempadan Kedah/Pulau Pinang, pembekal-pembekal yang menggali pasir daripada Sungai Muda yang dahulunya membayar sebanyak $1.00 bagi tiap-tiap 0.76 meter persegi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebaliknya akan membayar kepada Kerajaan Negeri Kedah dan ini merugikan hasil Negeri Pulau Pinang antara $2 juta hingga $3 juta pada setiap tahun? Jika ya, adakah sebarang pampasan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Kedah atas kerugian ini? Jika ya, berikan butir-butir lengkap. Jika tiada, mengapa?

*(5. Is it true that with the Kedah/Penang boundary alteration, suppliers taking sand from the Sungai Muda who were paying the Penang Government $1 for every 0.76 sq. meter extracted will instead be paying to the Kedah Government and this will result in the loss of between $2 to $3 million revenue annually to the State of Penang? If so, has any compensation been asked by the State Government from the Kedah Government for the loss of this revenue? If yes, give details and if no, why compensation was not asked for this loss of revenue?)*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, jawapan untuk soalan kelima ialah seperti berikut:

Dengan perubahan sempadan Kedah/Pulau Pinang, maka pengambilan pasir di sebelah sempadan Kedah akan menjadi hak Kerajaan Negeri Kedah untuk mengutip hasil bagi pengambilan pasir sungai.

Walau bagaimanapun, perubahan sempadan Kedah/Pulau Pinang tidak membawa kerugian hasil sebanyak $2 juta hingga $3 juta setiap tahun seperti yang disangkakan oleh Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Pengkalan Kota kerana mengikut rekod Pejabat Tanah, Seberang Perai Utara, hasil yang dikutip bagi pengambilan pasir di Kawasan Sungai Muda semenjak 1968 iaitu sebelum perubahan sempadan Kedah/Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| 1968 | – $ | 16,300.00 |
| 1969 | – | 17,930.00 |
| 1970 | – | 21,277.00 |
| 1971 | – | 17,100.00 |
| 1972 | – | 15,750.00 |
| 1973 | – | 21,000.00 |
| 1974 | – | 24,300.00 |
| 1975 | – | 24,300.00 |
| 1976 | – | 17,460.00 |
| 1977 | – | 17,460.00 |
| 1978 | – | 26,460.00 |
| 1979 | – | 26,460.00 |
| 1980 | – | 26,460.00 |
| 1981 | – | 49,615.20 |
| 1982 | – | 46,305.00 |
| 1983 | – | 24,255.00 |
| 1984 | – | 3,307.50 (sampai 15.2.1984) |
| | | $ 395,739.70 |

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan keenam:

6. Memandangkan pemohon-pemohon rumah kos rendah yang begitu ramai dan juga kekurangan bilangan unit-unit perumahan kos rendah bagi memenuhi keperluan rakyat terutama golongan yang berpendapatan rendah, adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan menimbang semula secara serious keputusannya untuk menggunakan wang sebanyak $1.2 billion yang akan diperolehi daripada *"package deal"* untuk membeli "Jambatan Pulau Pinang" daripada Kerajaan Pusat, dan menggunakan wang tersebut sebaliknya untuk membina lebih banyak unit-unit perumahan kos rendah bagi mengatasi keperluan perumahan rakyat?

*(6. In view of the great number of low-cost housing applicants and the acute shortage of the low-cost housing units to meet the demands of the people especially the low-income group, will the Hon'ble Chief Minister seriously reconsider its decision of using the $1.2 billion to be raised by the "Package Deal" to purchase the Penang Bridge from the Federal Government to instead utilise the money to construct more low-cost housing units to solve the housing needs of the people?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, sesungguhnya soalan ini tidaklah logikal kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai $1.2 billion. Kerajaan sentiasa menimbangkan semua perkara yang ada kaitan dengan kepentingan kewangan dengan teliti dan serious dan hubungan antara *"package deal"* jambatan yang dirundingkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sekarang ini baru-baru ini adalah satu perkara yang rumit dan belum ditentukan lagi. Cadangan *"package deal"* itu sepatutnya tidak dikaitkan dengan masalah pembinaan perumahan kos rendah.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memungut tunggakan bagi mengatasi masalah rumah kos rendah di negeri ini?

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, itu soalan lain.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ketujuh:

7. (a) Mengapakah rumah pangsa kos rendah di Batu Lanchang yang telah lama siap dibina oleh Kerajaan Negeri masih belum diperuntukkan kepada rakyat?

(b) Bilakah peruntukan dan pengundian ke atas unit-unit rumah pangsa tersebut akan dijalankan?

*(7. (a) Why are the low-cost flats at Batu Lanchang constructed by the State Government which have been completed sometime ago not been allocated to the people yet?*

*(b) When will allocation and the balloting of these flats be carried out?)*

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, peruntukan rumah kos rendah di Batu Lanchang tidak dapat dilakukan sebelum ini memandangkan keperluan untuk menempatkan orang-orang yang terlibat dengan projek Kerajaan.

Cabutan undi bagi pemohon-pemohon yang layak telah dilakukan pada 5 Julai, 1985 dan penyerahan kunci kepada pemohon-pemohon yang berjaya dijangka akan dilakukan pada 15hb. ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Bukankah perbuatan tidak memperuntukkan unit-unit rumah kos rendah yang telah disiapkan beberapa lama akan mengakibatkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, tidak.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Adakah betul bahawa Kerajaan Negeri telah mempastikan akan membina satu blok perumahan bagi maksud menyewa kepada rakyat yang boleh membayar?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, itu soalan lain.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*It is for* Tuan Speaker *to decide whether it is* "soalan lain". *How can he say it is* "soalan lain?"

Tuan Speaker, soalan kelapan:

8. (a) Bilakah seramai 105 pemohon yang memohon untuk mendapat unit-unit perumahan kos rendah dalam tahun 1976 dan sebelumnya dan telah ditemuduga oleh Bahagian Perumahan Negeri dalam bulan Februari tahun ini akan diperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah?

(b) Apakah sebabnya soalan tentang gabungan politik *(political affiliation)* pemohon-pemohon tersebut ditanya sewaktu temuduga dijalankan?

*(8. (a) When will the 105 applicants who had applied for low-cost housing units in 1976 and earlier, and who had been interviewed by the State Housing Division in February this year be allocated low-cost housing units?*

*(b) What was the reason for asking the applicants their political affiliation during the interviews?)*

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, permohonan yang layak dan mempunyai markah yang ditetapkan sudah diundi bulan ini pada 5 Julai, 1985.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan saya bahagian 8(b) belum dijawab.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, soalan yang biasa ditanya dalam temuduga baru-baru ini telah mengenai penglibatan dalam pertubuhan dan kerja kemasyarakatan dan bukan mengenai penglibatan politik seperti disebutkan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Jawapan yang diberikan tidak betul. Apa yang saya tanya adalah, apakah sebabnya pemohon-pemohon tersebut ditanya tentang gabungan politik atau *political affiliation* sewaktu temuduga dijalankan? *Why was it asked?*

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, sebab penglibatan dengan parti-parti politik ialah suatu penglibatan dengan kerja-kerja kemasyarakatan. Itu sebabnya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah penggabungan politik atau *political affiliation* satu kriteria bagi peruntukan unit-unit rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, tidak.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Jikalau tidak, mengapakah mahu tanya soalan ini di temuduga itu?

**Tuan Speaker:**

Itu sudah dijawab.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, penglibatan politik bukan satu kriteria tetapi penglibatan kerja kemasyarakatan itu satu kriteria.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan kesembilan:

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini sama ada pembinaan Hotel KOMTAR terdapat di dalam pelan pembangunan KOMTAR yang asal? Jika ya, mengapakah tanah bagi projek ini dibahagi-bahagikan *(parcelled)* kepada sektor swasta? Jika tidak, mengapa dan bilakah rancangan untuk membina sebuah hotel oleh sektor swasta itu dicadangkan?

*(9. Can the Honourable Chief Minister inform this House whether the construction of the KOMTAR Hotel is in the original KOMTAR development plan? If so, why was the project parcelled out to the private sector and if no, why and when was the plan to build a hotel by the private sector decided?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, di dalam cadangan-cadangan rekabentuk yang asal yang telah dikemukakan oleh Unit Perancangan Kawasan Pusat, pembangunan yang dicadangkan adalah untuk menyediakan pejabat-pejabat pentadbiran dan Kerajaan, pusat membeli-belah, kediaman, kemudahan-kemudahan sivik, kubah geodesic dan hotel-hotel.

Pembangunan KOMTAR dilaksanakan secara berfasa dan Fasa 1 dan 2 buat masa ini dalam proses perlaksanaan. Pembangunan KOMTAR diawasi dan dikaji semula dari masa ke semasa, dan pada tahun 1982 ianya telah diputuskan untuk memberi keutamaan kepada pembangunan sebuah hotel di Fasa 1. Pembangunan sebuah hotel dirasakan perlu memandangkan ia akan mempercepatkan pembangunan semasa KOMTAR, dan pada masa yang sama menggunakan sepenuhnya infrastruktur-infrastruktur asas yang telah disediakan.

Tuan Speaker, di dalam rekabentuk asal, sebuah hotel dicadangkan bagi Fasa-fasa 2 hingga 5 dan juga di blok menara bagi Fasa 1.

Hotel di Fasa 1 ini sedang dibangunkan oleh sekumpulan sektor swasta berdasarkan dasar pengswastaan Kerajaan sekarang, semata-mata untuk membolehkan sektor swasta melibatkan diri di dalam program-program pembangunan Kerajaan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu adakah sah di sisi undang-undang Kerajaan Negeri memiliki tanah secara terpaksa daripada rakyat di bawah Akta Pengambilan dan selepas itu menjual tanah itu kepada pemaju swasta sepertimana Hotel KOMTAR ini didirikan?

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, ini adalah sebab tanah ini ialah tanah yang telah diambilalih oleh Kerajaan mengikut Seksyen (c) di dalam *National Land Code* yangmana tanah telah diambilalih untuk semua bahagian-bahagian perindustrian, perdagangan, residensi dan lain-lain.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Soalan saya, adakah sah – *is it legal for the State Government to acquire land and then sell it out?*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, ya.

**Tuan Speaker:**

Di bawah Peraturan 25(2)(b) mesti .......... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Mesti soalan, bukan *opinion* kepada soalan. Itu soalan saya, Tuan Speaker.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota tidak faham undang-undang sebab saya telah menjawab bahawa pengambilan alih tanah-tanah ini ialah untuk 3(c) dalam *Land Acquisition Act* dan sebab itu adalah *legal.*

Adakah faham?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Apakah tanah-tanah di Kawasan KOMTAR yang telah ditetapkan untuk dibahagikan kepada pemaju swasta?

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, ini ialah satu perkara yang selalu dibincangkan oleh *Steering Committee* yang menjaga pembangunan KOMTAR. Perkara ini telah dipertimbangkan oleh Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan keputusan-keputusan semasa ke semasa telah dibincangkan dan dirunding di Majlis Mesyuarat Kerajaan. Hari ini Kerajaan ingin hendak menjalankan seberapa banyak yang boleh fasa-fasa pembangunan di KOMTAR mengikut konsep atau mengikut dasar pengswastaan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Mengenai Hotel KOMTAR itu, adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memiliki sebarang saham dalam Hotel KOMTAR. Jika ya, beri butir-butir.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, itu sebenarnya ialah satu soalan lain, tetapi perkara ini ialah perkara yang kita selalu pertimbang. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak ada saham.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan kesepuluh:

10. Bilakah yang disebutkan di bawah ini akan diroboh untuk meneruskan projek KOMTAR? Di manakah letaknya kawasan-kawasan alternatif dan bilakah penduduk yang terlibat akan diminta berpindah?

(a) Pasar Jalan Maxwell/Jalan Prangin dan gerai-gerai berkenaan;
(b) Perhentian Bas Jalan Maxwell;
(c) Kompleks-kompleks penjaja Jalan Maxwell;
(d) Rumah-rumah kedai sepanjang Jalan Maxwell.

*(10. When will the following be demolished to make way for the KOMTAR project? Where are the alternative sites and when will the respective people affected be asked to move?*

*(a) Maxwell Road/Prangin Road market and stalls;*
*(b) Maxwell Road bus terminal;*
*(c) Maxwell Road hawkers complex;*
*(d) The row of shophouses along Maxwell Road.)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, penyewa-penyewa yang terlibat oleh projek KOMTAR yang perlu berpindah adalah seperti berikut:

(a) pasar borong di Jalan Maxwell/Jalan Prangin dan gerai-gerai berkenaan : satu pasar borong telah dirancangkan di Gat Lebuh Macallum atau di *comprehensive development area* yang ditempatkan berhampiran di Lebuh Macallum. Sebaik sahaja pasar ini disiapkan, pemborong-pemborong dan penjaja adalah dikehendaki berpindah ke tapak baru itu;

(b) & (c) perhentian bas Jalan Maxwell dan kompelks-kompleks penjaja Jalan Maxwell : mengikut perancangan, perhentian bas – *this is not a bus terminal but a bus turn about* – dan penjaja-penjaja di Jalan Maxwell perlu berpindah dalam bulan Ogos tahun ini. Tapak-tapak yang dicadangkan ialah di persimpangan Lebuh Cecil, Lebuh McNair dan Gat Lebuh Macallum; dan

(d) rumah-rumah kedai sepanjang Jalan Maxwell : proses penempatan semula orang-orang yang terlibat dalam projek KOMTAR adalah berterusan.

Perbincangan sedang diadakan dengan penghuni-penghuni bangunan dalam Fasa 3, 4 dan 5 KOMTAR. Sebaik sahaja penghuni-penghuni tersebut menerima kemudahan penempatan semula, mereka dikehendaki berpindah apabila perbincangan telah ditetapkan. Dalam semua tindakan untuk penempatan semula, notis yang mencukupi telah diberi.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan kesebelas.

11. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dinding-dinding bahagian depan rumah-rumah di alamat 143, 145 dan 147, Jalan Magazine, Pulau Pinang, yang telah retak setahun yang lalu akibat kerja-kerja menanam ceruruk pembinaan projek Hotel KOMTAR masih belum dibaiki oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau kontraktor-kontraktornya? Jika ya, oleh kerana retak-retak itu boleh menyebabkan rumah-rumah tersebut runtuh pada bila-bila masa sahaja dan juga mengancam keselamatan penghuni-penghuni, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan pihak-pihak yang berkenaan supaya meneliti perkara ini dengan segera serta memperbaiki bangunan-bangunan itu?

*(11. Is the Honourable Chief Minister aware that the walls of the front portion of houses Nos. 143, 145 and 147 Magazine Road cracked over a year ago caused by the piling work in the construction of the KOMTAR Hotel project has yet to be repaired by P.D.C. or its contractors? If so, as the crack to the walls can cause the houses to collapse anytime and pose a threat to the safety of the tenants, will the Honourable Chief Minister direct the parties concerned to immediately look into the matter and have the premises repaired?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, jawapan saya ialah ya, Bagaimanapun, perkara ini perlu diselesaikan sendiri oleh pihak Hotel KOMTAR dan penghuni-penghuni yang telah terlibat. Apa yang saya dapat tahu ialah kontraktor Hotel KOMTAR telah bersetuju untuk membayar kos membaiki.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Mengapakah kerosakan ke atas rumah-rumah itu dibiarkan, tidak dibaiki bagi masa yang lama.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, perkara ini pun telah diselesaikan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 12:

12. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai dipercayai sedang mengalami kerugian kutipan hasil beratus ribu ringgit akibat amalan-amalan rasuah yang didakwa berlaku di kalangan pekerja-pekerja membuang sampah? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan suatu "Suruhanjaya Penyiasatan" yang terdiri daripada orang yang bebas *(independent)* untuk menyiasat dakwaan yang serious itu?

*(12. Is the Honourable Chief Minister aware that the Municipal Council Seberang Perai is believed to be losing hundreds of thousands of dollars in revenue because of alleged corrupt practices among its garbage-disposal staff? If so, will the State Government set up a Commission of Inquiry comprising independent people to investigate into this serious allegation?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, dakwaan ini adalah karut dan tidak benar sama sekali. Sesungguhnya kerja-kerja pemungutan sampah dan pembersihan sampah adalah satu daripada perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jadi dengan ini, tidak timbul sebarang kutipan ataupun bayaran yang dibuat semasa pekerja-pekerja ini menjalankan kerja masing-masing. Jadi masalah rasuah tidak timbul.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 13:

13. Memandangkan bertambahnya lalulintas di kawasan Ayer Itam, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina jalan alternatif bagi memudahkan aliran lalulintas sepanjang jalan dari pusat bandar ke Ayer Itam? Jika ya, sila berikan butir-butir lengkap mengenai rancangan tersebut. Jika tidak, mengapa?

*(13. In view of the increased traffic in the Ayer Itam area, can the Honourable Chief Minister inform this House*

*whether the State Government has planned any alternative roads to ease the traffic flow along the only road leading from the city to Ayer Itam? If so, give details and if no, why not?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah bercadang menyambung Jalan Lumba Kuda dengan Jalan Batu Gantung. Jumlah kos projek ini adalah kira-kira $1.7 juta dan Majlis telah membuat permohonan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk melaksanakannya. Memandangkan juga banyak projek pembangunan di Thean Teik Estate dan juga di tempat-tempat di sepanjang Jalan Paya Terubong, Kerajaan Negeri sedang pun mengkaji kemungkinan menyambung Jalan Batu Lanchang dengan Thean Teik Estate untuk mengurangkan kesesakan di persimpangan Jalan Ayer Itam.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tanjung Bungah memberitahu sama ada pelan-pelan yang ada pada masa ini boleh mengatasi lalulintas kesesakan di kawasan itu *on a long-term basis?*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, perkara ini sedang dikaji.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 14:

14. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sekumpulan pemandu teksi sedang menjalankan kegiatan mereka di sebelah *"interchange"* bas di KOMTAR? Jika ya, memandangkan kekurangan tempat letak teksi di kawasan tersebut dan juga kesesuaian tempat bagi pemandu-pemandu teksi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orangramai ke KOMTAR dan dari KOMTAR adakah Kerajaan Negeri akan menimbang untuk menjadikan tempat tersebut sebagai perhentian letak teksi secara tetap dan membolehkan pemandu-pemandu teksi menjalankan terus perkhidmatan mereka di sana?

*(14. Is the Honourable Chief Minister aware that a group of taxi drivers has been operating from next to the bus interchange at KOMTAR? If so, in view of the lack of sufficient taxi stands in the area and the suitability of the place for the taxi drivers to provide better services for the commuters to and from KOMTAR, will the State Government consider making the place into a permanent taxi stand and allow the taxi drivers to continue to operate from the area?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, Majlis memanglah sedar bahawa sekumpulan pemandu-pemandu teksi sedang menjalankan kegiatan mereka di kawasan yang berhampiran dengan pertukaran bas di jalanraya. Tempat itu adalah untuk bas-bas menurunkan penumpang-penumpang dan adalah tidak begitu sesuai untuk dijadikan tempat perhentian teksi.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri akan memberi tapak alternatif kepada pemandu-pemandu teksi itu?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, pembinaan KOMTAR adalah baru di peringkat Fasa 1, jadi perkara itu sudah tentulah ada dalam perancangan dan pemikiran kita. Kita akan pertimbangkan semua masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi dan juga pengguna-pengguna jalanraya sama ada penumpang bas ataupun penumpang-penumpang teksi.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 15:

15. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini jumlah wang yang dibelanjakan dalam lawatan penggalakan perdagangan dan pelancongan peliau ke Negeri Jepun dan New Zealand dalam bulan April tahun ini?

*(15. Can the Honourable Chief Minister inform this House the total amount of*

*money spent on his trade-and-tourism promotion trip to Japan and New Zealand in April this year?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan bagi rombongan perindustrian perdagangan dan penggalakan pelancongan ke Jepun, Korea dan New Zealand pada bulan April tahun ini ialah $156,446.52

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Daripada jumlah tersebut, sila beri mengikut pecahan bagaimanakah wang tersebut dibelanjakan?

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

TuanSpeaker, jumlah perbelanjaan di Jepun dan Korea adalah $121,200.24 dan perbelanjaan di New Zealand jumlahnya adalah $35,246.28.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bagaimana wang tersebut dibelanjakan? *Not how much but how it was spent.*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, perbelanjaan ini adalah untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggalakan pelancongan untuk Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 16:

16. Adakah benar projek Kereta Kabel Bukit Bendera akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dengan kos perbelanjaan sebanyak $7 juta? Jika ya,

    (a) di manakah kawasan sebenar bagi menempatkan projek ini;

    (b) bilakah pembinaan projek ini akan dimulakan dan dijangka siap; dan

    (c) adakah pelaksanaan projek ini bermakna projek jalanraya di Bukit Bendera akan dibatalkan?

*(16. Is it true that the Penang Hill cable car project will be implemented under the 5th Malaysia Plan at a cost of $7 million? If so,*

*(a) where exactly will the project be located;*

*(b) when will work on the project be expected to commence and be completed; and*

*(c) does the implementation of this project mean that the Penang Hill road project will be scrapped?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, Projek Kereta Kabel Bukit Bendera masih lagi dalam pertimbangan. Dengan yang demikian, anggaran kos dan tapak pembinaan belum ditentukan lagi. Projek jalanraya ke atas Bukit Bendera akan terus dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, jikalau jawapannya sedemikian, mengapakah Ahli dari Kawasan Ayer Itam mengumumkan projek itu akan ditetapkan dalam masa Rancangan Malaysia Kelima dengan jumlah wang $7 juta?

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, apa yang telah diumumkan adalah ketetapan cadangan untuk menjalankan kajian kemungkinan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Macam mana $7 juta ini ditetapkan?

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, ini adalah satu anggaran untuk cadangan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 17:

17. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini hasil perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berhubung dengan pembinaan akuarium baru di Pulau Pinang bagi menggantikan akuarium lama yang telah ditutup sejak tahun 1982 disebabkan kerosakan struktur bangunan?

*(17. Can the Honourable Chief Minister inform this House the outcome of the discussion between the State Government and the Federal Government as regards the construction of a new aquarium in the State of Penang to replace the old one closed since 1982 due to structural faults?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri masih lagi berunding dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan pembinaan akuarium yang baru untuk menggantikan yang lama. Buat masa itu, projek ini telah ditangguhkan oleh Kerajaan Pusat kerana keadaan ekonomi negara yang meleset.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan ke 18:

18. Adakah Negeri Pulau Pinang akan menyambut ulangtahun yang ke 200 pada tahun hadapan? Jika ya, berikan maklumat-maklumat lengkap mengenai acara-acara yang disediakan bagi perayaan tersebut.

*(18. Will the State be celebrating the bicentennial of its founding next year? If so, give details of the plan drawn up for the celebration.)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang akan menyambut ulangtahun ke 200 pada tahun 1986. Satu Jawatankuasa penyelaras telahpun ditubuhkan untuk merancang aktiviti-aktiviti bagi sambutan ulangtahun yang ke 200. Ini akan melibatkan semua sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam berbagai program seperti pesta budaya, acara kesukanan dan malam peniaga-peniaga makan.

Di dalam acara pesta budaya, akan diadakan pertunjukan kebudayaan yang meliputi filem-filem dan lagu-lagu nyanyian Allahyarham P. Ramlee, pertandingan pancaragam sekolah-sekolah ASEAN dan pertandingan fesyen-fesyen pakaian. Acara kesukanan seperti perlumbaan perahu antarabangsa, pertandingan renang menyeberang Selat Pulau Pinang di peringkat antarabangsa akan juga disediakan. Malam peniaga-peniaga makanan akan diadakan di Kota Cornwallis di mana rakyat Pulau Pinang dapat menikmati berbagai jenis makanan yang terdapat di negeri ini. Program ini akan dijalankan di sepanjang tahun.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Ahli dari Tanjung Bungah memberitahu berapa banyak wang telah diperuntukkan untuk Perayaan Ulangtahun yang ke 200 itu?

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, program ini telah dicadangkan dan anggaran perbelanjaan ini sedang diusahakan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bila keputusan boleh dibuat mengenai perbelanjaan itu?

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, anggaran ini akan disiapkan dengan secepat mungkin.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat Encik Teoh Kooi Sneah.

**III. Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah) bertanya kepada Ketua Menteri:**

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):**

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa permohonan-permohonan untuk mendapat lesen ternakan babi daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai terlebih dahulu dirujuk untuk mendapat persetujuan J.K.K.K. dan Jawatankuasa Pertanian Negeri sebelum dipertimbangkan oleh Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai? Jika ya, apakah tujuan peraturan baru ini? Adakah Yang Amat Berhormat sedar dengan perlaksanaan peraturan baru ini akan mendatangkan diskriminasi dan juga menyusahkan penternak-penternak? Adakah apa-apa cadangan

untuk menarik balik peraturan baru ini?

*(1. Is the Hon'ble Chief Minister aware that applications for licences from the Municipal Council, Seberang Perai to rear pigs have to be referred to the Village Development and Security Committee and the State Agriculture Committee before being considered by the Council? If so, what is the purpose of this new requirement? Is the Hon'ble Chief Minister aware that this requirement is discriminatory and causes hardship to the pig farmers? Is there any plan to withdraw this new requirement?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, tujuannya ialah untuk menjaga kepentingan masalah sosial dan juga keselamatan setempat yang mungkin diakibatkan oleh penternakan tersebut.

Peraturan ini adalah melibatkan permohonan lesen-lesen baru dan pihak Majlis akan meneliti kehendak-kehendak yang dikemukakan oleh jabatan-jabatan dan juga pihak-pihak yang kita rasakan perlu untuk kepentingan jangka panjang. Peraturan ini adalah diperingkat perlaksanaan dan akan dikaji dari satu masa ke satu masa.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah ternakan lain seperti lembu dan kambing melalui peraturan seperti ini?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Ini tidak terlibat, Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Terlibat soalan?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Jawapan saya tadi, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Pengkalan Kota tidak terlibat.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):**

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Berapa permohonan bagi kelulusan pelan tatasusunan seperti Lot 2622, Mukim XI, dan lot-lot lain di sekitar kawasan Jalan Kaledonia, Nibong Tebal telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai lebih dari empat tahun yang lalu yang bertujuan untuk memajukan kawasan mundur tetapi masih belum mendapat jawapan walaupun beberapa peringatan telah dikirimkan oleh akitek mereka masing-masing. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengambil tindakan untuk menyiasat sebab-sebab kelewatan atas permohonan-permohonan tersebut.

*(2. Many applications for approval of layout plans such as with regards to Lot 2622, Mukim XI and for other lots in the vicinity of Jalan Kaledonia, Nibong Tebal have been sumitted to the Municipal Council, Seberang Perai more than four years ago to develop the areas but yet to receive any acknowledgement despite reminders from the architects concerned. Can the Hon'ble Chief Minister take action to investigate the reasons for the delay?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, sebenarnya Lot 2622 dan kawasan sekitarnya dalam Mukim 11, Bandar Nibong Tebal, adalah dirangkumi oleh pelan-pelan deraf P5/4109 dan P5/4359 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Kampung, Negeri Pulau Pinang. Pelan-pelan ini masih dalam kajian jabatan-jabatan teknikal Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ekoran daripada ulasan jabatan-jabatan teknikal tersebut, P5/4359 telahpun dikaji dan terpaksa diubahsuaikan iaitu untuk tujuan pihak Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan telah membuat kajian tapak secara yang lebih terperinci bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang kita anggap agak perlu dan *"up-to-date"*.

Untuk masa sekarang, pelan alternatif bagi kawasan yang terlibat dengan pelan P5/4359 yang telah disebut adalah di dalam proses penyediaan. Dengan ini, pihak Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Seberang Perai, belum boleh mengambil apa-apa tindakan atau membuat apa-apa keputusan terhadap permohonan-permohonan yang terlibat, sehingga pelan tersebut dapat di-

sediakan dan dilengkapkan dengan sebaik-baiknya. Perkara ini adalah akan diselesaikan dengan secepat-cepat yang boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):**

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Satu permohonan daripada lapan orang pembeli tanah Lot 402, Mukim TSNT, telah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Selatan untuk merayu supaya bayaran cukai tanah mereka dapat dibahagi-bahagikan. Di atas tanah tersebut, Sekolah Rendah Methodist menduduki seluas 4.3 ekar, pihak MARA 0.15 ekar dan 8 orang lain berkongsi 1.3 ekar. Jumlah tunggakan cukai tanah adalah sebanyak lebih kurang $28,000..00 dan masih tidak dapat dijelaskan kerana masalah tersebut. Rayuan tersebut dibuat pada tahun 1984 dan keadaannya masih tidak diketahui. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah yang telah terjadi kepada rayuan mereka itu dan bilakah kesulitan tersebut dapat diatasi agar pembeli-pembeli tanah berkenaan dapat membayar cukai tanah masing-masing?

*(3. An application from eight land owners of Lot 402 Mukim TSNT has been submitted to the Land Administration Office in Seberang Perai Selatan to appeal for their quit rent to be paid in instalments. The Methodist Primary School occupies 4.3 acres on the lot; MARA occupies 0.15 acres and the rest are owned by 8 other persons. The total arrears in quit rent is $28,000.00 and cannot be paid because of the problem. The appeal was submitted in 1984 and the outcome is not yet known. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House what is the outcome of the appeal and when will the problem be resolved so that the land owners concerned can pay their quit rent?)*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, rayuan daripada 8 orang pembeli sebahagian daripada Lot 402, Bandar Nibong Tebal telah diterima oleh Pejabat Tanah, Seberang Perai Selatan dalam tahun 1984. Pejabat Tanah, Seberang Perai Selatan dalam proses menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan dan apabila kertas tersebut diterima, Pihak Berkuasa Negeri akan membuat keputusan.

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh setengah jam.

**Dewan ditangguh pada jam 11.00 pagi.**

**Dewan bersidang semula pada jam 11.34 pagi.**

**(IV). Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli) bertanya kepada Ketua Menteri:**

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk Pesta Pulau Pinang pada tahun lalu dan jumlah wang pendapatan yang diperolehi?

*(1. What is the income and expenditure for Pesta Pulau Pinang 1984?*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, jumlah pendapatan yang diperolehi untuk Pesta Pulau Pinang pada tahun 1984 ialah sebanyak $1,446,724.00 dan jumlah perbelanjaan ialah sebanyak $1,158,585.00.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kegiatan belia di negeri ini sejak bulan Januari 1985 hingga 31 Mei 1985? Sila sebutkan apakah jenis kegiatan dan peralatan yang telah dibeli serta jumlah perbelanjaan bagi tiap-tiap kegiatan dan jumlah harga peralatan yang dibeli?

*(2. How much funds have been expended by the State Government for youth activities in the State from January 1985 until 31 May, 1985? Please state the types of activities and equipment purchased and the expenditure for each of these items.)*

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telahpun memperuntukkan $10,000.00 tiap-tiap tahun kepada Majlis Belia Negeri bagi kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan. Mulai pada tahun ini, Kerajaan Negeri memberi peruntukan tambahan sebanyak $20,000.00 lagi. Di samping itu juga Kerajaan Negeri telah meluluskan $11,550.00 lagi kepada Majlis Belia Negeri untuk perjumpaan Belia ASEAN dan Forum Belia sempena Perayaan Tahun Belia Antarabangsa. Jumlah peruntukan yang diluluskan sehingga kini berjumlah $41,350.00.

Bagi soalan (b), di antara jenis kegiatan-kegiatan yang telah, sedang dan akan dijalankan termasuklah forum, perjumpaan belia ASEAN, perhimpunan belia, perkhemahan antarabangsa, kem kepimpinan belia, pertandingan program belia dan pamiran, kem latihan semangat dan khemah kerja pembangunan masyarakat. Kerajaan Negeri sehingga kini tidak pernah membeli alatan-alatan untuk para belia di Negeri ini.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Berapakah jumlah baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat yang masih belum dibayar sehingga hari ini? Bilakah hutang ini dijangka akan diselesaikan?

*(3. What is the outstanding State loan not yet repaid to the Federal Government to date? When are the loans expected to be repaid?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat yang masih belum dibayar sehingga hari ini berjumlah $307,736,219.00. Hutang ini dijangka akan diselesaikan sebelum tahun 2009.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Kerajaan Negeri telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan pengangguran di Negeri ini. Sejauh manakah kejayaan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sejak tiga tahun yang lalu? Sila nyatakan jumlah pekerjaan yang dapat diujudkan pada tahun-tahun 1982, 1983 dan 1984. Berapa ramaikah yang masih lagi menganggur di Negeri Pulau Pinang?

*(4. The State Government has spared no effort to reduce the unemployment problem in the State. To what extent has this been successful for the past three years? Please state the number of job opportunities created for the years 1982, 1983 and 1984? What is the number of unemployed in the State?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, kadar pengangguran bagi Negeri Pulau Pinang dianggarkan 5.5% dalam tahun 1980.

Dalam konteks ekonomi, gunatenaga penuh diambil kira di mana kadar penganggurannya lebih kurang 4%. Berasas ini dapat dikatakan bahawa masalah pengangguran Pulau Pinang adalah tidak begitu berat. Perkembangan dan pertumbuhan ekonomi dalam berbagai sektor ekonomi Negeri ini telah membolehkan Negeri ini mencapai kadar pengangguran yang rendah.

Walaupun pertumbuhan ekonomi lembab sejak permulaan 80an, namun Negeri ini telah mencapai kadar pertumbuhan yang positif. Kadar pertumbuhan bagi tempoh 1981 hingga 1983 ialah 6.9% berbanding dengan kadar pertumbuhan negara iaitu 6.2% pada tempoh yang sama. Dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita Pulau Pinang mencapai kadar purata pertumbuhan tahunan 4.1% bagi tempoh 1981 sampai tahun 1983 manakala purata negara adalah 3.6%.

Jumlah dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita juga bertambah dalam angka benar *(absolute amount).* Keluaran Dalam Negeri Kasar bertambah dari $2,133 juta dalam tahun 1980 ke $2,605 juta dalam tahun 1983 dan Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita pula bertambah dari $2,235 ke $2,596 bagi tempoh yang sama.

Sektor perkilangan menjadi sumber gunatenaga yang terbesar. Adalah dianggarkan bahawa seramai 89,735 orang bekerja dalam sektor ini hingga Disember tahun 1981.

Corak struktur pekerjaan di peringkat kebangsaan berhubung dengan gunatenaga menunjukkan bahawa pekerja-pekerja pengeluaran men-

catatkan tambahan yang paling tinggi dari segi angka sebenar dalam tempoh 1981 hingga 1983. Di Pulau Pinang sektor perkilangan telah mengekalkan kedudukannya sebagai sektor utama ekonomi dan adalah diharapkan bahawa corak yang sama ujud di peringkat kebangsaan.

Tuan Speaker, berasaskan kepada corak pertumbuhan di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan yakin bahawa kadar pengangguran Negeri ini akan terus kekal di tahap yang rendah.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Berapakah jumlah bilangan dan nilai biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini? Sila sebutkan bilangan dan jumlah peruntukan bagi:-

(i) pengajian tinggi;

(ii) sekolah menengah; dan

(iii) institiut-institiut lain, jika ada.

*(5. What is the total number and value of scholarships offered by the State Government this year? Please state the number and allocation for the following:-*

*(i) institutions of higher learning;*

*(ii) secondary schools; and*

*(iii) other institutions, if any.*

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hussain bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang kelima, bilangan biasiswa yang akan ditawarkan pada tahun 1985 ini adalah sebanyak 29 orang yang berjumlah $76,400.00 dan pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:-

(a) **Untuk Pengajian Tinggi**

| **Bil.** | **Universiti** | **Jumlah Penuntut** |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Sains Malaysia | 9 |
| 2. | Universiti Sains Malaysia | 7 |
| 3. | Universiti Utara Malaysia | 1 |
| 4. | Universiti Kebangsaan Malaysia | 1 |
| 5. | Universiti Teknologi Malaysia/Universiti Pertanian Malaysia/Institiut Teknologi Mara/Kolej Tengku Abdul Rahman | 1 tiap-tiap satu universiti. |
| 6. | Politeknik Kuantan/Politeknik Ungku Omar | 1 |
| 7. | Biasiswa Khas untuk Bumiputera | 3 |
| 8. | Biasiswa Khas untuk Pengajian Islam | 5 |
| | Jumlah | 29 |

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Soalan tambahan Tuan Speaker : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk melebihkan jumlah bilangan biasiswa di Negeri kita?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Memang dalam hasrat Kerajaan untuk menimbangkan bagi menambah bilangan dan juga peruntukan kepada biasiswa Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak mengadakan sistem pembahagian biasiswa ini mengikut kadar 45 : 45 : 10 sepertimana pemberian perumahan murah Kerajaan kepada orang ramai?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, saya ingat soalan ini ada kaitan dengan soalan yang keenam, jadi tunggu sebentar.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, maaf, soalan yang keenam:

6. Berapa ramaikah bilangan bumiputra dan bukan bumiputra yang telah berjaya mendapat biasiswa Negeri ini dan bagaimanakah sistem atau cara pengagihan dibuat?

(6. *What is the number of bumiputra and non-bumiputra scholarship holders and what system is used in the selection of bumiputra/non-bumiputra applicants?)*

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang keenam, semua kaum adalah diberi peluang yang sama untuk mendapatkan biasiswa Kerajaan Negeri. Bagi pelajar-pelajar bumiputra, ramai di antara mereka yang mendapat biasiswa daripada lain-lain badan penganjur seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, Badan Berkanun, PETRONAS, syarikat-syarikat dan lain-lain lagi. Kebanyakan mereka ini tidak memohon biasiswa Kerajaan Negeri. Seramai 47 orang bumiputra dan 187 orang bukan bumiputra telah berjaya mendapat biasiswa Kerajaan Negeri sejak tahun 1970 hingga 1984.

Cara-cara pemberian biasiswa Negeri adalah berdasarkan kepada:

(a) keputusan pencapaian akademik peperiksaan;

(b) pendapatan ibu bapa atau penjaga;

(c) tanggungan ibu/bapa/penjaga.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak mengadakan pemberian secara sistem kuota sepertimana yang dikhaskan pemberian rumah murah iaitu 45 : 45 : 10?

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, buat masa ini sepertimana jawapan yang telah saya berikan, semua kaum adalah diberi peluang untuk mendapatkan biasiswa Kerajaan Negeri. Pendek kata pada masa ini, penuntut-penuntut sama ada daripada kalangan bumiputra ataupun bukan semuanya akan mendapat pinjaman. Kalau mereka tidak mendapat biasiswa mereka akan diberi pinjaman.

Mengikut laporan kebanyakan tawaran-tawaran yang telah diberi kepada penuntut-penuntut terutama sekali bagi bumiputra, manakala mereka menerima tawaran, kebiasaannya mereka menolak tawaran itu dengan alasan mereka telah memperolehi daripada badan-badan yang lain sepertimana Perkhidmatan Awam dan seumpamanya dan buat masa ini kita belum bercadang untuk mengadakan kuota seperti yang dimaksudkan oleh Ahli dari Kubang Semang.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan saya yang ketujuh:

7. Setakat ini berapa ramaikah pemodal-pemodal termasuk pelabur-pelabur asing yang telah datang melabur di Negeri ini? Berapa ramai lagi yang dijangka akan melabur pada masa akan datang?

(7. *To date, what is the number of industrialists including foreign industrialists who have invested their capital in the State? Who many more investors are expected in the future?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, sehingga bulan Disember tahun 1984, terdapat sejumlah 259 kilang yang beroperasi di beberapa kawasan perindustrian termasuk Zon-zon Perdagangan Bebas di dalam Negeri ini yang telah dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Dari jumlah ini, 67 buah kilang adalah kepunyaan pelabur asing.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menerima sejumlah 145 pertanyaan daripada pelabur-pelabur asing dalam jangkamasa tahun 1980 hingga Mei, 1985.

**(V) Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie) bertanya kepada Ketua Menteri:**

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang pertama:

1. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan menambah elaun pegawai-pegawai mesjid dalam Negeri ini memandangkan elaun yang diberikan terlalu kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia?

(1. *Does the State Government propose to increase the allowances paid to mosque officials in the State in view of the fact that the present allowances are too low compared to the allowances paid in the other States in Malaysia?)*

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, bersabit dengan soalan dari Ahli Kawasan Penanti, memanglah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan bagi menambahkan bayaran saguhati kepada pegawai-pegawai masjid yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang ini. Walaupun pada hari ini bagi pihak Kerajaan Negeri telahpun memberi sumbangan tetapi pihak Kerajaan sedang menimbang untuk menambah lagi saguhati yang dimaksudkan itu.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang kedua:

2. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan memberi gaji ataupun elaun tetap kepada guru-guru agama rakyat dalam Negeri ini?

(2. *Does the State Government propose to pay salaries or fixed allowances to religious teachers in the State?)*

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Bagi menjawab soalan yang kedua, demikian juga Y.B. Tuan Speaker, iaitu Kerajaan Negeri sedang mengkaji untuk memberi gaji ataupun elaun tetap kepada guru-guru ugama sekolah rakyat yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang pada hari ini.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang ketiga:

3. Bilakah Pihak Berkuasa Air akan memasang paip baru di kawasan Jarak, Padang Chempedak dan Padang Menora bagi menggantikan paip lama yang didapati selalu sahaja pecah dan bekalan air yang diperlukan tidak mencukupi di semua rumah di kawasan tersebut?

(3. *When will the State Water Authority lay new water mains in Jarak, Padang Cempedak and Padang Menora to replace the old mains which frequently break down causing poor water pressure for the households in the areas concerned?)*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, sesungguhnya tawaran telahpun dikeluarkan dalam bulan Mei iaitu untuk menukarkan sesalur 4" yang terdapat di kawasan Jarak, Padang Chempedak dan Padang Menora dengan sesalur yang lebih besar iaitu UPVC yang berukuran 6", tetapi agak malang sedikit sebab kontraktor yang telah diberi tugas itu masih lagi belum menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Air sedang mengejar kontraktor ini supaya perkara itu diselesaikan dengan secepat yang boleh.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa paip-paip air yang dipasang di tempat yang telah dikatakan tadi adalah hampir 30 tahun yang lalu dan ini patut digantikan 10 tahun yang lalu, jadi inilah yang menjadi keadaan yang tidak puashati penduduk-penduduk di situ?

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Kita sedar oleh sebab itu telahpun kita peruntukkan kepada sebuah syarikat. Malangnya,, seperti yang saya katakan tadi, syarikat ataupun kontraktor itu masih lagi belum menjalankan tugas mereka dan Pihak Berkuasa Air seperti yang saya katakan tadi, sedang mengejar kontraktor ini supaya melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka ini dengan secepat yang boleh dan jika mereka gagal mungkin kita akan panggil kontraktor baru.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang keempat:

4. Adakah pihak Jabatan Kerja Raya mengetahui bahawa jalan dari Simpang Sungai Jarak ke Tasek Gelugor telah rosak dan didapati rendah sebelah dan berlopak-lopak yang boleh membahayakan perjalanan lalulintas?

(4. *Is the P.W.D. aware that the road from Simpang Sungai Jarak to Tasek Gelugor is badly pot-holed and sinking on one side and is dangerous to traffic?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, kerja-kerja menanam kabel

telekom di jalan dari Sungai Jarak ke Lahar Yooi masih dijalankan. Tarikh mula kerja pada bulan April tahun ini dan dijangka akan siap pada 15 Ogos 1985.

Selepas siap kerja Jabatan Telekom perlu memberitahu Jabatan Kerja Raya supaya membaiki jalan tersebut semula. Jabatan Telekom adalah bertanggungjawab menyelenggara jalan tersebut dari tarikh siapnya kerja hingga ke tarikh di mana Jabatan Kerja Raya membaiki semula jalan.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang kelima:

5. Bilakah Pejabat Daerah yang baru akan dibina di Bukit Mertajam?

*(5. When will the new District Office be built in Bukit Mertajam?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, projek pembinaan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, telahpun diberi perhatian dan prjek ini telahpun dicadangkan di dalam program Rancangan Malaysia Kelima.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan yang keenam:

6. Bilakah perumahan kos rendah yang diujudkan oleh Kerajaan Negeri di Kampong Besar dan Kampong Selamat boleh diduduki oleh pemohon-pemohon yang berjaya?

*(6. When will the State low-cost housing units in Kampong Besar and Kampong Selamat be allocated to the successful applicants?)*

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, penyerahan kunci-kunci rumah kepada penghuni-penghuni yang berjaya dalam peruntukan perumahan Kampong Besar dan Kampong Selamat akan dilakukan pada 22 Julai ini.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa dengan kelambatan ataupun kelewatan pemberian rumah-rumah murah yang telah siap kepada pemohon, Kerajaan adalah menanggung rugi disebabkan berlakunya perkara-perkara seperti cermin pecah, barang-barang seperti kepala paip hilang dan sebagainya?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):**

Tuan Speaker, kalau ada sedikit kerosakan mungkin ada sedikit kerugian.

**(VI) Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hong Keat) bertanya kepada Ketua Menteri:**

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Memandangkan kepada pencemaran bunyi (bising) dan alam sekitar berlaku sejak kerja-kerja Projek KOMTAR dijalankan, adakah Kerajaan mengambil tindakan pengawalan terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar tersebut?

*(1. In view of the noise and environmental pollution arising from the KOMTAR project, will the Government take action to control these problems facing the residents in the area?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, dalam sebarang kerja-kerja pembinaan yang melibatkan menanam cerucuk, mengorek tanah dan pembinaan bangunan, kerumitan yang timbul daripada bunyi bising dan debu tidak dapat dielakkan. Kontraktor-kontraktor berkenaan adalah dikehendaki menentukan bahawa kerumitan sedemikian dikurangkan kepada tahap yang minima.

Kakitangan tapak adalah bertanggungjawab bagi menentukan bahawa kontraktor-kontraktor berkenaan mematuhi amalan untuk menjaga kebersihan kawasan kerja serta laluan-laluan tidak diganggu dengan sampah sarap dan tanah.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Sila nyatakan bilangan perkhidmatan awam yang telah diswastakan selaras dengan konsep pengswastaan dan apakah kesannya?

*(2. Please state the number of public services which have been privatised in accordance with the privatisation concept and what has been the effect?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, setakat ini Kerajaan Negeri telah mengambil langkah mengswastakan beberapa perkhidmatan. Di peringkat Kerajaan Tempatan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diswastakan adalah seperti berikut:-

(i) Pemungutan serta perlupusan sampah sarap

(ii) Pengangkutan najis di kawasan luar bandaraya

(iii) Pembersihan serta penyelenggaraan tandas-tandas awam

(iv) Tempat letak kereta

(v) Pengendalian worksyop Jabatan Pengangkutan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Berhubung dengan kerja-kerja projek KOMTAR yang sedang dilangsungkan itu, adakah Kerajaan akan menempatkan peniaga-peniaga di Jalan Maxwell ke tapak-tapak yang sesuai untuk meneruskan perniagaan mereka?

*(3. Will the Government resettle those traders along Maxwell Road affected by the KOMTAR project in suitable areas so that they can continue their trading activities?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, pihak Perbadanan bersama-sama pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedang berunding untuk menempatkan semula peniaga-peniaga kecil dan syarikat-syarikat bas di Jalan Maxwell. Beberapa tapak sedang dikaji untuk penempatan semula ini dan sebaik sahaja butir-butir terperinci diselesaikan, perbincangan akan diadakan dengan peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat bas yang terlibat.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menarik pelancong-pelancong luar negeri memandangkan peniaga-peniaga di pusat bandar Negeri ini mengalami kemelesetan dalam perniagaan mereka dari masa ke semasa?

*(4. What measures have been taken by the Government to attract foreign tourists in view of the fact that traders in the city centre have been facing poor business from time to time?)*

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri adalah terlibat secara langsung dalam menggalakkan pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Bagi melaksanakan tujuan tersebut Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kemajuan Pelancongan Negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti penggalakan pelancongan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Negeri telahpun mengeluarkan bahan-bahan pencetakan seperti *"Penang Travel News"*, *"The Penang Travel Manual"*, *"Penang Map"* dan sebuah buku bertajuk *"This Place Called Penang"* di samping kalendar tahunan.

Kerajaan Negeri juga mengambil bahagian dalam Persidangan dan Bengkel Tahunan PATA. Sebagai tambahan, tugas penggalakan pelancongan bersama dengan sektor swasta ditubuhkan. Aktiviti penggalakan pelancongan seperti Pesta Pulau Pinang, Pesta Perahu Antarabangsa Pulau Pinang, Marathon Cathay Pacific Pulau Pinang, Perlumbaan Kereta Pulau Pinang atau Grand Prix di samping seminar-seminar diadakan setiap tahun. Bagi mempastikan penglibatan sektor swasta, Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan berbagai Jawatankuasa Penggalakan Pelancongan seperti Persatuan Pelancongan Pulau Pinang, Persatuan Pemandu-pemandu Pelancong Pulau Pinang dan Persatuan Hotel-hotel Pantai Pulau Pinang, kesemua organisasi-organisasi yang disebutkan memberi kerjasama rapat dalam menggalakkan dan memesatkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Adakah Kerajaan dapat memastikan bahawa setiap kakitangan awam tidak terlibat dalam masalah dadah? Apakah cadangan-cadangan untuk mengubah sikap perkhidmatan mereka (terhadap orang ramai)?

*(5. Can the Government ensure that every government servant does not get involved in the drug problem? What are the plans to change their attitude towards their service (to the public)?*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, Kerajaan sentiasa mempastikan setiap kakitangan awamnya tidak melibatkan diri dalam masalah dadah, dengan menubhkan pasukan Petugas Anti Dadah di setiap jabatan. Langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan mereka adalah seperti yang termaktub di dalam peraturan-peraturan perkhidmatan.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):**

Tuan Speaker, soalan keenam.

6. Adakah Kerajaan pernah menimbang untuk membiarkan orang ramai bebas melawat pejabat-pejabat Kerajaan di menara KOMTAR bagi menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi?

*(6. Has the Government ever considered allowing the public free access to the Government offices in the KOMTAR tower block?)*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, Kerajaan Pulau Pinang telah mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kaunter *(counter service)* di Lapisan 3, Bangunan KOMTAR bagi mewakili semua jabatan-jabatan Kerajaan yang ada di Menara KOMTAR itu. Dengan demikian orang awam yang ada di Menara KOMTAR itu. Dengan demikian orang awam yang hendak berhubung dengan jabatan Kerajaan tidak perlu menaiki Menara KOMTAR kerana dijangka perkhidmatan kaunter dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka dengan segera. Dalam kes-kes di mana terdapat masalah-masalah yang sulit diatasi, pihak yang terlibat boleh menemui pegawai yang tertentu yang berkenaan di Bilik Khas di Lapisan 3. Hanya dalam keadaan yang khas dan tertentu sahaja orang-orang awam akan dibenarkan naik ke tingkat-tingkat tertentu di Menara KOMTAR. Ini adalah satu aturcara yang baru dan Kerajaan berharap dengan hubungan baik di antara orang-orang awam dan pentadbiran, masalah-masalah yang akan dibangkitkan di masa hadapan boleh diselesaikan.

## 4(B). JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas meja Dewan.

## JAWAPAN-JAWAPAN KEPADA SOALAN BERTULIS

**(I) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-**

1. Berapakah jumlah permohonan bagi mendapatkan unit-unit perumahan kos rendah yang didaftarkan dengan Bahagian Perumahan Kerajaan setakat ini yang masih belum diperuntukkan? Berikan angka-angka pecahan permohonan mengikut kaum dan tahun permohonan dibuat.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

(a) Jumlah bilangan unit perumahan yang dibina dan telah disiapkan oleh pihak swasta di Negeri Pulau Pinang dari tempoh Rancangan Malaysia Keempat hingga setakat ini?

(b) Daripada jumlah unit perumahan yang dibina dan yang telah disiapkan oleh pihak swasta, berikan pecahan angka mengikut lingkungan harga-harga berikut:-

(i) $25,000.00 dan ke bawah

(ii) $25,000.00 ke $60,000.00

(iii) $60,000.00 ke $100,000.00

(iv) $100,000.00 dan ke atas

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

(a) Jumlah tunggakan-tunggakan bayaran ansuran bulanan bagi unit-unit perumahan kos rendah yang belum dijelaskan oleh para penghuni kepada Kerajaan Negeri di semua kawasan perumahan setakat ini dengan memberikan pecahan angka mengikut kaum?

(b) Adakah Jawatankuasa Rayuan ditubuhkan di setiap daerah untuk menyiasat masalah ini? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil? Jika tiada sebarang tindakan diambil, beri sebab-sebabnya;

(c) Jika Jawatankuasa Rayuan tersebut belum ditubuhkan, beri sebab-sebabnya.

(d) Apakah kuasa-kuasa dan fungsi Jawatankuasa Rayuan tersebut?

(e) Berikan nama ahli-ahli dalam semua Jawatankuasa Rayuan di setiap daerah, jika ada.

4. Berapakah jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1985 setakat ini berikan angka-angka pecahan hasil yang dikutip di bawah kepala-kepala berikut:-

(i) Premium Tanah – Pemberian Hakmilik
(ii) Lesen-lesen dan hasil jualan bagi pengeluaran bahan-bahan batu.
(iii) Sewa Tanah

5. (a) Berapakah jumlah sebenar wang dan peratus yang digunakan daripada peruntukan Anggaran Pembangunan yang diperuntukkan dalam Belanjawan tahun 1985 setakat 30 Jun, 1985 bagi kepala-kepala berikut:-

(i) Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan
(ii) Pertanian
(iii) Parit dan Taliair
(iv) Kerja Raya
(v) Haiwan
(iv) Hutan
(vii) Hal Ehwal Agama
(viii) Kebun Bunga
(ix) Luar Jangka

(b) Seterusnya, berikan pecahan jumlah wang yang digunakan bagi tiap-tiap projek dalam tajuk-tajuk individu yang tersebut di atas.

6. (a) Berapakah jumlah pekerja yang berkhidmat di kilang-kilang di kawasan-kawasan perusahaan dalam Negeri Pulau Pinang yang telah diberhentikan kerja bagi tahun 1984 dan 1985?

(b) Apakah sebab-sebab pemberhentian tersebut?

(c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan atau cara-cara untuk memberi pekerjaan alternatif kepada pekerja-pekerja tersebut? Jika ya, apakah rancangan-rancangan itu?

(d) Daripada jumlah pekerja yang telah diberhentikan itu, berapa ramaikah yang telah berjaya mendapat pekerjaan lain?

(e) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menghenti atau mengurangkan pemberhentian pekerja-pekerja pada masa akan datang? Jika ya, apakah rancangan-rancangan tersebut?

7. Adakah pihak PERDA menghubungi Kerajaan Negeri dalam projek-projek yang mereka laksanakan dalam Negeri Pulau Pinang? Jika ya, sebutkan projek-projek berkenaan dan di manakah letaknya projek-projek itu? Jika tidak, mengapa?

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini tentang keputusan penyelidikan yang telah dijalankan oleh penasihat-penasihat Jepun yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengkaji masalah lalulintas di negeri ini? Sila nyatakan, adakah cadangan yang diberikan itu akan dilaksanakan?

9. Memandangkan kepada penekanan pelancaran ke atas penggalakan pelancongan oleh Kerajaan Negeri, apakah insentif-insentif yang diberi kepada pihak swasta bagi perkembangan perusahaan pelancongan di negeri ini?

10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

(a) anggaran kos dan jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini bagi projek KOMTAR;

(b) tarikh penyiapan yang dijangkakan bagi seluruh projek KOMTAR;

(c) kos dan jumlah wang yang digunakan setakat ini bagi pembinaan blok 'podium' dan blok menara bagi projek KOMTAR; dan

(d) apakah projek-projek yang telah ditentukan akan dimajukan dalam Fasa 3, 4 dan 5 projek KOMTAR, dan berikan butir-butir lengkap.

**Ketua Menteri:**

1. Bilangan pemohon yang layak dan belum diperuntukkan rumah mengikut kaum dan tahun adalah seperti berikut:-

| Tahun | Bil. Permohonan Mengikut Kaum | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Bumiputra** | **Cina** | **India dan Lain-lain** | **Jumlah** |
| 1976 dan sebelumnya | 18 | 63 | 24 | 105 |
| 1977 | 1,149 | 6,630 | 1,547 | 9,326 |
| 1978 | 2,386 | 3,644 | 1,705 | 7,735 |
| 1979 | 4,554 | 10,966 | 3,258 | 18,778 |
| 1980 | 962 | 1,608 | 395 | 2,965 |
| 1981 | 592 | 875 | 212 | 1,679 |
| 1982 | 1,242 | 3,877 | 649 | 5,768 |
| 1983 | 706 | 1,759 | 300 | 2,765 |
| 1984 | 588 | 823 | 330 | 1,741 |
| | 12,197 | 30,245 | 8,420 | 50,862 |

2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat sehingga 30 April, 1985, jumlah rumah yang telah dibina dan disiapkan oleh pihak swasta ialah 22,498 iaitu 11,136 di Pulau dan 11,362 di Seberang Perai.

Maklumat yang diminta tidak dapat diberikan kerana pemajupemaju swasta tidak dikehendaki menyatakan harga jualan rumah-rumah.

3. (a) Lihat seperti di Lampiran.

(b) Jawatankuasa Rayuan Tunggakan belum ditubuhkan.

(c) Jawatankuasa ini belum ditubuhkan oleh kerana pada masa ini satu Pasukan Petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan telah ditubuhkan untuk menguruskan masalah tunggakan ini.

(d) Tidak berkaitan.

(e) Tidak berkaitan.

4. Jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1985 sehingga 31 Mei, 1985 adalah sebanyak $12,532,356.35. Hasil yang dikutip sebenarnya sedang diselaraskan dan akan dikeluarkan setelah disahkan.

5. (a) Jumlah sebenar wang dan peratus yang digunakan daripada peruntukan Anggaran Pembangunan yang diperuntukkan dalam Belanjawan Tahun 1985 setakat 30 Jun, 1985 adalah seperti berikut:-

| Maksud Pembangunan | Tajuk | Peruntukan Tahun 1985 $ | Perbelanjaan sebenar sehingga 30 Jun, 1985 $ | Peratus Perbelanjaan sebenar |
|---|---|---|---|---|
| 101 | Ketua Menteri & Setiausaha Kerajaan | 40,864,270 | 5,885,232 | 14.4% |
| 102 | Pertanian | 2,386,810 | 618,382 | 25.9% |
| 103 | Parit & Taliair | 6,962,150 | 970,530 | 13.9% |
| 107 | Kerja Raya | 8,643,140 | 1,032,658 | 11.9% |
| 109 | Haiwan | 1,147,030 | 163,978 | 14.3% |
| 114 | Hutan | 571,950 | 72,592 | 12.7% |
| 115 | Hal Ehwal Ugama | 1,120,000 | 96,964 | 8.6% |
| 116 | Kebun Bunga | 176,670 | 7,703 | 4.4% |
| 117 | Luar Jangka | 500,000 | – | – |
| | | 62,372,020 | 8,848,039 | 14.2% |

(b) Jumlah wang yang digunakan bagi tiap-tiap projek dalam tajuk-tajuk individu yang tersebut di atas adalah seperti di Lampiran.

6. (a) Sejumlah 1,913 orang pekerja kilang telah diberhentikan kerja dalam jangkamasa antara 1984 hingga bulan Mei 1985. Pecahannya adalah seperti berikut:-

Jawapan kepada soalan 4(B) (I) 3(a)

## PENYATA TUNGGAKAN SEWA PERUMAHAN MURAH (PECAHAN MENGIKUT KAUM)

| RANCANGAN | MELAYU | | CINA | | INDIA | | LAIN-LAIN | | JUMLAH BESAR | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | No. Penghuni | JUMLAH ($) |
| **DAERAH TIMUR LAUT** | | | | | | | | | | |
| RIFLE RANGE BLOK A – J | 152 | 79,148.90 | 1354 | 284,943.90 | 229 | 109,235.20 | – | – | 1735 | 469,328.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 603.00 | 9 | 6,186.40 | 5 | 880.00 | – | – | 16 | 7,669.40 |
| KAMPONG MELAYU PER I-IV | 517 | 470,427.10 | 119 | 65,656.60 | 58 | 39,786.10 | 2 | 1,135.00 | 696 | 577,004.80 |
| YUNIT KEDAI | 3 | 2,795.00 | – | – | – | – | – | – | 3 | 2,795.00 |
| NOORDIN STREET GHAUT | – | – | 174 | 32,250.00 | 30 | 10,332.00 | 2 | 492.00 | 200 | 43,174.00 |
| YUNIT KEDAI | – | – | 6 | 4,702.00 | – | – | – | – | 6 | 4,702.00 |
| SUNGAI PINANG | 73 | 61,028.00 | 40 | 61,028.00 | 63 | 35,188.00 | – | – | 176 | 157,244.00 |
| JALAN MAKLOOM | 36 | 22,715.00 | 9 | 2,600.00 | 4 | 1,580.00 | – | – | 49 | 26,895.00 |
| RUMAH PERALIHAN TAMAN TUN SARDON | 72 | 61,290.00 | 15 | 7,510.00 | 29 | 31,268.30 | – | – | 116 | 100,068.30 |
| TAMAN TUN SARDON PER. I | 96 | 240,205.00 | 28 | 32,505.00 | 37 | 75,330.00 | – | – | 161 | 348,040.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 1,450.00 | 1 | 240.00 | – | – | – | – | 3 | 1,690.00 |
| TAMAN TUN SARDON PER. II | 311 | 550,095.00 | 330 | 370,220.00 | 69 | 113,560.00 | 10 | 18,850.00 | 720 | 1,052,725.00 |
| TAMAN FREE SCHOOL | 153 | 176,280.00 | 281 | 302,495.00 | 53 | 64,670.00 | 3 | 1,410.00 | 490 | 544,855.00 |
| YUNIT KEDAI | 15 | 26,400.00 | 16 | 16,812.50 | 1 | 1,200.00 | 1 | 400.00 | 33 | 44,812.50 |
| **DAERAH BARAT DAYA** | | | | | | | | | 4410 | 3,381,003.00 |
| BAYAN LEPAS | 12 | 6,360.00 | 5 | 1,350.00 | 5 | 1,260.00 | – | – | 22 | 8,970.00 |
| PERMATANG DAMAR LAUT | 48 | 59,410.00 | 3 | 2,772.00 | 1 | 132.00 | – | – | 52 | 62,314.00 |
| TELOK KUMBAR | 27 | 38,455.00 | 1 | 195.00 | – | – | – | – | 28 | 38,650.00 |
| GERTAK SANGGOL | 47 | 60,700.00 | 12 | 8,325.00 | 5 | 2,335.00 | – | – | 64 | 71,360.00 |
| GENTING | 24 | 18,060.00 | – | – | 3 | 5,580.00 | – | – | 27 | 23,640.00 |
| PONDOK UPEH | 39 | 32,172.00 | 8 | 2,400.00 | 3 | 2,475.00 | – | – | 50 | 337,050.00 |
| TELOK BAHANG | 33 | 18,400.00 | 6 | 980.00 | 1 | 840.00 | – | – | 40 | 20,220.00 |
| | | | | | | | | | 283 | 262,204.00 |

| RANCANGAN | MELAYU | | CINA | | INDIA | | LAIN-LAIN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) |
| **SEBERANG PERAI UTARA** | | | | | | | | | | |
| KUALA MUDA I | 32 | 20,480.00 | 1 | 240.00 | – | – | 1 | 240.00 | 25 | 20,960.00 |
| MAK MANDIN | 34 | 76,442.00 | 124 | 17,612.00 | 15 | 18,648.00 | 4 | 2,738.00 | 177 | 115,440.00 |
| YUNIT KEDAI | 1 | 1,610.00 | 14 | 21,533.65 | 3 | 6,897.00 | – | – | 18 | 30,040.65 |
| KUALA MUDA II | 20 | 15,840.00 | 2 | 1,200.00 | – | – | – | – | 22 | 17,040.00 |
| SUNGAI DUA 6320-6 | 27 | 10,110.00 | 1 | 90.00 | 1 | 30.00 | – | – | 29 | 10,230.00 |
| PENAGA | 24 | 15,140.00 | 1 | 450.00 | – | – | – | – | 25 | 15,590.00 |
| KEPALA BATAS | 28 | 9,090.00 | 16 | 8,760.00 | 2 | 180.00 | – | – | 46 | 18,030.00 |
| TELOK AYER TAWAR | 26 | 8,970.00 | 2 | 240.00 | 9 | 2,700.00 | 1 | 90.00 | 38 | 12,000.00 |
| TASEK GELUGOR | 14 | 7,680.00 | 9 | 2,550.00 | – | – | – | – | 23 | 10,230.00 |
| JALAN MOHD SAAD | 52 | 40,727.00 | 6 | 620.00 | 18 | 15,357.00 | 2 | 3,245.00 | 78 | 59,949.00 |
| SUNGAI DUA 6318 | 7 | 3,765.00 | 1 | 935.00 | – | – | – | – | 8 | 4,700.00 |
| BAGAN AJAM | 183 | 257,740.00 | 80 | 95,185.00 | 18 | 28,900.00 | – | – | 281 | 381,825.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 4,000.00 | – | – | – | – | – | – | 2 | 4,000.00 |
| **SEBERANG PERAI TENGAH** | | | | | | | | | 772 | 700,034.65 |
| PERMATANG TINGGI | 4 | 3,145.00 | 26 | 8,925.00 | 4 | 1,275.00 | – | – | 34 | 13,345.00 |
| SIMPANG TIGA BERAPIT | 26 | 17,600.00 | 8 | 1,440.00 | 2 | 320.00 | – | – | 36 | 19,360.00 |
| KAMPONG BAHARU ALMA | 1 | 30.00 | 33 | 10,680.00 | 2 | 210.00 | 2 | 270.00 | 38 | 11,190.00 |
| KUBANG SEMANG | 23 | 12,150.00 | 5 | 1,080.00 | – | – | – | – | 28 | 13,230.00 |
| KAMPONG BERAPIT PH.3 | 5 | 1,620.00 | 28 | 5,730.00 | 2 | 420.00 | – | – | 35 | 7,770.00 |
| **SEBERANG PERAI SELATAN** | | | | | | | | | 171 | 64,895.00 |
| NIBONG TEBAL | 14 | 6,120.00 | 16 | 6,000.00 | 15 | 7,830.00 | – | – | 45 | 19,950.00 |
| PINTAS PIPIT | 19 | 14,675.00 | 19 | 14,835.00 | 12 | 8,055.00 | – | – | 50 | 37,565.00 |
| SUNGAI BAKAP | 5 | 1,860.00 | 20 | 4,650.00 | 1 | 3,630.00 | – | – | 26 | 10,140.00 |
| KAMPONG BARU VALDOR | 7 | 6,405.00 | 19 | 12,475.00 | 4 | 2,720.00 | – | – | 30 | 21,600.00 |
| SIMPANG EMPAT | 7 | 6,210.00 | 13 | 6,300.00 | 8 | 6,510.00 | – | – | 28 | 19,020.00 |
| JAWI I DAN II | 131 | 85,420.00 | 156 | 71,985.00 | 33 | 27,675.00 | – | – | 320 | 185,080.00 |
| | | | | | | | | | 499 | 293,355.00 |
| | | | | | | | JUMLAH BESAR | | 6,135 | 4,701,491.65 |

BAHAGIAN PERUMAHAN
PULAU PINANG

**TARIKH:** 3HB. JULAI, 1985

| Tahun | Bilangan Pekerja Yang Diberhentikan |
|---|---|
| 1984 | 754 |
| 1985 | 1,159 |

(b) Sebab-sebab utama yang mengakibatkan pemberhentian ini adalah kerana suasana kemelesetan ekonomi dunia yang dialami sekarang.

(c) Kerajaan Negeri sedang bekerja rapat dengan agensi yang berkaitan untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan ini. Pekerja-pekerja yang terlibat telah diminta mendaftar diri di Jabatan Buruh supaya dapat dibantu mencari pekerjaan lain.

(d) Sejumlah 297 orang pekerja yang telah diberhentikan dalam jangkamasa antara tahun 1984 hingga bulan Mei 1985 telah mendaftar diri dengan Jabatan Buruh. Sehingga kini Jabatan Buruh telah berjaya mendapatkan pekerjaan lain bagi 16 orang.

(e) Kerajaan Negeri bersama-sama agensi-agensi yang berkenaan akan terus mengawasi dengan rapat masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang diberhentikan. Pihak pekerja diminta oleh pihak Kerajaan Negeri dan kilang-kilang yang berkenaan untuk mendaftar diri secepat mungkin dengan Jabatan Buruh supaya dapat dibantu mencari pekerjaan pilihan yang lain. Kilang-kilang telah meyakinkan pihak Kerajaan bahawa apabila situasi kemelesetan ekonomi bertambah baik, pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akan diberi keutamaan oleh mereka untuk pengambilan semula.

7. Ya. PERDA telahpun mula melaksanakan sebuah projek pembangunan bersepadu di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara. Tiga projek yang serupa akan juga dilaksanakan di Kuala Sungai Pinang, Daerah Barat Daya, kawasan Kampong Tasek, Seberang Perai Selatan dan kawasan Utan Nibong, Seberang Perai Tengah. PERDA juga pada masa ini sedang merancang beberapa projek lagi. Kerajaan Negeri akan sentiasa dihubungi dari semasa ke semasa mengenai projek-projek tersebut. Mengenai projek-projek kemudahan asas seperti pembinaan jalan-jalan kampung dan pemaritan, PERDA telah berunding dengan Jabatan/Agensi seperti Pegawai-pegawai Daerah, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Parit dan Taliair dan beberapa Agensi lain yang terlibat.

8. Perunding-perunding dari Jepun telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan kajian pengangkutan di bandar bagi *"greater metropolitan areas"* di Georgetown, Butterworth dan Bukit Mertajam.

Oleh itu, pihak Perunding telah mengemukakan laporan-laporan mereka kepada Kerajaan Persekutuan.

9. Mengikut Perlembagaan, Kerajaan Negeri tidak dapat memberi sebarang galakan *"fiscal"*. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan beberapa jenis bantuan kepada pelabur-pelabur seperti berikut:-

(i) menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur yang baik;

(ii) menjaga dan menyelenggara kawasan-kawasan pelancongan yang menarik;

(iii) penyebaran bahan-bahan penggalakan baik pun di dalam negeri ataupun di luar negeri.

(iv) mengatur rombongan-rombongan penggalakan ke luar negeri; dan

(v) mengatur dan mengadakan seminar-seminar dan juga bengkel-bengkel antarabangsa.

Pihak Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kemungkinan membentuk sebuah sekolah latihan untuk membantu melatih gunatenaga dalam bidang kemahiran yang diperlukan di dalam industri-industri pelancongan.

10. (a) Projek KOMTAR dibahagikan kepada 5 Fasa. Buat masa ini, hanya Fasa 1 dan 2 sedang dibangunkan. Anggaran kos dan jumlah yang telah dibelanjakan hingga kini untuk Fasa 1 dan 2 adalah seperti berikut:-

| | **Anggaran Kos ($M)** | **Jumlah dibelanjakan hingga 31 Mac, 1985 ($M)** |
|---|---|---|
| Fasa 1 | 258 | 185 |
| Fasa 2 | 97* | 19 |
| | 355 | 204 |

* Kos ini tidak termasuk kos bagi Fasa 2C yang telahpun diswastakan dan Fasa 2E yang sesuai untuk pengswastaan di masa hadapan.

(b) Fasa 1 dan 2 dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1986.

(c) Pecahan jumlah yang telah dibelanjakan untuk blok kediaman dan blok menara tidak dapat diberi oleh kerana kedua-duanya merupakan sebahagian dari satu kontrak.

(d) Rekabentuk konsep untuk Fasa 3, 4 dan 5 mengandungi perkara-perkara yang berikut:-

(1) Apartmen-apartmen kediaman

(2) Bangunan Mesyuarat Kerajaan

(3) Kompleks-kompleks membelibelah

(4) Hotel

(5) Pejabat-pejabat

(6) Tempat meletak kereta bertingkat-tingkat.

**(II) Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-**

1. Sebatang jalan tanah di Kampung Bukit Kecil Juru sudah pun lama dibina akan tetapi belum lagi ditarkan. Bilakah jalan tersebut akan ditarkan?

2. Rancangan kompleks jalan ke Juru dan Bukit Tambun belum dibina walaupun dijadualkan siap dalam tahun 1983. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sebab-sebab kelambatannya dan bilakah projek tersebut akan dijalankan?

3. Dalam persidangan yang lalu, Dewan ini telah diberitahu bahawa Kerajaan sedang mengenalpasti tapak-tapak untuk kegunaan agama yang lain di Bandar Seberang Jaya. Adakah tapak-tapak itu dikenalpasti dan di manakah letaknya?

4. Bilakah projek lampu isyarat di persimpangan Taman Chai Leng akan dimulakan?

5. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan rumah sembelih babi di Padang Lallang, Bukit Mertajam? Jika ya, di manakah tapak baru itu?

6. Adakah projek *"funeral parlour"* di Seberang Jaya telah diluluskan? Jika ya, bilakah ia akan dibina?

**Ketua Menteri:**

1. Program untuk mengetar jalan tanah di Kampung Bukit Kecil, Juru sepanjang 1.58 km. telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kerja-kerja dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 1986 jika peruntukan diluluskan.

2. Jalan Kompleks ke Juru dan Bukit Tambun adalah jalan luarbandar taraf laterite 5.8 km. panjang dan mengandungi sebuah jambatan dan beberapa buah pembetong. Pindaan kepada aliran jalan menyebabkan projek ini lewat dilaksanakan. Tawaran untuk kerja-kerja pembinaan pembetong tutup pada 10 Julai, 1985 dan kerja-kerjanya akan dimulakan tidak lama lagi.

3. Pihak Berkuasa Kerajaan sedang membuat penelitian terakhir ke atas rancangan-rancangannya sampai ke peringkat akhir dalam mengenalpasti untuk menyediakan tapak-tapak bagi kegunaan ugama selain daripada Ugama Islam di Bandar Seberang Jaya. Kerajaan akan memaklumkan secara ramai apabila pelan-pelan itu telah disiapkan.

4. Projek lampu isyarat ini adalah projek J.K.R. dan ianya akan dilaksanakan di dalam tahun ini juga.

   Pihak J.K.R. sedang mengambil tindakan untuk memanggil tawaran bagi melaksanakan projek tersebut.

5. Kerajaan Negeri memang mempunyai cadangan memindahkan tapak ini. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ditugaskan mencari tapak yang sesuai untuk tujuan tersebut.

   Bangunan sembelih babi ini telah sesak dan tidak mempunyai ruang sembelih yang mencukupi. Pembangunan yang pesat di sekitar kawasan ini menyebabkan tempat ini tidak sesuai lagi digunakan sebagai tempat sembelih babi.

   Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat keputusan meminta Persatuan Penjual Daging Seberang Perai Tengah atau orang yang tertentu untuk mencari tempat yang lebih sesuai dan membina rumah sembelih dalam tempoh dua tahun mulai 1 Januari, 1985. Rumah sembelih di Padang Lallang akan ditutup selepas rumah sembelih baru siap dibina.

   Cawangan tapak yang dikemukakan oleh Persatuan Penjual Daging Seberang Perai tengah sedang dalam kajian Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

6. Buat masa ini, pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan projek tempat simpan mayat *(funeral parlour)* di Bandar Seberang Jaya. Bagi Penduduk-penduduk yang tinggal di rumah-rumah pangsa di Bandar Seberang Jaya, peruntukan telah dibuat supaya tempat-tempat tertutup yang ada berhampiran dengan blok-blok kediaman tersebut digunakan bagi tujuan ini apabila ianya diperlukan.

Jawapan kepada soalan 4(B) (I) 5(b)

**MAKSUD PEMBANGUNAN P101 – Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan**

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 20.6.85 |
|---|---|---|---|
| | | $ | $ |
| 1. | Pengambilan Tanah | 250,000 | 84,200 |
| 3. | Bantuan untuk Menyambungkan Bekalan Letrik ke kawasan Luar Bandar | 50,000 | 250 |
| 6. | Pembangunan Masyarakat | 1,500,000 | 42,900 |
| 11. | Rancangan Perumahan Murah | 26,019,160 | 1,303,238 |
| 21. | Pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan | 10 | |
| 32. | Penyiasatan untuk Pembangunan Ekonomi Pulau Pinang | 50,010 | 18,363 |
| 36. | Pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | 10 | |
| 37. | Keluasan kepada Muzium dan Balai Seni Lukis, Pulau Pinang | 345,000 | |
| 39. | Kerja-kerja Menambak Tanah | 1,000,000 | |
| 41. | Jambatan Seberang Perai/Seberang Perai | 10 | |
| 42. | Rancangan Pemulihan | 50,000 | |
| 43. | Mesjid Negeri | 10 | – |
| 45. | Pinjaman kepada Pihak Berkuasa Air | 8,550,000 | 3,973,300 |
| 46. | Pemindahan Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerjak | 10 | – |
| 47. | Projek-projek khas dan latihan-latihan khas | 1,500,000 | 466,926 |
| 48. | Perhubungan Tetap dari Pulau Pinang ke Pulau Jerejak | 10 | - |
| 49. | Kemajuan Bukit Bendera | 150,000 | 35,000 |
| 50. | Keretapi Bukit Bendera | 1,000,000 | – |
| 51. | Kajian Data Processing | 10 | – |
| 52. | Pelaksanaan Sistem Komputer untuk Pentadbiran Negeri | 400,000 | 11,055 |
| 53. | Asrama Penuntut-penuntut di Kaherah Timur Tengah | 10 | – |
| 54. | Pembelian dan Penyediaan Ruang Pejabat di KOMTAR | 10 | – |
| 55. | Pinjaman-pinjaman baru yang dijangkakan | 10 | – |
| | J U M L A H : | 40,864,270 | 5,885,232 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P.102 – Pertanian

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 20.6.85 |
|---|---|---|---|
| | | $ | $ |
| 7. | Pembinaan Kuarters untuk Pegawai Luar | 50,000 | |
| 8. | Pembangunan Pusat Pertanian Baru, Relau Pulau Pinang | 183,000 | 73,906 |
| 9. | Rancangan Meluaskan Perkhidmatan Perkembangan | 263,500 | 39,253 |
| 12. | Perkembangan Makanan dan Sayur-sayuran | 330,000 | 9,691 |
| 13. | Perkembangan bagi lain-lain Tanaman | 43,500 | 7,066 |
| 17. | Rancangan Percubaan Pertanian (Rancangan Integrasi/ Memperbaiki/Memperluaskan Tanaman) | 120,000 | 21,933 |
| 18. | Pembangunan Industri Bunga Anngerik | 61,800 | 24,708 |
| 19. | Pemulihan Tanah Rang (Pertanian) | 1,000,000 | 290,475 |
| 20. | Akuakultur | 335,000 | 151,350 |
| 21. | Meningkatkan Pendapatan Petani, Penternak, Nelayan dan Pekebun Kecil | 10 | |
| | J U M L A H : | 2,386,810 | 618,382 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 103 – Jabatan Parit dan Taliair

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 20.6.85 |
|---|---|---|---|
| 1. | Mendalam dan Membaiki Sungai-sungai | 370,520 | 27,081 |
| 2. | Penyukatan dan Penyiasatan | 90,000 | 7,485 |
| 3. | Kerja-kerja Kecil | 250,000 | 33,713 |
| 8. | Jentera Kenderaan dan Alatan Teknik | 300,000 | 127,293 |
| 9. | Rumah-rumah Untuk Pegawai Luar | 37,510 | – |
| 39. | Rancangan Taliair Sungai Kulim (P) | 162,000 | 1,610 |
| 41. | Rancangan Menambak dan Memarit Sungai Perai (P) | 10 | – |
| 42. | Rancangan Taliair Kecil | 300,000 | 76,500 |
| 43. | Rancangan Parit Kecil | 200,000 | 13,879 |
| 47. | Rancangan Parit Paya Chow | 69,900 | – |
| 48. | Jambatan-jambatan dan Lintasan-lintasan | 608,200 | 308,619 |
| 49. | Parit Gila | 150,000 | 28,503 |
| 51. | Pencegahan Banjir | 1,000,000 | 132,321 |
| 53. | Membaiki Kemudahan-kemudahan bagi Tanaman Berbagai (P) | 100,000 | – |
| 54. | Membaiki Kawasan Saliran Nibong Tebal/Pulau Pinang | 10 | |
| 56. | Tanggungan-tanggungan untuk Pengambilan Tanah bagi Rancangan-rancangan yang telah siap | 10,000 | – |
| 60. | Membaiki Sungai Kroh/Sungai Korok (P) | 200,000 | 3,880 |
| | | 3,848,150 | 750,884 |

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 30.6.85 |
|---|---|---|---|
| | | $ | $ |
| | Bawa dari sebelah: | 3,848,150 | 750,884 |
| 64. | Tanggungan-tanggungan untuk Rombakan Besar bagi Jengkaut-jengkaut | 100,000 | 4,000 |
| 65. | Rancangan Pemulihan Tanah Rang (Pemaritan) | 750,000 | 160,003 |
| 66. | Pencegahan Hakisan Pantai dan Muara Sungai | 225,000 | 34,380 |
| 67. | Projek Laluan Ban | 620,000 | |
| 68. | Rancangan Pengairan Kubang Menerong | 300,000 | |
| 69. | Projek-projek Integrasi | 1,119,000 | 11,263 |
| | J U M L A H : | 6,962,150 | 970,530 |

**MAKSUD PEMBANGUNAN P. 107 – Jabatan Kerja Raya**

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 30.6.85 |
|---|---|---|---|
| 15. | Memperbaiki Jambatan-jambatan dan Jalan-jalan Kerajaan Negeri | 4,500,010 | 984,513 |
| 19. | Jalan-jalan Bukit Bendera | 200,000 | – |
| 26. | Jalan-jalan Kerajaan Negeri (P/N) | 3,150,000 | 12,091 |
| 27. | Pembangunan Tempat Pecah Batu J.K.R. | 69,750 | 10,704 |
| 31. | Menambah dan Membaiki Rumah Buruh | 310,000 | 14,522 |
| 36. | Membaiki dan Mengubah Bentuk Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri | 388,330 | 2,030 |
| 37. | Memperbaiki woksyop | 10,000 | – |
| 39. | Bangunan-bangunan Kerajaan Baru | 20 | – |
| 42. | Setor Daerah | 10 | – |
| 43. | Pemberian kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk 'Road Frontage' | 10 | – |
| 44. | Menggantikan kedai tuak | 10 | – |
| 45. | Pembangunan dan Memperbaiki Kawasan-kawasan Rekreasi | 10,000 | 8,798 |
| 46. | Kajian dan Penyiasatan | 10,000 | – |
| | J U M L A H : | 8,643,140 | 1,032,658 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 109 – Jabatan Haiwan Negeri

| Butiran (Projek) | Tajuk | Peruntukan 1985 | Perbelanjaan sebenar sehingga 30.6.85 |
|---|---|---|---|
| | | $ | $ |
| 3. | Rancangan Ternakan Lembu/Kerbau | 120,000 | – |
| 4. | Rancangan Ternakan Ayam/Itik | 150,000 | 121,133 |
| 11. | Projek Khas Haiwan | 700,000 | 30,835 |
| 12. | Rancangan Ternakan Lain-lain Binatang | 50,000 | – |
| 14. | Penubuhan Zoo | 10 | – |
| 15. | Kompleks Baru, Ibu Pejabat Haiwan | 10 | – |
| 16. | Rancangan Ternakan Kambing/Kambing Biri-biri | 27,000 | 3,760 |
| 17. | Subsidi untuk Penghasilan dan Biogas | 10 | – |
| 18. | Pusat Pengumpulan Susu | 100,000 | 8,250 |
| | J U M L A H : | 1,147,030 | 163,978 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 114 – Hutan

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | Rekreasi dan Kawasan-kawasan Pengajian Saintifik dalam Hutan-hutan Simpan | 353,600 | 55,849 |
| 4. | Rancangan Pembangunan Hutan | 54,350 | 7,054 |
| 5. | Kuarters untuk kakitangan | 164,000 | 9,689 |
| | J U M L A H : | 571,950 | 72,592 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 115 – Jabatan Hal Ehwal Ugama

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Bangunan-bangunan Pejabat, Mahkamah dan Rumah Kediaman Kadi Daerah | 720,000 | 21,300 |
| 2. | Pembinaan sebuah tempat melibat anak bulan | 150,000 | – |
| 3. | Pembinaan, Pembesaran dan Pembaikan Mesjid-mesjid dan Surau-surau | 250,000 | 75,664 |
| | J U M L A H : | 1,120,000 | 96,964 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 116 – Kebun Bunga

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Memajukan dan Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Am | 31,670 | – |
| 2. | Memperluaskan dan Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Botany dan Kulturkebunan | 80,000 | 6,055 |
| 3. | Memajukan Pejabat Kebun Bungah | 65,000 | 1,648 |
| | J U M L A H : | 176,670 | 7,703 |

## MAKSUD PEMBANGUNAN P. 117 – Luar Jangka

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Luar Jangka | 500,000 | – |
| | J U M L A H : | 500,000 | – |

**(III) Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-**

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan bilangan pemilik tanah kecil (kurang daripada 1,000 ka. per.) di negeri Pulau Pinang? Berikan pecahan seperti berikut:

   10 ka. per.
   11 – 100 ka. per.
   101 – 500 ka. per.
   501 – 1,000 ka. per.

   Berapakah jumlah cukai tanah yang dibayar oleh pemilik-pemilik tanah tersebut?

2. Bolehkah Y.A'B. Ketua Menteri nyatakan jenis cukai tanah yang dikenakan kepada rumah kediaman yang mempunyai perniagaan kecil di bahagian hadapan rumah tersebut?

3. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapa notis pendahuluan tidak diberikan kepada Jawatankuasa pengurusan 2 buah kuil Hindu di Seberang Perai sebelum menjalankan kerja-kerja meroboh baru-baru ini?

   (b) Adakah satu Jawatankuasa Penyiasatan akan ditubuhkan untuk menyiasat cara Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah bertindak dalam hal ini?

   (c) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa satu perasaan perkauman telah timbul akibat daripada tindakan ini?

   (d) Adakah tindakan yang akan diambil untuk mengelak kejadian seperti ini berlaku lagi?

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa undang-undang lalulintas semakin diabaikan setiap hari di negeri Pulau Pinang yang mana mengakibatkan kemalangan lalulintas dan kehilangan nyawa? Apakah tindakan yang sedang diambil untuk menjadikan Pulau Pinang tempat yang selamat dan baik untuk memandu? Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengujudkan golongan rakyat yang berdisiplin dan bersopan-santun ketika memandu di jalanraya?

5. Bilakah sambungan jalan dua hala dari Jalan Mesjid Negeri ke Jalan Scotland berserta jejantas akan dibina? Berapakah jumlah perbelanjaannya? Bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan dijangkakan siap?

6. (a) Berapa banyakkah jejantas yang akan dibina di sepanjang jalan baru dari Lapanganterbang ke Jalan Mesjid Negeri dan Jalan Scotland?

   (b) Di manakah jejantas itu akan dipertempatkan?

   (c) Bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan dijangka siap?

7. Apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas apabila Jambatan Pulau Pinang dibuka untuk lalulintas pada bulan September 1985?

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan dan senaraikan:-

   (a) Rancangan-rancangan perumahan yang manakah yang telah siap di bawah Rancangan Malaysia Keempat?

   (b) Rancangan-rancangan perumahan yang manakah yang telah siap dan telah diperuntukkan? Berikan pecahan peruntukan mengikut kaum.

   (c) Rancangan-rancangan perumahan yang manakah yang masih belum diperuntukkan dan beri sebab-sebabnya?

   Bilakah rancangan-rancangan perumahan tersebut akan diperuntukkan?

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan dan senaraikan:-

   (a) Jalan-jalan yang manakah di kawasan-kawasan perumahan Sungai Nibong yang belum diambilalih oleh Kerajaan?

   (b) (i) Jalan-jalan yang manakah di kawasan-kawasan perumahan Sungai Nibong yang belum diambilalih Kerajaan?

   (ii) Mengapakah jalan-jalan tersebut tidak diambilalih oleh Kerajaan?

   (iii) Bilakah jalan-jalan tersebut akan diambilalih oleh Kerajaan?

**Ketua Menteri:**

1. Bilangan tuan tanah kecil yang kurang daripada 1,000 ka. per. di Negeri Pulau Pinang ialah sebanyak 9,088 dan analisa bilangan ini adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 10 ka. per. | – | 221 |
| 11 – 100 ka. per. | – | 958 |
| 101 – 500 ka. per. | – | 3,031 |
| 501 – 1,000 ka. per. | – | 4,878 |
| | | 9,088 |

Jumlah Cukai Tanah yang dibayar oleh tiap-tiap kategori tuan tanah yang tersebut di atas adalah seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| 10 ka. per. | - | $ 6,782.00 |
| 11 – 100 ka. per. | – | $ 34,172.00 |
| 101 - 500 ka. per. | - | $120,935.00 |
| 501 – 1,000 ka. per. | – | $193,013.00 |
| | | $354,902.00 |

2. Cukai Tanah yang dikenakan adalah mengikut kegunaan tanah pada masa penyemakan Cukai Tanah dikuatkuasakan iaitu pada tarikh 1 Januari, 1984. Sekiranya rumah kediaman digunakan untuk perniagaan pada tarikh tersebut maka cukai yang dikenakan adalah mengikut kadar perniagaan.

3. (a) Sebelum bangunan haram di kawasan tapak EXPO Peladang Kebangsaan di Seberang Jaya dibersihkan, Pentadbir Tanah Daerah telah mengadakan perjumpaan dengan setinggan dan Jawatankuasa Pembinaan Kuil Seberang Jaya pada 20 Mei, 1985. Mereka diberitahu untuk mengosongkan kawasan tersebut sebelum 31 Mei, 1985.

Oleh kerana tidak ada Jawatankuasa Pengurusan yang berdaftar bagi Kuil tersebut maka notis rasmi tidak dapat disampaikan.

(b) Kerajaan Negeri telah membuat siasatan dan mendapatkan laporan dengan serta merta mengenai tindakan yang dijalankan oleh Pentadbir Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah. Oleh itu Jawatankuasa Tindakan tidaklah perlu diujudkan.

(c) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menghormati semua ugama. Tindakan yang diambil oleh Pentadbir Tanah Daerah, Seberang Perai Tengah, adalah perlu oleh kerana apabila Kerajaan memerlukan tanah-tanah kepunyaannya maka segala bangunan di atasnya terpaksa dirobohkan dan tindakan-tindakan ini diambil adalah di atas tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah. Soal perkauman tidak seharusnya berbangkit daripada tindakan-tindakan begini, sekiranya rakyat memahami akan keperluan-keperluan Kerajaan dan bahawa bangunan-bangunan yang didirikan di atas tanah Kerajaan secara haram terpaksalah diambil tindakan mengikut undang-undang tanpa mengira kaum dan ugama.

(d) Pada masa ini Kerajaan sedang menimbang untuk memperluaskan fungsi-fungsi Jawatankuasa tersebut yang telah ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah-masalah tokong dan kuil haram yang telah didirikan di Negeri ini.

Tujuannya ialah bagi memperluaskan organisasi Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim bagi memasukkan lebih ramai keahlian daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dan pemimpin-pemimpin organisasi ugama selain daripada ugama Islam.

Pada masa ini institusi-institusi ugama Islam diselaras oleh Majlis Penasihat Ugama Islam. Oleh yang demikian, tibalah pula masanya satu organisasi seumpama itu perlu ditubuhkan yang mana akan dapat mengendalikan kepentingan institusi-institusi dan organisasi-organisasi ugama yang lain. Maka, adalah menjadi peranan kepada badan seumpama itu untuk menyelaras kegiatan-kegiatan institusi ugama yang lain dalam Negeri ini supaya kejadian sedemikian akan dapat dikurang dan dielakkan.

4. Pihak Polis, Majlis Perbandaran dan Majlis Keselamatan Jalanraya bekerjasama untuk cuba mengurangkan kadar kemalangan lalulintas dan mengujudkan suasana memandu yang lebih baik di Pulau Pinang pada amnya. Pihak Polis mengeluarkan saman ke atas berbagai kesalahan lalulintas dari masa ke semasa dan anggota-anggota Polis juga ditugaskan mengarahkan haluan lalulintas dalam masa waktu kesibukan di tempat-tempat yang tertentu; Majlis Perbandaran juga sentiasa merancang dan memperbaiki sistem jalanraya dan lalulintas di Pulau Pinang manakala Majlis Keselamatan Jalanraya akan menganjurkan kempen keselamatan jalanraya dan satu pamiran yang diadakan dalam bulan Ogos pada tahun ini. Bagaimanapun, pihakberkuasa-pihakberkuasa yang berkenaan cuma boleh berusaha setakat itu sahaja. Pemandu-pemandu di Negeri Pulau Pinang ini mestilah mengubah cara mereka memandu yang berdisiplin dan bersopan santun. Mereka mestilah memandu dengan sikap lebih bersabar dan bertimbang rasa. Mereka mestilah sedar akan keselamatannya ketika berada di jalanraya. Media massa juga memainkan peranan dalam menyampaikan mesej mengenai keselamatan jalanraya melalui televisyen.

Bagaimanapun, perubahan mestilah lahirnya daripada diri pemandu-pemandu. Mereka mestilah menanam tabiat memandu dengan baik. Maka, dengan ini sajalah Pulau Pinang boleh menjadi satu tempat yang lebih selamat dan lebih selesa untuk memandu.

5. Kerja sambungan jalanraya baru di jalanraya baru di Jalan Mesjid Negeri ke Jalan Scotland dengan "flyover" dijadualkan bermula pada tahun ini.

Anggaran kosnya ialah: (a) Pelebaran Jalan Mesjid Negeri $21 juta

(b) Jejambat $7 juta

Kerja-kerja pembinaan dianggarkan akan bermula pada akhir tahun 1985 dan dijangka siap akhir tahun 1986. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pengubahan talian kebel/air akan dimulakan pada Ogos/September, 1985.

6. (a) Lima (5) buah jejantas akan dibina sepanjang jalanraya dari Lapangan Terbang Bayan Lepas ke Jalan Mesjid Negeri/Jalan Scotland.

(b) Lokasinya:

(i) Sg. Nibong
(ii) Glugor
(iii) Recsam Gelugor
(iv) Jalan Mesjid Negeri (berhampiran Sekolah Convent)
(v) Bayan Baru

(c) Pembinaan akan dilaksanakan oleh J.K.R. Persekutuan dan tarikh pembinaan dijangka dalam tahun 1985/1986.

7. Berikut ini adalah projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mencegah kesesakan lalulintas berikutan dengan pembukaan Jambatan Pulau Pinang:-

(i) Perlebaran Jalan Mesjid Negeri (dari Jalan Batu Lancang ke Mesjid Negeri) daripada jalan satu lorong kepada jalan dua lorong – kerja dijangka bermula dalam bulan Oktober, 1985;

(ii) Pembinaan jejambat di Jalan Mesjid Negeri/Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland – kerja dijangka bermula selewat-lewatnya pada penghujung tahun 1985;

(iii) Perlebaran Jalan Scotland daripada jalan satu lorong kepada jalan dua lorong – kerja dijangka bermula pada awal tahun 1986;

(iv) Sistem kawalan lalulintas yang menggunakan komputer untuk bandaraya George Town bagi menyelaraskan aliran lalulintas dengan lebih baik lagi – dijangka dilaksanakan awal tahun hadapan.

8. (a) Rancangan-rancangan perumahan yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, ialah:-

| | Nama Rancangan | Bil. Unit |
|---|---|---|
| 1. | Batu Lancang I | 300 |
| 2. | Paya Terubong | 80 |
| 3. | Teluk Bahang | 90 |
| 4. | Kampong Besar | 111 |
| 5. | Kampong Selamat | 181 |
| 6. | Jalan Mohd. Saad | 300 |
| 7. | Mak Mandin I | 400 |
| 8. | Rumah Hijau Mak Mandin | 200 |
| 9. | Jawi III | 200 |
| 10. | Nibong Tebal | 50 |
| | | 1,912 |

(b) Rancangan-rancangan perumahan yang telah siap dan diperuntukkan serta analisa peruntukan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

| | Nama Rancangan | Peruntukan mengikut kaum B | C | I | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Telok Bahang | 27 | 24 | 2 | 53 |
| 2. | Kampong Besar ) | 183 | 61 | 10 | 254 |
| 3. | Kampong Selamat ) | | | | |
| 4. | Jawi III | 83 | 66 | 25 | 174 |
| 5. | Nibong Tebal | 16 | 19 | 6 | 41 |
| | | 309 | 170 | 43 | 522 |

(c) Rancangan-rancangan perumahan yang masih belum diperuntukkan adalah seperti berikut:-

**Nama Rancangan**

1. Batu Lancang I
2. Paya Terubong
3. Jalan Mohd. Saad
4. Mak Mandin I
5. Rumah Hijau Mak Mandin

Kerajaan Negeri sedang memproses pemohon-pemohon yang akan diundi bagi projek-projek di atas. Undian dijangka akan dilakukan tidak berapa lama lagi.

9. (a) Jalan-jalan yang telah diambilalih adalah di kawasan perumahan seperti berikut:-

1. Bukit Glugor
2. Taman Pantai Jerjak
3. Minden Height (Sebahagian)
   Jalan 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, & 14
   Lorong 1, 2, 3 & 4
4. Jalan Pemanchar
5. Hilir Pemanchar
6. Lip Sin Garden
   Jalan atas Lot 97 & 98 Mk. 13
7. Century Garden
   Pesiaran Batu Uban, Jalan Pantai Jerjak dan lain-lain jalan sekitar.
8. Jalan-jalan di atas lot 523 Mk. 12, D.B.D., Jalan Tengah.
9. Jalan-jalan di atas Lot 3369, 3370 Mk. 13 – Bukit Gambir
10. Jalan di atas lot 635, Mk. 13, D.T.L., off Jalan Sungai Dua, Lintang Merak, Lorong Merak, Jalan Merak.

(b) Jalan-jalan yang belum diambil alih adalah seperti berikut:-

(i) 1. Minden Height
   Changkat Minden Lorong 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13 & 14
   Changkat Minden Jalan 1 (sebahagian), 13 (sebahagian 15 & 16 Pesiaran Minden 1, 2, 3 (sebahagian)

2. Lip Sin Garden
   Jalan Nipah
   Lebuhraya Nipah
   Lebuh Nipah
   Lintang Nipah

(ii) Untuk jalan kawasan Minden Height, ianya adalah di dalam proses untuk pengambilan alih. Bagi jalan kawasan Lip Sin Garden, pihak pemaju masih belum mengambil tindakan untuk menyerahkan jalan tersebut untuk diambil alih.

(iii) Jalan-jalan tersebut akan dipertimbangkan untuk diambil alih apabila pihak pemaju mengemukakan permohonan untuk menyerahkan jalan-jalan tersebut serta menyertakan pelan-pelan dan dokumen yang selengkapnya.

**(IV) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-**

1. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar adanya jalan-jalan di Bukit Mertajam yang tidak diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya atas alasan bahawa jalan-jalan itu tidak diserahkan kepada J.K.R.? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh jabatan tersebut?

(b) Jalan Betik, Bukit Mertajam dan lorong-lorongnya telah lama tidak diselenggara oleh J.K.R. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk membetulkan kedudukan yang tidak memuaskan supaya pembayar hasil dapat menikmati jalan yang sempurna?

2. Jalan Tan Sai Gin, Bukit Mertajam, telah turun tarafnya sehingga menjadi jalan tanah sekarang kerana kerja korek-mengorek oleh agensi-agensi seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Telekom. Apakah rancangan Kerajaan untuk memulihkan jalan tersebut?

3. Apakah kemajuan, jika ada, yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Jalan Ciku, Bukit Mertajam sebatang jalan tar yang boleh digunakan oleh lalulintas di Bukit Mertajam?

4. Adakah Kerajaan sedar bahawa kenaikan cukai tanah 1985 telah mendatangkan beban yang sangat berat kepada pemilik-pemilik tanah di setengah kawasan di mana mereka yang berkenaan terpaksa membayar cukai tambahan

berlipat ganda? Jika ya, apakah yang telah dicadangkan untuk meringankan beban mereka itu?

5. Pihak yang berkenaan telah mengumumkan bahawa sebanyak 5 buah jejantas telah diluluskan pembinaannya untuk Negeri Pulau Pinang. Namun demikian, saya telah difahamkan bahawa tiada sebuah pun diperuntukkan di Seberang Perai, Butterworth dan Bukit Mertajam yang juga merupakan bandar-bandar yang sibuk. Mengapakah tiada peruntukan jejantas bagi bandar-bandar yang disebutkan itu?

6. Memandangkan keadaan yang sesak di Jalan Bunga Raya, Bukit Mertajam, di mana didapati ramai penjaja, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mengadakan satu tapak penjaja yang sesuai di Bandar Bukit Mertajam? Jika tidak, apakah sebabnya?

7. Bukit Mertajam merupakan sebuah bandar yang sedang menghadapi kekurangan tempat meletak kereta. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan sebuah tapak letak kereta untuk orang ramai? Jika tidak, mengapa?

8. Menurut jawapan Y.A.B. Ketua Menteri di persidangan Dewan yang lalu, terdapat 48 unit lagi di Rancangan Perumahan Kos Rendah Berapit, Bukit Mertajam yang masih dalam proses siasatan pemilikan. Bilakah siasatan ini dijangka selesai dan suratan hakmilik dikeluarkan kepada yang berkenaan?

**Ketua Menteri:-**

1. (a) Beberapa jalan-jalan di Bukit Mertajam terutamanya dalam kawasan perumahan swasta yang dibina di bawah kelolaan Majlis Daerah belum diambil-alih untuk penyelenggaraan J.K.R. Jalan-jalan ini dapati dibawah taraf J.K.R. Proses pengambilan-alih jalan-jalan ini sedang dilaksanakan dengan cara mendapatkan peruntukan dari pihak berkuasa daerah/negeri bagi menaikkan taraf jalan ke piawai J.K.R. dan seterusnya mengambil alih jalan-jalan tersebut.

   (b) Jalan Betik, Bukit Mertajam dan cabang-cabangnya tidak diselenggara oleh J.K.R. kerana ianya belum diambil-alih lagi. J.K.R. telah memohon jumlah peruntukan $188,000.00 bagi tujuan menaikkan taraf jalan tersebut supaya ianya dapat diserahkan kepada J.K.R. untuk penyelenggaraan.

2. Semua kawasan yang dikorek berkaitan dengan projek Pembetungan Najis di Bukit Mertajam atau di Butterworth dipulihkan oleh kontraktor masing-masing sehingga mencapai tahap yang disyaratkan oleh Jabatan Kerja Raya sebelum diserah kepada Jabatan Kerja Raya untuk penyelenggaraan seterusnya. Sebahagian dari Jalan Tan Sai Gin sedang dibaiki dan bukanlah diturunkan tarafnya.

   Walaupun begitu, J.K.R. telahpun mengaturkan satu rancangan untuk menurap semula jalan ini dan kerja-kerja tersebut akan bermula sedikit masa lagi.

3. Tidak ada rancangan untuk membangunkan Jalan Ciku sebagai jalan *'bypass'* untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam. Masalah lalulintas yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Bukit Mertajam baru-baru ini telahpun dapat diatasi.

4. Kerajaan Negeri sedar bahawa kenaikan kadar bayaran cukai tanah di Negeri Pulau Pinang sedikit sebanyak akan menimbulkan bebanan kepada rakyat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, kenaikan cukai tanah di Pulau Pinang adakan merupakan kadar yang pertengahan jika dibandingkan dengan kenaikan cukai tanah di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Jika dibandingkan dengan keadaan semasa kenaikan tersebut dianggap tidaklah begitu tinggi. Kenaikan ini dibuat sedemikian dengan tujuan tidak membebankan sangat terutamanya kepada kumpulan yang berpendapatan rendah.

   Pihak Berkuasa Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Rayuan untuk menguruskan rayuan-rayuan daripada tuan-tuan tanah.

   Jawatankuasa Rayuan Cukai Tanah mengandungi 15 orang ahli yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan seorang Pegawai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian sebagai Setiausaha. Ahli-ahli adalah seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Y.B. Datuk Khor Gark Kim | – Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Hj. Mohd. Shariff b. Hj. Omar | – Naib Pengerusi |
| 3. | Y.B. Dr. Tan Chong Teik | |
| 4. | Y.B. Encik Wong Hoong Keat | |
| 5. | Y.B. Dr. Sak Cheng Lum | |
| 6. | Y.B. Tuan Haji Yahaya.b. Ahmad | |
| 7. | Y.B. Encik Samsuddin @ Md. Noor b. Ahmad | |
| 8. | Y.B. Encik Song Ban Kheng | |
| 9. | Y.B. Tuan Hj. Md. Isa @ Adnan b. Hj. Ramli | |
| 10. | Y.B. Encik Teoh Cheng Hor @ Teoh Kooi Sneah | |
| 11. | Y.B. Tuan Hj. Ahmad b. Salleh | |
| 12. | Y.B. Encik Lim Heng Tee | |
| 13. | Y.B. Encik Liang Thau Sang | |
| 14. | Y.B. Encik Md. Yusof b. Salleh | |
| 15. | Encik Azmi b. Lateh | – Setiausaha |

Jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim, setakat ini telahpun mengadakan 2 kali perjumpaan dengan orang-orang yang membuat rayuan.

Selepas menyiasat dan menimbangkan semua rayuan yang diterima Jawatankuasa ini akan memperakukan syor-syornya untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

5. Lima buah jejantas yang telah diluluskan itu adalah projek T.D.S. *(Traffic Dispersal Scheme)*. Oleh yang demikian, semua jejantas akan dibina sepanjang jalan dari lapangan terbang Bayan Lepas hingga ke jalan Masjid Negeri dan bukan di lain-lain jalan.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati ada keperluan membina jejantas di jalan lain pihak Kerajaan akan mengkaji pembinaan jejantas tersebut.

6. Adalah menjadi dasar Majlis untuk menyedia dan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi keperluan penjaja-penjaja di luar kawasan pusat bandar Bukit Mertajam. Ini disebabkan pusat bandar Bukit Mertajam telahpun sesak. Dengan adanya pembangunan perumahan di luar kawasan pusat bandar, maka akan bertambahlah lagi perlunya kemudahan untuk penjaja-penjaja di kawasan itu.

Buat masa sekarang Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang menimbang untuk mengenakan syarat ke atas pihak pemaju supaya memperuntukkan tapak penjaja di kawasan-kawasan pembangunan semasa memberi kelulusan kepada pelan-pelan tatasusunan.

7. Memandangkan kesukaran bagi mendapatkan tanah Kerajaan atau tanah Majlis Perbandaran untuk menyediakan tempat meletak kereta di bandar Bukit Mertajam, Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang mengambil tindakan untuk menambah tapak meletak kereta seperti berikut:-

(i) Pemaju-pemaju dikenakan syarat supaya menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi bagi tiap-tiap bangunan yang dibina

(ii) Wang yang dikutip dari sumbangan tempat letak kereta (bagi setiap lot yang tidak dapat disediakan) akan digunakan untuk membeli tanah dan menyediakan kawasan letak kereta

Dengan ini adalah diharapkan masalah tempat letak kereta akan dapat dikurangkan di bandar ini.

8. Sebanyak 48 lot Rancangan Rumah Murah Berapit yang tidak dapat dikeluarkan hakmilik telah disiasat dan didapati terlibat dengan pelanggaran syarat penghunian yang telah ditetapkan dalam perjanjian mereka dengan Kerajaan Negeri iaitu:-

39 unit – menjual unit kepada orang lain tanpa kebenaran Bahagian Perumahan
8 unit – pertukaran unit kepada waris tanpa kebenaran Bahagian Perumahan
1 unit – belum menyelesaikan tunggakan sewa

Bagi membolehkan Pejabat Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam mengeluarkan suratan hakmilik, maka Bahagian Perumahan akan menyelaraskan penghuni-penghuni haram yang tinggal di unit-unit berkenaan sebagai penghuni sah.

## PENYATA TUNGGAKAN SEWA PERUMAHAN MURAH
## (PECAHAN MENGIKUT KAUM)

| RANCANGAN | MELAYU | | CINA | | INDIA | | LAIN-LAIN | | JUMLAH BESAR | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | No. Penghuni | JUMLAH ($) |
| DAERAH TIMUR LAUT | | | | | | | | | | |
| RIFLE RANGE BLOK A – J | 152 | 79,148.90 | 1354 | 284,943.90 | 229 | 109,235.20 | – | – | 1735 | 469,328.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 603.00 | 9 | 6,186.40 | 5 | 880.00 | – | – | 16 | 7,669.40 |
| KAMPONG MELAYU PER I-IV | .517 | 470,427.10 | 119 | 65,656.60 | 58 | 39,786,10 | 2 | 1,135.00 | 696 | 577,004.80 |
| YUNIT KEDAI | 3 | 2,795.00 | – | – | – | – | – | – | 3 | 2,795.00 |
| NOORDIN STREET GHAUT | – | – | 174 | 32,250.00 | 30 | 10,332.00 | 2 | 492.00 | 200 | 43,174.00 |
| YUNIT KEDAI | – | – | 6 | 4,702.00 | – | – | – | – | 6 | 4,702.00 |
| SUNGAI PINANG | 73 | 61,028.00 | 40 | 61,028.00 | 63 | 35,188.00 | – | – | 176 | 157,244.00 |
| JALAN MAKLOOM | 36 | 22,715.00 | 9 | 2,600.00 | 4 | 1,580.00 | – | – | 49 | 26,895.00 |
| RUMAH PERALIHAN TAMAN TUN SARDON | 72 | 61,290.00 | 15 | 7,510.00 | 29 | 31,268.30 | – | – | 116 | 100,068.30 |
| TAMAN TUN SARDON PER. I | 96 | 240,205.00 | 28 | 32,505.00 | 37 | 75,330.00 | – | – | 161 | 348,040.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 1,450.00 | 1 | 240.00 | – | – | – | – | 3 | 1,690.00 |
| TAMAN TUN SARDON PER. II | 311 | 550,095.00 | 330 | 370,220.00 | 69 | 113,560.00 | 10 | 18,850.00 | 720 | 1,052,725.00 |
| TAMAN FREE SCHOOL | 153 | 176,280.00 | 281 | 302,495.00 | 53 | 64,670.00 | 3 | 1,410.00 | 490 | 544,855.00 |
| YUNIT KEDAI | 15 | 26,400.00 | 16 | 16,812.50 | 1 | 1,200.00 | 1 | 400.00 | 33 | 44,812.50 |
| **DAERAH BARAT DAYA** | | | | | | | | | 4410 | 3,381.003.00 |
| BAYAN LEPAS | 12 | 6,360.00 | 5 | 1,350.00 | 5 | 1,260.00 | – | – | 22 | 8,970.00 |
| PERMATANG DAMAR LAUT | 48 | 59,410.00 | 3 | 2,772.00 | 1 | 132.00 | – | – | 52 | 62,314.00 |
| TELOK KUMBAR | 27 | 38,455.00 | 1 | 195.00 | – | – | – | – | 28 | 38,650.00 |
| GERTAK SANGGOL | 47 | 60.700.00 | 12 | 8,325.00 | 5 | 2,335.00 | – | – | 64 | 71,360.00 |
| GENTING | 24 | 18,060.00 | – | – | 3 | 5,580.00 | – | – | 27 | 23,640.00 |
| PONDOK UPEH | 39 | 32,172.00 | 8 | 2,400.00 | 3 | 2,475.00 | – | – | 50 | 337,050.00 |
| TELOK BAHANG | 33 | 18,400.00 | 6 | 980.00 | 1 | 840.00 | – | – | 40 | 20.220.00 |
| | | | | | | | | | 283 | 262,204.00 |

| RANCANGAN | MELAYU | | CINA | | INDIA | | LAIN-LAIN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) | NO. | JUMLAH ($) |
| **SEBERANG PERAI UTARA** | | | | | | | | | | |
| KUALA MUDA I | 32 | 20,480.00 | 1 | 240.00 | – | – | 1 | 240.00 | 25 | 20,960.00 |
| MAK MANDIN | 34 | 76,442.00 | 124 | 17,612.00 | 15 | 18,648.00 | 4 | 2,738.00 | 177 | 115,440.00 |
| YUNIT KEDAI | 1 | 1,610.00 | 14 | 21,533.65 | 3 | 6,897.00 | – | – | 18 | 30,040.65 |
| KUALA MUDA II | 20 | 15,840.00 | 2 | 1,200.00 | – | – | – | – | 22 | 17,040.00 |
| SUNGAI DUA 6320-6 | 27 | 10,110.00 | 1 | 90.00 | 1 | 30.00 | – | – | 29 | 10,230.00 |
| PENAGA | 24 | 15,140.00 | 1 | 450.00 | – | – | – | – | 25 | 15,590.00 |
| KEPALA BATAS | 28 | 9,090.00 | 16 | 8,760.00 | 2 | 180.00 | – | – | 46 | 18,030.00 |
| TELOK AYER TAWAR | 26 | 8,970.00 | 2 | 240.00 | 9 | 2,700.00 | 1 | 90.00 | 38 | 12,000.00 |
| TASEK GELUGOR | 14 | 7,680.00 | 9 | 2,550.00 | – | – | – | – | 23 | 10,230.00 |
| JALAN MOHD SAAD | 52 | 40,727.00 | 6 | 620.00 | 18 | 15,357.00 | 2 | 3,245.00 | 78 | 59,949.00 |
| SUNGAI DUA 6318 | 7 | 3,765.00 | 1 | 935.00 | – | – | – | – | 8 | 4,700.00 |
| BAGAN AJAM | 183 | 257,740.00 | 80 | 95,185.00 | 18 | 28,900.00 | – | – | 281 | 381,825.00 |
| YUNIT KEDAI | 2 | 4,000.00 | – | – | – | – | – | – | 2 | 4,000.00 |
| **SEBERANG PERAI TENGAH** | | | | | | | | | 772 | 700,034.65 |
| PERMATANG TINGGI | 4 | 3,145.00 | 26 | 8,925.00 | 4 | 1,275.00 | – | – | 34 | 13,345.00 |
| SIMPANG TIGA BERAPIT | 26 | 17,600.00 | 8 | 1,440.00 | 2 | 320.00 | – | – | 36 | 19,360.00 |
| KAMPONG BAHARU ALMA | 1 | 30.00 | 33 | 10,680.00 | 2 | 210.00 | 2 | 270.00 | 38 | 11,190.00 |
| KUBANG SEMANG | 23 | 12,150.00 | 5 | 1,080.00 | – | – | – | – | 28 | 13,230.00 |
| KAMPONG BERAPIT PH.3 | 5 | 1,620.00 | 28 | 5,730.00 | 2 | 420.00 | – | – | 35 | 7,770.00 |
| **SEBERANG PERAI SELATAN** | | | | | | | | | 171 | 64,895.00 |
| NIBONG TEBAL | 14 | 6,120.00 | 16 | 6,000.00 | 15 | 7,830.00 | – | – | 45 | 19,950.00 |
| PINTAS PIPIT | 19 | 14,675.00 | 19 | 14,835.00 | 12 | 8,055.00 | – | – | 50 | 37,565.00 |
| SUNGAI BAKAP | 5 | 1,860.00 | 20 | 4,650.00 | 1 | 3,630.00 | – | – | 26 | 10,140.00 |
| KAMPONG BARU VALDOR | 7 | 6,405.00 | 19 | 12,475.00 | 4 | 2,720.00 | – | – | 30 | 21,600.00 |
| SIMPANG EMPAT | 7 | 6,210.00 | 13 | 6,300.00 | 8 | 6,510.00 | – | – | 28 | 19,020.00 |
| JAWI I DAN II | 131 | 85,420.00 | 156 | 71,985.00 | 33 | 27,675.00 | – | – | 320 | 185,080.00 |
| | | | | | | | | | 499 | 293,355.00 |
| | | | | | | | JUMLAH BESAR | | 6,135 | 4,701,491.65 |

BAHAGIAN PERUMAHAN
PULAU PINANG

**TARIKH: 3HB. JULAI, 1985**

## WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

**(I) The Member for Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) asks the Hon'ble the Chief Minister:-**

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House, the total number of low-cost housing applications registered with the State Housing Division to date yet to be allocated low-cost housing units, giving racial breakdown and the year applied for by the applicants?

2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:

   (a) The total number of housing units built and completed by the private sector in the State of Penang during the 4th Malaysia Plan period until to date;

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker, adalah menjadi kebiasaan mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Berkanun meluluskan wang tambahan setelah didapati wang-wang itu telah dibelanjakan oleh sesebuah Kerajaan itu. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh pencadang tadi, kita telah membelanjakan wang sebanyak yang tercatat di dalam Anggaran Belanjawan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 ini iaitu sebanyak $2,174,800.00. Oleh sebab kebijaksanaan pegawai-pegawai dan Kerajaan Negeri mengawal dengan ketat segala perbelanjaan mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan, maka kita masih mempunyai baki sebanyak $2.6 juta iaitu hasil yang telah dapat kita menahan daripada dialirkan dengan cara yang tidak berfaedah.

Saya tidak berniat hendak bercakap panjang, tetapi kita Ahli-ahli Dewan harus memberi sokongan sebab perkara ini adalah menjadi satu tradisi di mana-mana Kerajaan. Maka, dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan Tambahan Yang Pertama bagi tahun 1984.

Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan Enakmen Bekalan Tambahan (1984) (No. 1), 1985. Enakmen Perbekalan Tambahan yang dikemukakan hari ini memberi peruntukan bagi mengeluarkan wang sejumlah $2,174,800.00 untuk perkhidmatan bagi tahun 1984 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Enakmen Bekalan Tahun 1984 akan membawa jumlah besar defisit tahun 1984, daripada defisit asal sejumlah $4,405,530.00, kepada $6,580,330.00. Walaupun jaminan telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam ucapan belanjawan bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan kempen jimat-cermat dan membelanjakan secara berhati-hati tetapi Kerajaan telah membelanjakan terlebih wang sebanyak $2,174,800.00 selain daripada wang yang diperuntukkan bagi belanjawan tahun 1984 bagi dua pejabat disebut dalam Enakmen. Membelanja wang lebih daripada yang diperuntukkan adalah satu *trend* yang tidak sihat dan pertambahan defisit harus dihentikan. Tindakan-tindakan tegas bagi membetul dan menambahkan hasil dari punca-punca baru bagi meliputi perbelanjaan operasi, mengurangkan belanjawan ataupun mengujudkan satu tenaga pekerja bagi mempastikan pengeluaran yang maksima harus diambil dengan segera bagi membalikkan *trend* membelanja lebih daripada yang diperuntukkan daripada pejabatnya.

Tuan Speaker, dari pecahan butir-butir penuh wang tambahan sebanyak $2,174,800.00 yang diminta, boleh diperhatikan bahawa ............ (gangguan).

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, ucapan Ahli Yang Berhormat panjang lagikah?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya.

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.**

**Dewan bersidang semula pada jam 2.37 petang.**

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, dari pecahan butir-butir penuh wang tambahan sebanyak $2,174,800.00 yang diminta boleh diperhatikan bahawa 85% atau $1,848,950.00 dimasukkan di bawah kepala "Pentadbiran Am". Jika perbelanjaan berhati-hati diambil dan dengan suatu tenaga pekerja yang berkesan dan cekap, didapati yang boleh memberi pengeluaran yang maksima demikian berjimat-cermat bagi Kerajaan, saya pasti bahawa perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan am ini boleh dielakkan.

Seperti yang saya telah nyatakan dahulu dan selalunya dipertahankan oleh saya, kekuatan pentadbiran Kerajaan adalah tertakluk kepada punca tenaga pekerjanya dan bukan bilangan pekerja ataupun jumlah wang yang dibelanjakan tiap-tiap tahun, tetapi tertakluk kepada pekerja-pekerja yang bergembira dan berpuashati, serta sikap mental yang betul. Adalah daripada punca tenaga manusia ini di mana Kerajaan Negeri patut memelihara sepenuh-penuhnya untuk mendapati pengeluaran maksima daripada pekerja-pekerjanya supaya mengujudkan satu sistem licin dan cekap bagi pentadbirannya.

Malangnya, prestasi perkhidmatan awam Negeri adalah jauh daripada memuaskan dan adalah mengharukan Kerajaan Negeri serta rakyat. Saya tidak tahu mengapa Datuk Samy Vellu memutuskan membuat kenyataan letusan awam berkenaan diskriminasi terhadap orang-orang bukan Melayu, di mana peluang kerja dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam tetapi beliau memang betulnya telah membangkitkan satu masalah yang kini menyebabkan perasaan tidak puashati antara golongan pegawai-pegawai awam yang bukan Melayu di negara ini.

Sebenarnya saya telah membangkitkan masalah yang sama berkenaan peruntukan yang tidak adil dalam jawatan-jawatan tertinggi Kerajaan Negeri ini. Masalah ini telah saya bangkitkan dalam ucapan saya semasa membahaskan Belanjawan tahun 1983, malangnya pada masa itu saya telah dituduh oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa saya telah menimbulkan dan membangkitkan masalah isu sensitif bagi menyebabkan perpecahan di antara kaum dan juga memecahbelahkan perpaduan. Adalah sangat dikesali bahawa Y.A.B. Ketua Menteri bukan saja tidak menghadapi dan mengakui hakikatnya dan membetulkan keadaan tersebut tetapi beliau telah memilih untuk berada di dalam buku baik UMNO. Beliau telah menyerah dan menuduh saya cuba memecahbelahkan perpaduan di antara kaum. Adalah sedihnya memperhatikan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah menjarak lebih jauhnya dengan memberi alasan bahawa peruntukan tersebut tidak adil dan peluang-peluang kenaikan pangkat adalah melampaui daripada kawalannya dan bahawa peruntukan tersebut adalah di bawah Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Speaker, saya sedar bahawa perlantikan pegawai-pegawai awam adalah diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tetapi sebagai Ketua Eksekutif Negeri tentunya Y.A.B. Ketua Menteri mempunyai hak dan kuasa membantah peruntukan berkaitan dengan perjawatan tertinggi perkhidmatan awam di negeri yang tidak adil ini oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Rakyat Pulau Pinang terutamanya yang bukan Melayu yang mengundi seorang Ketua Menteri Cina untuk memerintah tentunya mengharapkan beliau mempertahankan kepentingan mereka dan mengawal hak-hak mereka, tetapi malangnya beliau telah amat mengeciwakan rakyat bukan Melayu terutamanya rakyat keturunan Cina di Negeri ini. Apalah gunanya memperolehi seorang Ketua Menteri keturunan Cina yang bukan sahaja gagal melindungi kepentingan orang-orang Cina dan mempertahankan hak-hak mereka tetapi juga menyerah seorang Wakil Cina lain yang membangkit dan mengutamakan kedudukan yang buruk dan mengeciwakan rakyat Malaysia keturunan Cina. Tidak boleh dinafikan bahawa perlantikan jawatan tertinggi perkhidmatan awam di Negeri ini tidak mencerminkan kedudukan mengikut peratusan kaum. Sebenarnya, peruntukan jawatan-jawatan tertinggi perkhidmatan awam tidak seimbang dalam negeri telah menyebabkan perasaan tidak puashati dan kekeciwaan besar antara rakyat keturunan Cina sehingga mengharukan mutu dan kecekapan pentadbiran Negeri.

Jika kita mengkaji lebih mendalam, tingkat yang paling atas bagi jawatan tertinggi perkhidmatan awam di Negeri ini adalah dipenuhi oleh suatu kaum *ethnic* sahaja dan oleh yang demikian nampaknya rakyat bukan Melayu adalah tidak diwakili dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan Negeri di mana mereka adalah mewakili 65% daripada penduduk-penduduk negeri. Empat tempat jawatan tertinggi di negeri iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah semuanya terdiri dari satu golongan *ethnic* saja. Pegawai-pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam seperti empat pegawai tersebut mempunyai kuasa dan pengaruh yang luas dan juga adalah terlibat dalam menyediakan dan perlaksanaan dasar-dasar awam. Oleh yang demikian, adalah menjadi merbahaya dalam masyarakat berbilang bangsa kita bahawa semua pegawai tersebut terdiri daripada satu golongan *ethnic* yang sama.

Tuan Speaker, daripada 19 orang ketua jabatan di bahagian pengurusan negeri hanya 6 orang atau 32% adalah rakyat bukan Melayu. Adalah membimbangkan bahawa dalam penduduk-penduduk 65% bukan Melayu, hanya 32% daripada ketua-ketua jabatan dipegang oleh mereka tetapi dalam 35% penduduk-penduduk Melayu, 68% daripada jawatan-jawatan tertinggi dipegang oleh mereka. Daripada 19 jawatan tertinggi itu kesemuanya 5 Pegawai Daerah adalah orang Melayu. Apa yang lebih buruk lagi ialah bukan sahaja ketua-ketua jabatan terdiri daripada satu golongan *ethnic* yang sama tetapi ada beberapa jabatan seperti Jabatan Pengarah Tanah dan Galian dan Majlis Perbandaran ............ (gangguan).

**Ketua Menteri**:

Tuan Speaker, mengikut peraturan-peraturan, saya harap Tuan Speaker bolehlah ambil keputusan mengikut Peraturan 60. Saya fikir bahasan ini di luar daripada masalah yang berbangkit di dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, boleh saya jelaskan, apa yang saya bangkitkan adalah mengenai kakitangan Kerajaan Negeri. Kakitangan Kerajaan Negeri adalah tenaga yang penting untuk pentadbiran Kerajaan. Rang Undang-undang yang dikemukakan adalah mengenai pentadbiran am. Saya memberi hal-hal tenaga Kerajaan. Ini mesti ada kaitan ada yang disoalkan di sini. Bolehkah saya teruskan?

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, apa yang kita ada di dalam Rang Undang-undang ialah Rang Undang-undang Pertambahan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, itu penjelasan atau peraturan?

**Ketua Menteri:**

Peraturan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Peraturan apa?

**Ketua Menteri:**

Peraturan 60.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Baca. Tuan Speaker sudah buat keputusan.

**Tuan Speaker:**

Peraturan 60(i)

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

60(i)?

**Tuan Speaker:**

Janganlah terkeluar daripada ...... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Seperti yang telah saya jelaskan, saya ada bangkitkan tentang tenaga pekerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita telah bincangkan mengenai pentadbiran Kerajaan Negeri.

**Tuan Speaker:**

Tidak payah bangkitkan ......... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Apa tak payah bangkitkan? Buat keputusan, bolehkah saya bangkitkan ataupun tak boleh?

**Tuan Speaker:**

Tak payah. Ikut peraturan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya ada ikut dan saya ada bangkitkan perkara tenaga pekerja dalam Kerajaan Negeri.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, untuk Peraturan 60 : Apabila usul bahawa Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua itu dibuat perbincangannya hendaklah dihadkan kepada asas-asas dan kebaikan-kebaikan Rang Undang-undang itu sahaja.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Apa yang saya bangkitkan itu adalah berkaitan dengan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Speaker:**

Ikut apa yang ada dalam Rang Undang-undang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Yes, what I am raising is connected to the Bill. The Bill is a supply for operating expenses. Workers of the Government is connected.* Bolehkah saya teruskan, Tuan Speaker. Apa yang lebih buruk lagi ialah bukan sahaja ........ (gangguan).

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, untuk peraturan ......... (gangguan).

**Tuan Speaker:**

Jangan keluar daripada perbahasan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, saya sudah buat keputusan mengenai peraturan ini. Tuan Speaker sudah buat keputusan.

**Tuan Speaker:**

Jangan keluar dari situ.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya, Tuan Speaker, sudah buat penjelasan ..... (gangguan).

**Ketua Menteri:**

Untuk peraturan. Perbahasan kita ialah berkaitan dengan Risalah Bil. 5 tahun 1985 yang telah dibentangkan yangmana adalah masalah yang berbangkit oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan ...... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya, pentadbiran am oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. *The general administration of the State is $1.8 million. If we cannot raise about the workers, what can we raise?*

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @Md. Isa bin Haji Ramli):**

Itu pentadbiran, ini perbelanjaan, Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Yes, the general administration. If the staff can save for the Government, we are going to save money. If we can't raise about that, what can we raise?*

**Tuan Speaker:**

Ikut seperti .......... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya, saya ikut seperti apa yang dibangkitkan di Dewan ini.

**Tuan Speaker:**

Ikut apa perkara seperti dalam Rang Undang-undang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ya, saya sudah ikut.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):**

Tuan Speaker, beliau tidak ikut.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Apa itu?

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):**

Dia mesti ikut masalah dalam perbelanjaan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Duduk! duduk! Tidak payah cakap. Duduk! Saya boleh teruskan?

**Tuan Speaker:**

Ikut kepala-kepala di dalam Rang Undang-undang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya sudah ikut. Adakah apa yang saya bangkitkan ikut atau tidak ikut? Jika tidak ikut, buat keputusan, jika itu pun buat keputusan. Kalau tidak ikut, jangan cakap, mesti semua pun tidak ikut. Apapun tidak ikut.

**Tuan Speaker:**

Saya telah ambil keputusan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya boleh teruskan, Tuan Speaker? Di Secretariat Negeri juga mencerminkan pembahagian peruntukan jawatan yang amat tidak seimbang di antara pegawai-pegawai berbilang bangsa di mana daripada 23 pegawai Division 1 .......... (gangguan).

**Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, apa anda ........ (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*How are we going to debate if you are going along this line? Be fair. What are you so afraid of? There are over twenty of you here. What is wrong about raising about the workers of the State Government?*

**Tuan Speaker:**

Tidak payah bawa tentang kaum dalam Dewan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Jikalau tidak boleh, *this is a fact. Even a Minister – an Indian Minister – can raise it. This is happening in the country and it is happening in the State, and I am raising it in the Assembly. What is wrong with that?*

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @Md Isa bin Haji Ramli):**

Tidak kena pada tempatnya, Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*If we cannot raise it, what can we raise?*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, kita bukan berbahas berkenaan apa yang diucapkan oleh Y.B. Datuk Samy Vellu, tetapi kita bahas di atas Rang Undang-undang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya ambil contoh tenaga pekerja Kerajaan Negeri.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, tidak payahlah kita bawa perkara luar masuk ke dalam Dewan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*You don't have the guts to raise it. This is an example,* Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:**

Sudah cukup, jangan cerita panjang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, *if we cannot* "cerita panjang", *we are wasting the peoples' money. Can I raise this?*

**Tuan Speaker:**

Sudah cukup.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Mana cukup, Tuan Speaker? Belum cukup lagi. Saya baru mula sahaja.

**Tuan Speaker:**

Sebelum kita tangguh tadipun, Yang Berhormat telah bercerita panjang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, ini perkara lain. *This is a very important point for the State of Penang and you say I cannot raise it.* Adakah bersangkutan atau tidak?

**Tuan Speaker:**

Itu untuk perbelanjaan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Perbelanjaan *which involves these workers and if I raise about the unfair allocation of staff and the unhappiness it has caused, what is wrong? But if you say it is not connected, how can we debate? We might as well not debate?*

(Ahli Kawasan Pengkalan Kota meninggalkan Dewan)

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, mengikut Peraturan 60, mengikut risalah yang kita telah bentangkan dalam Dewan ini, Risalah Ke 5 Butiran Kod 2100, Butiran 2300, 2400, 2500, 2700, 2800, 2900, 4100, tidak ada satu perkara yang berkaitan dengan gaji-gaji dan lain-lain. Kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota hendak membuang masa dalam Dewan ini dengan tidak mengikut apa yang kita bahaskan dalam Dewan ini, beliaulah yang telah menjual rakyat dan tanggungjawab beliau sendiri.

(Ahli Kawasan Pengkalan Kota masuk ke Dewan)

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, penjelasan apa yang dicakapkan oleh Ketua Menteri ...... (gangguan).

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, beliau tidak mengikut perkataan beliau. Ini bukan mengikut perkataan Dewan atau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan tetapi mengikut perkara Ahli Yang Berhormat Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, *I have got right of way. Are you giving a speech? I won't give way for clarification.*

**Tuan Speaker:**

Sila duduk, jangan buat gangguan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Why ask me to sit? Ask him also. Be fair.*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, .......... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya tidak bagi jalan. *Who has got the right of way,* Tuan Speaker?

**Tuan Speaker:**

Sila duduk, sebab tadi anda sudah keluar dari Dewan ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, *make a ruling. Who has got the right of way?*

**Tuan Speaker:**

Saya sudah ambil keputusan sebab tadi anda telah keluar dari Dewan ini. Anda telah menunjukkan bahawa anda tidak mahu bercakap.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*But I can come back for clarification.* Bolehkah saya balik ke Dewan ini? *Is there anything in the Standing Orders saying that I cannot come back? There is no way you can throw me out. I will never allow that to happen. Be fair.*

**Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, bila Tuan Speaker bercakap, sila duduk.

Apa penjelasan Yang Berhormat?

(Ahli Kawasan Pengkalan Kota meninggalkan Dewan).

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, penjelasan yang saya telah buat ialah Bil. 5 yangmana saya telah sebut Kod 2100 dan lain-lain tidak berkaitan dengan perkara yang telah kita bahaskan. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak baca baik-baik tentang perkara-perkara yang kita balaskan, dan beliau hendak tunjukkan satu contoh semacam ini. Menurut dengan perkataan beliau sendiri, inilah yang tidak betul. Beliau telah keluar dari Dewan, masuk balik, itu pun kita tahu macam mana mereka main politik di dalam Dewan ini. Tetapi apa yang saya hendak jelaskan, Tuan Speaker, ialah kita berbahas di atas Rang Undang-undang dengan menurut Bil ke 5. Perkara-perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota adalah sesungguhnya perkara yang boleh dibahaskan di luar tapi bukan di dalam Dewan ini. Perkataan atau ucapan Y.B. Datuk Samy Vellu itu bukanlah masalah yang kita bahaskan di masa sekarang. Itulah sebabnya saya kata beliau telah melanggar Peraturan 60.

**Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) (No. 1), 1985 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, iaitu sejumlah sebanyak $2,174,800.00. Pada pendapat saya, Kerajaan Negeri telah berjaya membuktikan kecekapan pengawasan yang baik dalam bidang pengurusan kewangan Negeri ini. Ini adalah berdasarkan kepada jumlah $77 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang memang sudah sedia ada. Kerajaan cuma membelanjakan sebanyak $62 juta sahaja, dan ini membuktikan bagaimana cekapnya Kerajaan kita, tidak sepertimana yang dianggap oleh D.A.P. bahawa Kerajaan Negeri tidak cekap dan tidak tahu menggunakan wang negeri .

Berkenaan dengan hasil, kita tahu cukai yang dianggarkan akan dapat dikutip oleh Kerajaan Negeri ialah sebanyak $73 juta pada tahun ini, tetapi cukai hanya dapat dikutip sebanyak $65 juta sahaja. Sungguhpun demikian, memandangkan perbelanjaan Kerajaan yang hanya $62 juta sahaja, ini bermakna Kerajaan Negeri masih berlebihan lagi sebanyak $2.6 juta. Jadi, itulah yang saya katakan tadi. Perbelanjaan tambahan ini patut diberi sokongan oleh sebab atas hakikat inilah jelas kepada kita bahawa wang sejumlah $2,174,800.00 sebagai anggaran perbekalan tambahan ini adalah sebagai teknik sahaja sedangkan Kerajaan masih lagi berlebihan wang sebanyak $2.6 juta. Maka sudah sewajarnyalah anggaran seumpama ini perlu diberi sokongan sepenuhnya. Jadi kita tidak bolehlah terima sebagaimana alasan-alasan yang dibawa oleh wakil dari Pengkalan Kota tadi kerana itu tidak berasas. Kalau kita kaji, Kerajaan mengendalikan wang dengan begitu baik dan apa yang dibuat kali ini cuma sebagai teknik. Sebenarnya Kerajaan Negeri masih berlebihan sebanyak $2.6 juta.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun pengawasan dalam bidang perbelanjaan ini perlulah diberi perhatian rapi dari masa ke semasa kerana

sungguhpun kita telah dapat mengawal dan telah dapat menjalankan perbelanjaan dengan begitu baik, masih juga terdapat beberapa perkara-perkara kecil yangmana memerlukan kewangan seperti beberapa projek kecil di kawasan pilihanraya. Jadi kita harap keadaan ini juga akan dapat diselesaikan dengan lebih baik. Contoh projek kecil yang memerlukan pengawasan yang mana telah kita cakap dalam Dewan ini sejak 3 tahun sehingga sekarang masih belum dilaksanakan ialah sebuah tapak pasar terbuka atau pasar harian di Sungai Puyu yang berjumlah $18,000.00 sahaja. Sehingga hari ini belum dapat diselesaikan dan kita telah membawa perkara-perkara seumpama ini melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, dan telahpun mendapat persetujuan, dan lawatan ke tapak tersebut juga telah dibuat beberapa kali. Keadaan seperti ini mungkin pada suatu masa boleh mencemarkan kebaikan yang ada kepada pihak Kerajaan Negeri kita. Jadi kalau keadaan begini berterusan, saya rasa tidak ada guna Jawatankuasa Tindakan Daerah diadakan. Lebih baik Jawatankuasa ini dibubarkan. Keputusan belum dapat diambil dan satu projek yang dianggarkan sebanyak $18,000.00 sahaja pun tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini sejak tiga tahun yang lalu. Begitu juga tapak penjaja di Pantai Bersih di Bagan Ajam yangmana bila kita pergi membuat lawatan, Pegawai Daerah juga telah menerangkan kepada kita bahawa tanah telahpun diambil. Jawapan yang kami terima selepas itu iaitu dua minggu lagi perkara ini boleh diselesaikan, tetapi sehingga sekarang, penjaja masih terbiar berkeliaran di tepi Pantai Bersih serta menyebabkan kebersihan pantai tidak dapat dikawal. Kami harap keadaan ini dapat diselesaikan, dan tapak yang telah ditentukan itu dilaksanakan dengan seberapa segera.

Itulah di antara beberapa perkara kecil yang saya harap kita dapat selesaikan. Saya minta perhatian Dewan ini supaya dapat diselesaikan supaya tidak membabitkan urusan kita yang baik yang besar yang dapat kita laksanakan dengan begitu baik.

Lagi satu contoh yang ingin saya sebutkan di sini ialah bayaran gantirugi sebanyak $45.00 kepada seorang petani yang tanahnya dikorek untuk membuat taliair. Oleh sebab namanya telah tercicir dalam masa pembayaran permulaan, selama enam bulan wangnya belum dapat dijelaskan lagi sehingga hari ini. Saya telah memberitahu beberapa kali kepada pihak yang berkenaan dan telahpun dibentangkan di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, tapi saya kata tidak payah kita bawa ke dalam Dewan. Nampaknya perkara ini tidak diambil perhatian. Inilah yang saya rasa amat kesal dan saya bimbang keadaan seumpama ini akan berterusan dan boleh merosakkan imej Kerajaan Negeri yangmana seperti saya katakan tadi kita merasa gembira dan kita mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah berjaya membuktikan satu pengawasan kewangan Negeri yang begitu cekap. Kita dapat melihat dari apa yang disediakan berapa yang telah dibelanjakan, berapa lebihnya dan ini semua membuktikan kecekapan yang ada. Cuma saya harap beberapa perkara kecil yang saya sebutkan akhir-akhir ini juga dapat diselaraskan dengan serta-merta. Dengan ini akan menjadi lebih baik bagi Kerajaan Negeri dan juga kepada jabatan-jabatan tertentu supaya peruntukan kewangan yang diberi kepada tiap-tiap jabatan dapat dibelanjakan dengan sepenuhnya dan seluruh daerah boleh mendapat faedah. Kalau pembangunan tidak dapat diselaraskan dengan begitu baik, pihak yang menanggung kerugian ialah rakyat.

Dengan yang demikian, Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) (No. 1), 1985 dengan sepenuhnya.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dibawa oleh saya.

Tuan Speaker, berkenaan masalah tapak penjaja dan pasar kecil yang dibangkitkan oleh Y.B. Ahli Kawasan Bagan Ajam, perkara ini sepatutnya dipertimbangkan oleh Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan dan termasuk dalam kuasa Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri boleh mengambil perhatian dengan merujuk perkara yang telah dibawa itu kepada Badan Berkanun supaya pembayaran pampasan dapat dibuat secepat mungkin.

Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota, di peringkat pertama, telah menuduh Kerajaan Negeri sebab beliau kata Kerajaan Negeri selalu membawa anggaran tambahan atau bekalan tambahan yang boleh membawa defisit yang besar kepada Kerajaan Negeri, tetapi apa yang berlaku sebenarnya – saya telah bercakap dengan terang di dalam ucapan saya tadi – ialah sekali lagi kita mengakhiri tahun 1984 dengan satu kelebihan wang sebanyak $2.6 juta yang sungguh-sungguh bila kita bawa anggaran kepada Dewan ini, kita telah menyediakan satu defisit sebanyak $4 juta. Itulah apa yang terjadi, tetapi beliau telah mengambil peluang ini untuk membawa perkara-perkara yang tidak bersangkut dengan apa yang dibahaskan.

Tuan Speaker, ada banyak contoh yang kita boleh bawa untuk menunjukkan bahawa Ahli-ahli D.A.P. langsung tidak faham macam mana mereka mesti jalankan tugas mereka di dalam Dewan ini. Tuan Speaker, inilah kelemahan politik dalam Negeri kita sekarang. Kita tahu tujuan D.A.P. sekarang ialah untuk memecah-belah Barisan Nasional dan kita tahu mereka mencucuk masalah perkauman dan masalah ugama untuk mengambil peluang hendak memecah-belah bukan sahaja Barisan Nasional tetapi juga masyarakat kita.

Tuan Speaker, jika kita baca risalah yang telah dibentangkan kita akan faham bahawa ada beberapa perbelanjaan yang dibuat pada masa dahulu, di antaranya ialah untuk Kepimpinan Melalui Teladan, Persidangan Menteri-menteri Besar, Yayasan Pembangunan, Iktisad Islam, Ekspo Seni Budaya, Usahawan Bumiputera, Yayasan Gerak Bakti, Pesta Perahu Kogashima di Jepun dan untuk Minggu Sukan Negara. Semua aturcara ini dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan satu tujuan sahaja iaitu untuk menyatu-padukan masyarakat kita yang berbilang kaum supaya boleh bersama-sama menjaga keamanan dan kestabilan masyarakat kita, bukan seperti Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang tidak tahu macamana hendak menghentam Kerajaan Negeri. Apa yang kita bahaskan ialah masalah seperti yang telah saya sebut dan bentangkan di dalam Dewan ini, dan apa yang kita bentangkan menunjukkan kita bukan sahaja menjaga dengan tujuan atau harapan UMNO sahaja – saya ingat Y.B. Ahli-ahli UMNO pun faham – tapi kita semua masuk di dalam Dewan ini sebagai Barisan Nasional, dan kita di sini bekerjasama untuk rakyat keseluruhannya, sama ada mereka menyokong kita atau tidak menyokong kita, dan juga untuk faedah negeri kita keseluruhannya.

Tuan Speaker, kita tahu polisi D.A.P. adalah lain daripada apa yang dibahaskan. Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah membawa satu perkara yang saya mesti jawab. Beliau kata saya seorang yang telah diundi oleh rakyat Pulau Pinang sebagai seorang Menteri Malaysia keturunan Cina. Tuan Speaker, rakyat Pulau Pinang tidak mengundi saya, hanya penduduk-penduduk di kawasan Padang Kota dan pengundi-pengundi dalam kawasan Padang Kota beri undi kepada saya, bukan sebagai seorang Malaysia keturunan Cina atau sebagai seorang tokoh, tetapi sebagai seorang ahli dalam Barisan Nasional. Dan daripada sistem demokrasi yang kita ada barulah kita dapat satu keputusan yangmana Kerajaan Negeri telah timbul.

Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah bohong dengan rakyat. Di dalam Dewan ini, kalau beliau tidak faham, beliau bukan diundi oleh semua rakyat Pulau Pinang, beliau tidak ada kuat-kuasa hendak mewakili rakyat di Negeri Pulau Pinang, atau rakyat keturunan Cina sahaja dalam Negeri Pulau Pinang. Beliau hanya mewakili pengundi-pengundi di Pengkalan Kota. Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota mesti faham beliau bukan seorang yang diundi untuk Cina sebab bila-bila perkara ini berbangkit, di hari depan beliau boleh faham macam mana dalam masyarakat keturunan Cina di dalam Negeri Pulau Pinang telah tertentu dalam hati mereka tidak lagi ada harapan bagi Ahli-ahli D.A.P. Semua orang tahu, sama ada rakyat Negeri Pulau Pinang atapun rakyat di seluruh Malaysia, tujuan D.A.P. ialah untuk memecah-belah masyarakat kita. Tujuan D.A.P. ialah sengaja mencari peluang hendak menjahanamkan kestabilan masyarakat kita.

Tuan Speaker, D.A.P. tidak ada lain tujuan selain dari itu. Oleh sebab itu, bila kita berikan keterangan kepada mereka, mereka tidak boleh duduk di dalam Dewan ini, tapi mereka mesti keluar sebab mereka tidak mengikut demokrasi berparlimen. Mereka tidak menyokong peraturan-peraturan yang kita ada di dalam Dewan ini. Mereka pandai di luar sahaja atau *"street fighting"*. Di dalam Dewan ini mereka tidak ada kuasa perbahasan. Kita boleh nampak contohnya di dalam Dewan ini. Sebelum beliau faham apa yang kita bahaskan, beliau telah keluar. Inikah yang dipanggil *"guts"*? Kalau ada *"guts"* duduk di sini, dan kalau dengar di luar sekarang pun saya harap jangan terkejut. Kalau ada *"guts"* balik ke sini hentam dengan kami sebab kami boleh terima, tapi bila kami hentam dengan mereka, mereka mesti terima juga. Janganlah keluar. Itu yang kita boleh panggil *"guts"*. Tuan Speaker, ini adalah pertunjukan yang kosong daripada Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Tuan Speaker, saya mohon Yang Berhormat semua dalam Dewan ini menyokong Rang Undang-undang yang saya bawa sekarang yang bukan sahaja menunjukkan bahawa kewangan negeri adalah tetap, tetapi ini juga menunjukkan bahawa belanjawan yang kita buat ialah untuk menyatu-padukan rakyat Negeri Pulau Pinang.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.**

**Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan**

Wang sebanyak $1,682,800.00 untuk Kepala

B. 1 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak $492,000.00 untuk Kepala B. 12 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1 dan Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Dewan bersidang semula.**

**Bacaan Yang Ketiga.**

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, (1984) (No. 1), 1985 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetuju tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.**

**(B) Rang Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan), 1985.**

**Bacaan Yang Pertama**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1959" dibacakan bagi kali pertama.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Hean Tee):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang pertama.**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, saya mohon kebenaran daripada Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang dibaca dalam semua peringkatnya dalam Majlis mesyuarat ini.

**Tuan Speaker:**

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat.

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantungkan kuatkuasanya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa di dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Hean Tee):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**Bacaan Yang Kedua**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959" dibacakan kali kedua.

Y.B. Tuan Speaker, Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai ialah sebuah badan yang ditubuhkan untuk menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong di dalam semua perkara yang bersangkutan dengan ugama Islam di Negeri Pulau Pinang. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai yang ditubuhkan dengan kuatkuasa Perlembagaan Majlis telah menjalankan semua aktiviti-aktivitinya berlandaskan kepada satu undang-undang yang dinamakan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam tahun 1959. Secara ringkas undang-undang tersebut yang mengandungi peraturan dan aturcara bagi perjalanan pentadbiran Majlis yang termasuk dalamnya soal perlembagaan, pentadbiran am, kewangan, Mahkamah Syariah, pentadbiran harta-harta wakaf, zakat, Baitulmal, mesjid, dan surau yang-mana undang-undang tersebut dapat dikumpul sebagai satu peraturan yang menumpukan sepenuh perhatian kepada hal-hal berkaitan dengan pemeliharaan hak dan kebajikan orang-orang Islam sahaja.

Di samping pindaan kepada Seksyen 7A, 7B dan 7C, Majlis juga perlu membuat pindaan kepada Seksyen 88 dan 50A(1) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959. Seksyen 88A dan tambahan kepada 50A(1) perlu diadakan kerana ianya berhubung rapat dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Majlis.

Y.B. Tuan Speaker, adalah diharapkan dengan kelulusan Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan) 1985 ini, maka Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai akan dapat memainkan peranannya selain dari segi kegiatan keugamaan. Maka adalah menjadi harapan kepada kita semua khususnya kepada masyarakat Islam di Negeri ini, bahawa Majlis Ugama Islam akan merupakan satu perbadanan ekonomi Islam di Negeri ini. Kalau Kerajaan Negeri dapat berbangga dengan peranan dimainkan oleh Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (P.D.C.) dengan anak-anak syarikatnya, maka Majlis Ugama Islam juga pada satu masa nanti boleh memainkan peranannya dalam bidang pembangunan ini dan dapat memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh Kerajaan. Dan sebaliknya tidak asing lagi bagi melaksanakan cita-cita penerapan nilai-nilai Islam selaras dengan pengajaran bahawa 9 dari 10 punca pendapatan rezeki itu adalah datangnya dari perniagaan termasuklah pembangunan. Jadi amat sesuailah Majlis Ugama Islam menceburkan diri di dalam lapangan ini.

Tuan Speaker, Majlis Ugama Islam, dan tidak asing lagi Kerajaan Negeri, pernah dicabar bahawa Majlis Ugama Islam tidak pernah memikirkan dan tidak pernah berusaha merancangkan apa-apa kemajuan untuk umat Islam di dalam perumahan dan kemajuan ekonomi masyarakat Islam di Negeri ini dan tidak ada satu perancangan bagi dimajukan oleh Majlis Ugama Islam terutama sekali mengenai tanah-tanah wakaf yang telah diamanahkan kepada Majlis Ugama Islam. Tuan Speaker, terdapat kira-kira 90 ekar tanah wakaf yang diletakkan di bawah kelolaan Majlis Ugama Islam di bandaraya ini sahaja, jadi soalnya mengapakah kita tidak membangunkan tanah-tanah wakaf itu sama ada tanah wakaf yang merupakan wakaf am ataupun wakaf khas? Mengapakah kita sanggup melihat masyarakat Islam tinggal di tanah-tanah wakaf dengan keadaan terhimpit dan serba kekurangan? Mengapakah kita sanggup melihat masyarakat Islam hidup dan berumah di pinggir-pinggir bangunan pencakar langit di Kota Georgetown ini? Jadi, Tuan Speaker, sebenarnya Majlis Ugama Islam tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Majlis tidak memperolehi apa-apa peruntukan. Di dalam ingatan saya, Majlis Ugama Islam pernah diberi peruntukan sebanyak $10,000.00 ketika mula-mula ianya ditubuhkan dulu. Di antara pendapatan yang diperolehi oleh Majlis Ugama Islam pada hari ini ialah daripada punca zakat dan fitrah yangmana dari punca zakat/fitrah ini 20% telah diambil oleh pihak Majlis bagi tujuan pentadbiran. Pendapatan zakat/fitrah yang sebenarnya mengikut hukum-hukum syarak adalah boleh diberi kepada lapan asnaf sahaja. Saya berpendapat Majlis Ugama Islam mengambil 20% dari kutipan fitrah ini adalah berdasarkan kepada asnaf yang disebutkan sebagai asnaf al-a' miliin. Sekiranya Majlis tidak mentafsirkan istilah al-a' miliin ini, saya percaya Majlis tidak langsung mempunyai apa-apa punca kewangan. Kalau tidak, maka lebih sukarlah bagi Majlis Ugama Islam untuk menjalankan pentadbirannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam hal ini, dari sumber manakah Majlis Ugama Islam dapat menjalankan kegiatan-kegiatan lain termasuklah di dalam kegiatan bidang pembangunan yang dipersoalkan sekarang? Dengan pindaan Enakmen ini Majlis diberi kuasa untuk meminjam dari institusi-institusi kewangan, dari bank-bank, mengadakan usahasama, mengadakan *"joint-venture"*, membeli *stocks/shares* serta boleh menubuhkan beberapa perbadanan dan sebagainya di bawah perhatian dan kelolaan Majlis.

Pada masa sekarang ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, Majlis Ugama Islam sedang mendirikan bangunan empat tingkat berbentuk rumah kedai dan ruang pejabat di Kampong Kolam, bangunan flat di Chulia Street dan bercadang pula hendak mendirikan hotel – barangkali Hotel Islam – dan juga bangunan setinggi tujuh tingkat di Simpang Enam. Mungkin banyak lagi projek-projek yang boleh dirancangkan sekiranya Rang Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan) 1985 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia pada hari ini.

Dengan adanya pindaan undang-undang ini, adalah diharapkan Majlis Ugama Islam akan dapat menjalankan semua kegiatan ekonominya dengan lebih lancar ke arah mencapai matlamatnya semoga dengan usaha-usaha untuk menambahkan harta-benda dan meningkatkan sumber-sumber kewangannya maka diharapkan ianya akan dapat mengukuhkan taraf hidup umat Islam di Negeri ini khususnya, di samping kita dapat memajukan Negeri Pulau Pinang pada amnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Dewan ini dibuka untuk perbahasan.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan), 1985 supaya diluluskan.

Tuan Speaker, manakala Rang Undang-undang yang dibentangkan ini diluluskan maka di Negeri Pulau Pinang ini ujudlah satu Perbadanan Pembangunan Ekonomi Islam yang ulung yang boleh membangunkan masyarakat Islam di Negeri ini dan rakyat Pulau Pinang amnya sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Adalah diharapkan dengan lulusnya Rang Undang-undang pindaan ini dapatlah Majlis Ugama Islam membantu dan memberi kerjasama, kepada Kerajaan Negeri, Negeri ini bagi membangun dan meningkatkan taraf hidup dan kedudukan rakyat di Negeri ini.

Tuan Speaker, pada pendapat saya, untuk menjayakan pembangunan Islam di Negeri ini, maka jentera pentadbiran dan pengurusan hendaklah dikaji semula, umpamanya yang penting ialah jawatan Yang DiPertua Majlis hendaklah dilantik daripada kalangan orang-orang awam. Contohnya seperti Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pihak Berkuasa Air, P.D.C. dan PERDA. Mereka-mereka ini yang menjadi Yang diPertua adalah terdiri daripada orang awam, kerana Yang diPertua juga Ketua Jabatan Ugama dan kerja-kerja jabatan sendiri banyak yang mesti dan perlu dibereskan. Pada saya jawatan Yang diPertua Majlis Ugama perlu didahulukan walaupun pindaan Rang Undang-undang keseluruhan sedang dikaji dan tentu akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu, jawatan Yang diPertua mestilah didahulukan sesuai dengan Rang Undang-undang yang dibuat pada hari ini.

Tuan Speaker, pada satu masa nanti, mungkin Majlis Ugama akan mempunyai engineer sendiri, arkitek sendiri, pegawai perancang sendiri dan Q.S.nya sendiri. Di samping Majlis Ugama Islam menegakkan dan mempertahankan akidah, Islam juga berkehendakkan pembangunan. Memandangkan pembangunan adalah perlu maka saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Di Pulau Pinang terdapat banyak tanah wakaf yang perlu dibangun dan dimajukan. Begitu juga di Pulau Pinang saya harap mendapat peluang untuk pelaburan, perniagaan dan perdagangan. Adalah diharapkan supaya Majlis Ugama Islam di Pulau Pinang dapat membina bangunan rumah murah kos rendah supaya orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat memilikinya, di samping membina kompleks besar-besar seperti hotel, gedong perniagaan, ruang-ruang pejabat dan lain-lain.

Oleh itu, Tuan Speaker, lagi sekali saya menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini diluluskan. Sekian.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):**

Tuan Speaker, saya bangun dan menyokong pindaan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak bagi Ugama Islam bagi tahun 1959. Sepertimana yang telah kita maklumkan, dengan adanya Enakmen ini sepertimana yang dihasratkan terutama sekali oleh Kerajaan Pusat terhadap pembangunan sosial ekonomi masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang ini khasnya dan masyarakat di Pulau Pinang amnya, maka kita yakin dan percaya kerana Majlis Ugama hari ini adalah satu Majlis yang menjalankan pentadbiran dalam segi pentadbiran hukum-hukum Islam, maka mereka itu tidak mampu untuk melaksanakan projek-projek dari segi sosial ekonomi masyarakat Islam.

Dengan adanya undang-undang ini maka kita yakin dan percaya beberapa badan ataupun institusi boleh ditubuhkan bagi melaksanakan projek ini melalui beberapa badan tersebut. Kita yakin dan percaya dengan adanya badan-badan yang akan ditubuhkan oleh Majlis Ugama ini dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis Ugama ini maka dapatlah Majlis Ugama melalui perbadanan-perbadanan yang akan ditubuhkan sama dengan Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Dengan adanya Enakmen ini juga membolehkan atau diberi kuasa kepada Majlis untuk memajukan tanah-tanah wakaf orang-orang Islam yang ada di seluruh Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai sepertimana yang disebutkan oleh Pengerusi Majlis Hal Ehwal Ugama tadi. Di sekitar Bandar Pulau Pinang sahaja sebanyak 90 ekar tanah wakaf yang masih terbiar dan hanya satu atau dua sahaja yang telah membangun. Ini pun amat sukar sekali hendak dibangunkan kerana tidak ada kuasa yang diberi kepada Majlis ini. Maka kita yakin dengan adanya undang-undang maka Majlis

Ugama akan dapat pula mengadakan satu perancangan yang begitu teliti untuk membangunkan tanah-tanah wakaf sama ada wakaf khas atau pun wakaf am bukan sahaja di sekitar Bandar Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sepertimana yang telah kita maklum, selama ini beberapa perancangan yang dibuat tidak dapat dilaksanakan dengan begitu licin.

Dengan adanya kuasa yang diberi kepada Majlis Ugama maka kita yakin bahawa segala rancangan yang dapat dijalankan akan memberi kenikmatan pembangunan kepada masyarakat Islam sebati dengan nilai Kerajaan Pusat hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Islam dan rakyat di Negeri kita ini. Majlis ini telah dihalang dari menjalankan projek-projek ini kerana tidak adanya kuasa yang membolehkan mereka melaksanakannya.

Majlis juga boleh menubuhkan sesuatu lembaga dan kita harap lembaga yang akan ditubuhkan ini hendaklah terdiri daripada orang-orang yang benar-benar pakar dalam segi pembangunan supaya mereka dapat melaksanakan projek-projek ini dengan baik, tidak sepertimana yang sudah-sudah di mana terdapat beberapa badan yang ditubuhkan yang suara bunyinya macam naga tetapi berjalan seperti semut. Kita harap dengan adanya Enakmen ini, apabila badan-badan telah ditubuhkan janganlah terjadi sedemikian juga.

Kita harap dengan adanya Enakmen ini dapat memberi semangat yang memeransangkan umat Islam dan juga masyarakat kita yang bukan Islam di Negara ini supaya sama-sama memainkan peranan yang penting untuk memajukan lagi Negeri Pulau Pinang selain dari rancangan-rancangan Kerajaan yang ada pada hari ini. Kerjasama untuk membentuk rancangan ini akan dapat kita laksanakan dan dapat kita menikmati bersama-sama hasilnya mengikut hukum-hukum Islam.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan kita untuk menyatukan masyarakat kita yang berbagai-bagai kaum dan fahaman ugama supaya mereka ini dapat memahami bersama dasar Kerajaan kita ini untuk membangunkan Negara Islam.

Dengan ujudnya Enakmen ini dapatlah juga Majlis menjalankan pembangunan seperti yang telah disarankan dalam Enakmen ini iaitu Enterprise Perdagangan, industri, perjalanan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi badan-badan yang akan ditubuhkan kelak, dan termasuklah pemberian bantuan kewangan yangmana ini adalah satu perkara yang amat penting. Tanpa kewangan maka tidak dapat kita melaksanakan rancangan-rancangan yang telah kita rancangkan. Usaha-usaha niaga bersama bukan sahaja dalam masyarakat Islam kita sahaja tetapi juga masyarakat yang bukan Islam supaya segala perniagaan yang dijalankan akan dapat diuruskan mengikut hukum-hukum Islam dan dengan ini dapatlah kita bersama-sama mengelakkan tohmah daripada segolongan masyarakat yang menganggap bahawa Kerajaan kita ini hanya memerlukan keduniaan sahaja.

Tuan Speaker, adalah juga diharapkan dengan memberi kuasa-kuasa penubuhan dan menyelenggarakan institusi-institusi latihan terhadap masyarakat Islam yang masih jauh ketinggalan dalam segi ilmu pengetahuan, perindustrian dan sebagainya, dapatlah mereka menubuhkan badan-badan penyelidikan sepertimana yang termaktub di dalam Enakmen ini bagi melakukan perkara-perkara yang difikirkan perlu ataupun munasabah dan bagai mencapi tujuan dan matlamat kita. Adalah diharapkan dengan adanya Enakmen ini maka satu perubahan yang baru dan semangat yang baru akan terdapat dalam Majlis Ugama Islam dan kita harap Majlis ini akan dapat bergerak dengan licin sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Sekianlah, saya menyokong cadangan-cadangan untuk Enakmen ini dengan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk pindaan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam 1959 ini dan segala teguran dan juga pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dijadikan sebagai panduan dan teladan dalam kita melaksanakan Enakmen ini. Terima kasih.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-undang ini sefasal demi sefasal.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.**

**Rang Undang-undang Dalam Jawatankuasa**

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5 dan Fasal 6 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Dewan bersidang semula**

**Bacaan Yang Ketiga**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan) 1985 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui**

**Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.**

**(6) USUL-USUL**

**(A) Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.**

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini, seperti yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan, meluluskan wang sebanyak $10,762,687.00 dipindahkan daripada Kumpulanwang Pembangunan Negeri, 1985, kepada akaun hasil Negeri yang disatukan pada tahun yang sama dan mengusulkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah digunapakai semata-mata bagi tujuan pembayaran balik pinjaman, yang dikenakan dan dibayar kepada Kerajaan Pusat dalam tahun 1985.

Tuan Speaker, menurut Seksyen 2(c), Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, jumlah wang yang merupakan pembayaran balik oleh Badan-badan Berkanun kepada Kerajaan Negeri hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Pembangunan, manakala pembayaran balik pinjaman-pinjaman oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat dan Institusi-institusi Kewangan yang lain hendaklah dibayar dari perbelanjaan tanggungan anggaran mengurus yang menyebabkan kesulitan kewangan terhadap akaun hasil yang disatukan, memandangkan pinjaman-pinjaman yang perlu dibayar sentiasa bertambah dari tahun ke setahun.

Disebabkan kemerosotan hasil dalam tahun 1984, Kerajaan Negeri tidak dapat menampung semua pembayaran pinjaman yang perbelanjaannya telah diperuntukkan bagi tahun tersebut daripada akaun hasil yang disatukan. Sungguhpun dalam keadaan demikian, Kerajaan Negeri berazam untuk mematuhi dan memenuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas pinjaman dan jadual pembayaran balik dengan memohon kelulusan Perbendaharaan Malaysia untuk memindahkan sejumlah wang yang diperlukan iaitu sebanyak $10,762,687.00 dari jumlah lebihan sebanyak $16,201,459.00 yang dapat diperolehi dalam kumpulanwang pembangunan ke akaun hasil Negeri yang disatukan. Lebihan wang yang sebanyak ini sebahagian besarnya adalah pembayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri.

Perbendaharaan Malaysia telah memberi kelulusan kepada Kerajaan Negeri untuk memindahkan wang yang diperlukan sebanyak $10,762,687.00 itu tertakluk kepada satu ketetapan mengenainya dibuat oleh Dewan Undangan Negeri. Maka usul ini sekarang dibentangkan di Dewan ini untuk mendapatkan kelulusan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah memberi kelulusan kepada kita untuk menolong menyelesaikan kesulitan kewangan yang kita hadapi pada masa ini melalui pemindahan lebihan wang yang terdapat dalam kumpulanwang pembangunan kita ke akaun hasil yang disatukan. Saya juga ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa tindakan kita dalam hal ini langsung tidak akan menjejaskan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang telah diperuntukkan bagi tahun tersebut.

Tuan Speaker, oleh itu usul ini memohon Kuasa Berkanun untuk memindahkan wang sejumlah $10,762,687.00 dari kumpulanwang pembangunan 1985 ke akaun hasil yang disatukan pada tahun yang sama sebagaimana yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mematuhi

dan memenuhi komitmen pinjaman-pinjamannya kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Speaker, saya menyokong usul ini.

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan setengah jam.

**Dewan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.**

**Dewan bersidang semula pada jam 4.29 petang.**

**Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, *point of order:* Saya minta Ahli Kawasan Pengkalan Kota baca balik Peraturan 116(a) dan minta maaf kepada Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Peraturan 116(a). Bacalah. *It is your Standing Order.*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, oleh sebab saya nampak Ahli tersebut buta perut sikit, saya kena bacalah:

> "semua Ahli-ahli hendaklah masuk atau meninggalkan Dewan dengan penuh tertib".

Jadi saya nampak Ahli Pengkalan Kota keluar Dewan ini dengan kelakuan yang sangat tidak senonoh, dan saya minta Ahli Pengkalan Kota minta maaf kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau tidak mahu minta maaf, kita boleh bertindak di bawah 51(5) dan kita halau keluar seperti *"cowboy"* bodoh.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bertam ada bawa satu perkara bersangkutan Peraturan 116(a).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*I know, but do it properly. Don't just read on a point of order like that.*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Apa yang saya buat adalah betul.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*You asked me to apologise, so move the motion.*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya minta Tuan Speaker mengarah Ahli Yang Berhormat itu minta maaf.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*That is up to the Speaker to say, not you.*

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Ini bukan satu usul tapi satu pandangan kepada Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*If Tuan Speaker decides, then I will apologise.*

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, semua Ahli-ahli Dewan ini mesti menghormati Kerusi. Saya minta Ahli Yang Berhormat minta maaf.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*If there's any offence to the Tuan Speaker, I apologise to the Tuan Speaker.*

**Tuan Speaker:**

Dewan ini sekarang dibuka untuk perbahasan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya bangun untuk mengambil bahagian atas usul yang telah dikemukakan tadi yang meminta Dewan ini meluluskan pemindaan wang sebanyak $10,762,687.00 dari kumpulanwang pembangunan Negeri 1985 ke Akaun Hasil Disatukan Negeri 1985 dan juga mengambil ketetapan bahawa wang ini hendaklah digunakan bagi maksud membayar balik pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1985.

Tuan Speaker, dari awal lagi semasa saya -

mengambil bahagian pada kali pertama atas Belanjawan Tahun 1983 dalam bulan Disember 1982, saya telah membangkitkan masalah Kerajaan Negeri menggunakan peratus yang agak tinggi daripada hasil Negeri untuk membayar balik hutang termasuk faedah setiap tahun. Dalam ucapan ketika itu, saya telah membangkitkan kekhuatiran saya terhadap prestasi Kerajaan Negeri yang meminjam untuk melaksanakan projek-projek kemewahan seperti KOMTAR dan Padang Golf Bukit Jambul. Saya pernah mengingatkan bahawa jika Kerajaan tidak berwaswas dalam meminjam wang dari sumber-sumber tertentu, pada satu ketika nanti, sebahagian besar daripada hasil yang dipungut oleh Kerajaan Negeri akan digunakan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman itu termasuk faedah. Saya juga pernah mengingatkan Kerajaan Negeri supaya langkah-langkah konkrit perlu diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Tetapi, Tuan Speaker, apabila kita meneliti Belanjawan Tahun 1985, kita dapat melihat bahawa Kerajaan Negeri tidak memperdulikan langsung amaran saya itu. Jumlah wang yang digunakan untuk membayar balik hutang telah meningkat setiap tahun, iaitu dalam tahun 1983, 26.7% daripada jumlah hasil digunakan untuk membayar balik hutang; dalam tahun 1984 pula 36.2% daripada jumlah hasil digunakan untuk membayar balik hutang. Bagi tahun ini, pembayaran balik hutang memerlukan $65,922,550.00 berbanding dengan $26,652,740.00 bagi 1984 dan $19,867,710.00 bagi 1983. Jumlah $65.9 juta itu merupakan lebih kurang 94.2% daripada jumlah hasil bagi tahun 1985, iaitu jumlah purata $70 juta – satu angka berasas kepada hasil yang dipungut dalam setiap tahun dari tahun 1980 hingga tahun 1984. Ini bererti bahawa daripada setiap ringgit yang dibayar sebagai cukai oleh pembayar cukai dalam tahun 1985 yang menjadi hasil negeri, $0.94 akan digunakan untuk membayar balik hutang dan hanya $0.06 baki itu akan digunakan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Jadi, rakyat Negeri ini hanya menikmati perkhidmatan yang bernilai $0.06 dan bukan yang bernilai seringgit bagi setiap ringgit hasil yang dipungut oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 1985.

Tuan Speaker, ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri telah gagal sama sekali dalam tempoh pimpinannya selama 16 tahun untuk membenteras keadaan yang merosot ini dan tidak berupaya untuk mengurus keadaan kewangannya dengan cekap dan amanah. Tidak sesiapapun atau Kerajaan yang berkebolehan untuk mengurus kewangannya akan membenarkan keadaan kewangannya merosot ke tahap ini. Nampaknya, Kerajaan negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri telah gagal mengawal keadaan hutang negeri.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri yang menggunakan sebahagian besar hasilnya untuk membayar balik hutang negeri tidak akan mempunyai cukup wang untuk perbelanjaan mengurus dan tentu perlu menambahkan hasil ataupun menghadapi keruntuhan Kerajaan. Kerajaan Negeri yang sepatutnya mengurangkan ataupun membatalkan perbelanjaan atas projek-projek kemewahan yang tidak membawa faedah kepada rakyat telah mencari jalan untuk mengenakan cukai tambahan tahun ini dengan menaikkan cukai tanah dan kadar bayaran untuk bekalan air. Parti D.A.P. membantah dengan sekeras-kerasnya langkah-langkah ini dan mengutuk Kerajaan Negeri kerana mencari jalan keluar yang senang untuk menambahkan hasil negeri. Pengenaan cukai tanah dan kadar air baru telah membebankan rakyat negeri ini. Mengapakah rakyat perlu sering dibebankan oleh Kerajaan Negeri kerana ia salah mengurus kewangannya yang mana berjuta-juta ringgit dibelanjakan atas projek-projek kemewahan?

Tuan Speaker, mengapakah rakyat perlu dibebankan untuk menanggung perbelanjaan sebayak $200 juta atas projek KOMTAR setakat ini oleh Y.A.B. Ketua Menteri? Mengapakah rakyat Negeri ini perlu memikul pinjaman $50 juta untuk membeli ruang pejabat yang tidak dapat dijual bagi jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dalam KOMTAR? Ruang pejabat ini dibeli untuk menjaga nama Y.A.B. Ketua Menteri walaupun kita tidak memerlukannya. Mengapakah rakyat dipaksa membayar perbelanjaan berlebihan sebanyak $7.2 juta untuk mengubahsuai ruang pejabat itu dan juga untuk membeli alat-alat lengkap pejabat? Y.A.B. Ketua Menteri begitu asyik untuk mempastikan projek KOMTAR berjaya untuk cuma menjaga nama dan reputasinya sehingga beliau menjadi buta terhadap hutang Negeri yang telah meningkat dan juga terhadap penderitaan dan kesusahan yang ia menyebabkan kepada rakyat secara langsung dan tidak langsung.

Tuan Speaker, mengapakah rakyat perlu memikul perbelanjaan sebanyak $20 juta untuk membina Padang Golf Bukit Jambul supaya segelintir manusia yang kaya dan golongan elit dapat bermain golf dalam masa lapang mereka?

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri tidak boleh dimaafkan kerana beliau menambahkan elaun Ahli-ahli Exco dan juga akan menggunakan $500,000.00 untuk membeli 10 buah kereta

Mercedes baru bagi kegunaan mereka walaupun Kerajaan Negeri menghadapi kekurangan wang untuk perbelanjaan mengurus. Mengapakah rakyat dikehendaki membayar untuk kemewahan yang dinikmati oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-ahli Exco yang mendapat kenaikan elaun sebanyak $1,000.00 seorang sebulan dan juga kereta Mercedes Benz baru? Sementara menikmati kemewahan ini, rakyat dibebankan lagi pula dengan kenaikan cukai pintu, cukai tanah, kadar air dan lain-lain kenaikan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Negeri untuk menampung pembayaran balik hutang negeri yang begitu banyak. Tindakan ini adalah bertentangan dengan kepentingan rakyat dan tidak boleh ditoleransi.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri hendaklah menerima hakikat bahawa kedudukan kewangan negeri tidak begitu sihat dan beliau perlu menggugurkan segala perbelanjaan yang tidak memberi faedah kepada rakyat dan bukan mencari jalan keluar yang senang melalui pengenaan cukai-cukai baru yang tinggi. Mengikut belanjawan tahun 1985, hasil yang dianggar akan dipungut telah meningkat ke $118,722,280.00. Berbanding dengan purata $70 juta setiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lalu. Peningkatan hasil ini datang dari tiga punca utama iaitu:-

(i) Cukai tanah : Pertambahan sebanyak $9 juta berbanding dengan tahun 1984, iaitu $21 juta bagi tahun ini;

(ii) Hasil dari permit dan lesen untuk mengeluarkan bahan-bahan batu meningkat sebanyak $14,445,000.00 dari $350,000.00 dalam 1984 kepada $14,795,000.00 tahun ini;

(iii) Pemberitan tanah : Hasil dari penjualan tanah meningkat sebanyak $27,420,000.00 dari $4.4 juta dalam 1984 kepada $31.8 juta.

Hasil dari ketiga-tiga punca ini berjumlah $67,615,000.00 iaitu satu pertambahan sebanyak $51,215,000.00 berbanding dengan hasil tahun 1984 ataupun 57% daripada jumlah hasil bagi 1985. Walau bagaimanapun, sama ada anggaran hasil ini dapat dipungut atau tidak belum diketahui lagi.

Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri adalah dalam keadaan kelam kabut selain daripada menaikkan hasil dengan mencukaikan rakyat dari segi cukai tanah atas kejayaan *"Package Deal"*, memberikan lesen dan permit untuk mengeluarkan bahan-bahan batu bagi tujuan pembaikan tanah dan menjualkan tanah untuk mencapai anggaran hasil dalam tahun ini, perbelanjaan mengurus dan pembayaran hutang-hutang besar kepada Kerajaan Pusat. Jikalau perlaksanaan *"Package Deal"* itu gagal maka segala usaha dan tujuannya tidak akan tercapai dan Kerajaan Negeri akan menghadapi defisit yang lebih besar berbanding dengan jumlah defisit yang dialami beberapa lalu. Perkara ini dapat diselamatkan jika Y.A.B. Ketua Menteri membelanjakan wang rakyat dengan jimat cermat, tetapi sebaliknya telah membelanjakan secara boros di mana projek-projek mewah bagi tujuan keuntungan politik jangka pendek yang tidak memberi faedah dan munafaat kepada rakyat jelata.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri harus bertanggungjawab sepenuhnya atas kesalahan di mana keadaannya menimbulkan perasaan kurang sihat dan menunjukkan ia tidak mendengar pendapat rakyat dan parti pembangkang. Y.A.B. Ketua Menteri melalui cara dan gaya pemerintahan telah menggadaikan masa depan Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat dengan meminjam wang yang sangat banyak untuk menampung perbelanjaan projek-projek mewah yang kita tidak boleh menanggung.

Tuan Speaker, kerap kali saya telah menyentuh tentang *trend* kewangan yang tidak sihat Kerajaan Negeri dan tidak boleh berlarutan. Tindakan tegas harus diambil untuk mengatasi masalah dan keadaan bankrapsi. Rakyat jelata tidak harus bertanggungjawab bagi membayar balik hutang-hutang Kerajaan Negeri. Memandangkan keadaan ini, saya dengan sekeras-kerasnya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengatasi masalah ini dan sebagai langkah yang pertama hendaklah memberhentikan segala projek mewah yang mengakibatkan kerugian kepada rakyat jelata yang tidak menguntungkan mereka.

Bagi mengatasi masalah kewangan yang kita ada sekarang, saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya memandang berat keputusan untuk menggunakan wang sebanyak $1.2 billion jika boleh dihasilkan daripada *"Package Deal"*. Wang ini adalah lebih wajar jika digunakan untuk membina lebih rumah-rumah kos rendah untuk rakyat berpendapatan rendah daripada digunakan untuk membayarkan kepada Kerajaan Pusat bagi tujuan projek Jambatan Pulau Pinang.

Saya telah membangkitkan dalam Dewan ini pada bulan Mei atas ucapan Tuan Yang Terutama mengenai Jambatan Pulau Pinang ini di mana tidak berbeza jika Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat bertanggungjawab atas hal Jambatan Pulau

Pinang kerana ia telah siap dibina. Rakyat akan membayarkan tol dan merekalah akan menggunakan jambatan ini.

Tuan Speaker, saya juga menyeru Y.A.B. Ketua Menteri merancangkan projek-projek yang memberi munafaat kepada rakyat dan bukan merancangkan projek-projek mewah bagi kemasyoran Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, dengan yang demikian saya sekali lagi menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya membelanjakan wang rakyat dengan jimat cermat yang benar-benar bagi faedah semua golongan rakyat yang dihadapi dengan masalah-masalah perumahan dan pekerjaan dari segi sosio-ekonomi di mana mereka dapat menikmati segala usaha Kerajaan Negeri. Saya mendesak Kerajaan Negeri supaya memperbaiki segala kelemahan yang patut diatasi.

Sekian.

**Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng):**

Tuan Speaker, saya bangun dan menyokong atas usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya yakin wang yang telah dipinjamkan dari Kerajaan Pusat telah digunakan demi kepentingan rakyat Negeri kita.

Walau bagaimanapun, saya perlu mendesak Kerajaan supaya dapat mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat sekarang. Pada masa kemelesetan ekonomi negara dan dunia ini sebahagian pengilang telah mengurangkan tenaga pekerja untuk berjimat, dan ada pula sebilangan yang terpaksa menamatkan perniagaan mereka kerana kesulitan kewangan. Semua ini telah dengan secara langsung dan tidak langsung menjejaskan pendapatan pekerja masing-masing, juga peniaga-peniaga dan pembekal-pembekal yang berkaitan, penjaja-penjaja, pemandu-pemandu teksi dan lain-lain lagi. Sebahagian besar daripada rakyat Negeri ini sedang menghadapi kesan buruk kemelesetan ekonomi.

Di samping itu kemerosotan ketenteraman sosial seperti tambahnya kes-kes rompakan, penyalahgunaan dadah dan penipuan yang melibatkan berjuta-juta ringgit telah berlaku.

Tuan Speaker, pada waktu yang begitu mencabar ini Kerajaan Negeri harus menetapkan dasar-dasar untuk memulihkan keadaan dan meringankan beban rakyat. Saya yakin ini adalah sejajar dengan matlamat Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, pada pendapat saya Kerajaan tidak patut mengenakan kenaikan cukai tambahan yang banyak ke atas kalangan rakyat pada ketika ini. Sebaliknya Kerajaan harus berjimat dari segi perbelanjaan pengurusan sendiri.

Yang kedua, terdapat ramai kakitangan Kerajaan di jabatan-jabatan berkenaan yang tidak cekap seperti yang diharapkan. Tambah lagi bilangan kakitangan di setengah-setengah jabatan adalah lebih daripada yang diperlukan. Ini merupakan pembaziran.

Yang ketiga, memandangkan ekonomi negara dan dunia yang kurang sihat ini, Kerajaan Negeri harus melaksanakan hanya projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat sahaja, projek-projek untuk membanggakan segolongan orang saja patut ditangguhkan atau dibatalkan sama sekali. Apakah gunanya membina lebuhraya lapan lorong di Pulau Pinang manakala lubang, lopak di jalan-jalan sedia ada tidak dapat diperbaiki?

Sekianlah, terima kasih.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas usul saya dan apa yang berguna tentulah Kerajaan akan mengambil perhatian.

Tapi saya mesti ambil peluang di sini untuk memuji Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Nampak saya bila beliau keluar dari Dewan ini dan bila saya hentam dengan beliau, beliau telah menerima nasihat saya dengan hati yang baik dan dalam masa setengah atau satu jam beliau telah menjadi mahaguru besar di dalam Parti D.A.P. Malangnya mahaguru besar beliau tidak mengikut contoh beliau. Mengikut apa yang saya baca di dalam surat khabar, mahaguru besar beliau telah berkata *"no apology possible"*, tapi nampaknya Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota ialah seorang D.A.P. ....... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Itu tidak bersangkutan.

**Ketua Menteri:**

Ya, langsung tidak sangkut, Tuan Speaker, sebab Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota pun telah melambung dan bercakap banyak yang langsung tidak ada sangkut, sebab itu saya

mesti ikut beliau sampai dia tentulah mesti lawan dengan mahaguru besar beliau. Saya harap beliau dengan pandangan yang baik sekarang boleh balik berjumpa dengan Y.B. Ahli Kawasan Bukit Glugor, dan katakanlah padanya, "Tengoklah saya, Ahli Kawasan Pengkalan Kota, telah mengambil *apology* dengan baik", tetapi Yang Berhormat Ahli dari Bukit Glugor kata tidak boleh. Saya harap dalam D.A.P. langkah ini bolehlah diselesaikan. Barangkali di sini saya ....... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, *this has nothing to do with our debate. Please stop it.*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, ucapan saya ada bersangkutan sedikit dengan perbahasan saya sebab Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah menunjukkan satu contoh yang baik dan mahaguru besar mestilah mengikut contoh beliau masuk dalam ....... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, *ask him to stop. Why are you so scared of him? Be fair!*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya tidak lagi bawa masalah mahaguru besar, tapi apa yang terjadi ialah Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah menunjukkan satu contoh yang baik. Beliau telah masuk ke dalam Dewan ini dan telah membahaskan usul saya dengan panjang lebar tapi langsung tidak bersangkut dengan apa yang saya bahaskan. Beliau nampaknya tidak faham apa yang telah terjadi. Beliau telah membawa masalah Padang Golf, masalah KOMTAR, masalah saya, masalah lain ........ (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Masalah hutang besar.

**Ketua Menteri:**

Masalah hutang besar ....... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Yang tidak perlu dibayar balik.

**Ketua Menteri:**

Yang tidak perlu dibayar balik. Tetapi apa yang telah terjadi, Tuan Speaker, semua perkara ini menunjukkan macamana buruknya Ahli Yang Berhormat wakil D.A.P. ambil perbahasan dalam Dewan ini.

Apa yang saya kata, Tuan Speaker, ialah jumlah lebihan sebanyak $16,201,459.00 yang dapat diperolehi dari Kumpulanwang Pembangunan ke Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan dan dari sebanyak wang ini sebahagian besarnya adalah pembayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri. Itulah yang asas. Badan-badan Berkanun yang telah kita tubuhkan di dalam Negeri Pulau Pinang sekarang sudah ada kebolehan mencari wang dan wang ini telah menjadi wang kelebihan. Mengikut jadual yang kita ada, wang itu kita tidak boleh serahkan kepada Kumpulanwang di dalam negeri, tetapi boleh disimpan di dalam Kumpulanwang Pembangunan sahaja. Kalau kita meluluskan usul saya, wang lebihan yang telah ditunjukkan di bawah Perbadanan Pembangunan sekarang bolehlah menolong Kerajaan dan wang ini sekarang bolehlah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan. Apakah ini menunjukkan?

Ini menunjukkan kebolehan kita untuk membayar balik $16 juta, bukan menunjukkan kita tidak berkebolehan membayar balik.

Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota boleh faham dan saya harap kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah faham beliau hendaklah bukan sahaja balik bagi nasihat kepada mahaguru besar buat *apology* dan balik dalam Dewan, tetapi juga hendaklah balik kepada rakyat di dalam kawasan Pengkalan Kota dan tunjukkan kepada mereka macam mana Kerajaan sudah menjaga dengan kewangan, dan macam mana Badan-badan Berkanun telah menjaga dengan kewangan pembangunan kita sehingga sampai hari ini kita ada wang yang lebih. Inilah wang yang kita sekarang hendak serahkan kepada Akaun Hasil Negeri. Oleh sebab itu, Tuan Speaker, saya kata dalam membahaskan usul saya. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah membawa kekeliruan, sini sana, sana sini, langsung tidak ada sangkutan dengan apa yang saya telah cakapkan. Tuan Speaker, baik saya kata semacam ini, tetapi ini tidak boleh lari. Kita mahu peluang memperuntuk dan menyerahkan $10,760,687.00 daripada Kumpulanwang Pem-

bangunan ke Akaun Hasil Negeri. Inilah tujuan usul saya. Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota sekarang boleh tunjukkan satu contoh yang baik dan baliklah kepada rakyat di kawasan Pengkalan Kota untuk memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah menjaga kewangan negeri dengan baik sekali. Sungguhpun D.A.P. tidak suka akan perkara ini, tetapi apa hendak jadi Kerajaan Barisan Nasional telah jalankan tugas kita dengan baik. Kalau kita buat baik, D.A.P. tidak puashati, itu lain, tapi sebagai Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan ini ........... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*You can say what you like.*

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, nampak saya buruk atau baik dia hentam juga. Apa nak buat? Ahli Kawasan Pengkalan Kota jangan susah hati. Apa yang jadi adalah baik, tetapi jangan balik bagi mahaguru besar hentam dengan beliau. D.A.P. sekarang nampaknya sudah mula berpecah-belah. Seorang mahu buat *apology*, yang seorang lagi tidak mahu buat *apology*.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, itu tidak sangkut. Minta beliau duduk.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota selalu ambil peluang hendak timbulkan kekeliruan, oleh itu sekarang saya pun hendak ambil peluang. Saya mestilah hendak ulang balik sedikit-sedikit. Nampak saya beliau baik – *very good.* Kalau macam itu terima kasih dan bila balik mintalah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor buat *apology* serupa itu. Itu bagus, Tuan Speaker, kalau tidak kita ingat D.A.P. ada satu mulut tetapi dua lidah.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**(B) Usul oleh Yang Berhormat Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor.**

**Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Nor @ Mat Noor):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mencadangkan usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Encik Lim Heng Tee, J.P. dilantik semula sebagai seorang wakil Dewan ini ke Jemaah Universiti Teknologi Malaysia di bawah Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut bagi satu tempoh selama tiga (3) tahun dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1 September, 1985."

Tuan Speaker, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran telah menasihatkan bahawa tempoh wakil Dewan ini ke Jemaah Universiti Teknologi Malaysia akan luput pada 31 Ogos, 1985. Perlantikan ini adalah dibuat menurut Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut.

Tuan Speaker, dengan sukacitanya saya mencadangkan bahawa Y.B. Encik Lim Heng Tee, J.P., Ahli bagi Kawasan Machang Bubuk dilantik semula sebagai wakil Dewan ini ke Jemaah Universiti tersebut. Perlantikan ini akan berkuatkuasa mulai 1 September, 1985.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun menyokong usul ini.

**Soalan dikemukakan dan dipersetujui.**

**8. PENANGGUHAN**

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, tajuk ucapan penangguhan saya ialah berkenaan dengan keadaan jalan-jalan yang tidak memuaskan yang boleh dikatakan pernah berkali-kali saya ulangi. Perkara ini telah banyak kali saya bangkitkan, namun keadaannya sedikit pun tidak berubah, malah telah menjadi lebih buruk lagi. Oleh sebab itulah saya ingin membangkitkan perkara ini sekali lagi, dengan

harapan pihak-pihak yang berkuasa dapat berlembut hati masing-masing dan bertindak secara positif dan bertanggungjawab.

Tuan Speaker, banyak telah diperkatakan mengenai lubang-lubang dan jalan-jalan yang telah rosak dan tidak diperbaiki walaupun sudah lama rosak. Saya akan menyentuh secara *specific* mengenai beberapa aspek yang telah membawa kepada keadaan jalan-jalan yang tidak memuaskan dalam negeri amnya dan di Bukit Mertajam khasnya.

Yang pertama soal ko-ordinasi dan kerjasama yang kurang baik di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Walaupun banyak telah diperkatakan mengenai ko-ordinasi dan kerjasama yang lebih antara jabatan-jabatan dengan agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Telekom, Pihak Berkuasa Air, Jabatan Parit dan Taliair, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, namun jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan masih lagi mengikut jadual-jadual dan rancangan-rancangan kerja masing-masing berkaitan dengan perkara menggali jalan-jalan dan memperbaiki jalan-jalan. Amalan yang seumpamanya telah mengakibatkan jalan-jalan digali dan dikambus balik beberapa kali, dan oleh sebab itu banyak membawa kepada pembaziran dan gangguan kepada orangramai.

Yang kedua, perlu dikaji semula syarat-syarat kontrak mengenai menggali dan membaiki jalan-jalan. Apabila sebatang jalan digali untuk sesuatu kerja ianya jarang-jarang diperbaiki atau dipulihkan kembali seperti sediakala dengan segera selepas tamat kerja. Lazimnya sebagai langkah sementara jalan yang digali itu dikambus dengan pasir dan tanah tetapi bukan ditarkan. Pasir dan tanah itu akan tenggelam selepas beberapa hari dan jalan-jalan itu akan menjadi tinggi rendah dan dipenuhi lubang-lubang. Sekiranya jalan-jalan yang rosak itu diperbaiki dengan segera, orang ramai tahan sabar juga, tetapi keadaannya tidak begitu. Kontraktor-kontraktor akan beredar ke tempat lain dan tidak akan kembali untuk mengambil tahu sama ada keadaan jalan itu baik atau sebaliknya. Sementara itu lubang-lubang di jalan itu bertambah besar sehingga penunggang-penunggang motosikal terhumban jatuh, atau berlaku sesuatu kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh keadaan jalanraya yang merbahaya itu. Perbuatan seperti ini tidak bertanggungjawab dan membahayakan nyawa orang lain. Pihak yang berkenaan haruslah didakwa untuk membayar ganti rugi.

Di sini syarat-syarat untuk memulihkan jalan-jalan itu hendaklah diperketatkan bagi menentukan kerja-kerja membaiki dan memulihkan jalan-jalan disempurnakan dengan seberapa segera yang boleh dan lagi kerja-kerja memperbaiki jalan secara sementara hendaklah diselenggarakan selalu supaya jalan-jalan itu di dalam keadaan baik dan selamat.

Yang ketiga, mengenai mutu jalan atau *quality* jalan. Pada amnya mutu jalan-jalan di kawasan perumahan perlulah dipertingkatkan. Kita dapati bahawa kenderaan-kenderaan berat seperti traktor, lori sepuluh roda dan terak-terak lalu-lalang di jalan-jalan di kawasan perumahan siang dan malam. Jalan-jalan itu rosak sebaik sahaja dibina dan diperbaiki. Banyak wang dibazirkan untuk memperbaiki jalan-jalan itu tetapi hasilnya tidak memuaskan. Adalah lebih baik jalan-jalan itu dipertingkatkan mutunya daripada membazirkan wang untuk memperbaikinya selalu. Contoh-contoh jalan yang dimaksudkan ialah jalan-jalan di Taman Alma, Taman Bee (Bee Garden), Taman Bandar Jaya, Kampong Baru, Taman Chai Leng dan Taman Sungai Rambai di Bukit Mertajam.

Perkara yang keempat adalah kelewatan Jabatan Kerja Raya mengambilalih jalan-jalan yang telah siap dibina. Tuan Speaker, seringkali Jabatan Kerja Raya tidak sanggup memperbaiki dan menyelenggarakan jalan-jalan yang rosak atas sebab-sebab jalan-jalan yang berkenaan masih belum diambilalih oleh jabatannya. Keengganan Jabatan Kerja Raya mengambilalih jalan-jalan yang berkenaan mungkin disebabkan jalan-jalan tersebut tidak dibina mengikut piawai atau *standard* yang ditetapkan. Sekiranya benar, maka Majlis Perbandaran tidak patut mengeluarkan Sijil kelayakan pendudukan *(Occupation Certificate).*

Pada masa sekarang terdapat beratus-ratus batang jalan dalam negeri, kebanyakannya di Bukit Mertajam yang masih belum diambilalih oleh Jabatan Kerja Raya. Namun demikian, sijil kelayakan menduduki sudah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran. Amalan seperti ini tidaklah sihat.

Ada pula terdapat di setengah-setengah tempat di mana jalan-jalan itu dibina mengikut piawai tetapi masih belum lagi diambilalih oleh kerana kelemahan proses pentadbiran, umpamanya Jalan Muhibbah dan jalan-jalan lain di Taman Alma, Bukit Mertajam. Pemeriksaan jalan-jalan tersebut telah dijalankan dan diperakukan, kemudiannya dihantarkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri untuk diambilalih sejak bulan Ogos 1984. Tetapi hingga hari ini jalan-jalan itu masih belum diambilalih untuk diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Sedihnya kebanyakan jalan-jalan

itu kini dianggap sebagai anak-anak jalan *(nobody's child)*. Tiada sesiapapun sanggup menjaganya. Tuan Speaker, langkah yang tegas patut diambil untuk menyelesaikan masalah yang menjolok mata ini.

Dan perkara yang kelima adalah jalan di perkampungan baru. Tuan Speaker, kebanyakan jalan-jalan di perkampungan-perkampungan baru dibina dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan. Selepas terbiar selama 20 atau 30 tahun lamanya kebanyakan jalan-jalan itu telah menjadi amat buruk. Sekiranya terdapat mana-mana jalan yang diperbaiki itu kesemuanya kos memperbaiki itu adalah hasil peruntukan setengah-setengah Menteri, Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Sepuluh tahun kebelakangan ini Kerajaan Pusat telah melaksanakan rancangan mengetarkan jalan-jalan luarbandar dan banyak kampung telah mendapat kemudahan jalan-jalan tar. Perkampungan-perkampungan baru juga terletak di luarbandar tetapi sehingga sekarang ini tidak ada sedikit wang pun yang diperuntukkan untuk membina jalan-jalan baru atau memperbaiki ...... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, Peraturan 29(4) : *"Each Member shall be allowed to address the Assembly on any one subject for not longer than 7½ minutes ......"*

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, berapa lama saya sudah ambil?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Seven minutes.*

**Tuan Speaker:**

Enam minit. Ada lagi satu minit.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

O.K., Tuan Speaker.

Sehingga sekarang ini tidak ada sedikit wang pun yang diperuntukkan untuk membina jalan-jalan baru ataupun memperbaiki jalan-jalan lama yang rosak di perkampungan-perkampungan baru. Mengapakah perkampungan-perkampungan baru tercicir dalam perlaksanaan rancangan tersebut? Mengapakah dalam hal pembinaan jalan-jalan dan penyelenggaraan jalan pun harus diamalkan pilih kasih? Penyelewengan yang kita anggap berat kesalahannya ini mestilah diperbetulkan segera.

Tuan Speaker, saya menyeru pihak yang berkuasa yang berkenaan agar memandang berat terhadap beberapa sebab-sebab dan keadaan jalan-jalan buruk dalam negeri dan di mana-mana perlu buatlah kajian semula atau pindaan pada setengah-setengah dasar dan amalan dalam pembinaan jalan-jalan yang lebih banyak seperti meninggikan mutunya dan juga alam penyelenggaraan jalan-jalan sebaik-baiknya.

Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, tajuk ucapan penangguhan saya ialah "Pemusnahan Dua Buah Kuil Hindu di Seberang Jaya". Tindakan sewenang-wenang yang diambil oleh Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Encik Ramli bin Ibni Hajar, merobohkan Kuil Sri Mariamman dan Kuil Sri Kaliamman di Estate Paduma, Seberang Jaya, pada 11 dan 12 Jun harus dikutuk dan tidak boleh dibenarkan berulang lagi .......... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Hj. Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat telahpun membuat ucapan, saya ingat tidak perlu bercakap lagi.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ini *adjournment speech,* tidak sangkut dengan *question.* Keterangan yang diberi oleh Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah bahawa patung tersebut telah pecah secara tidak sengaja dan bahawa kedua-dua kuil tersebut hanya digunakan oleh 23 keluarga setinggan yang tinggal di kawasan itu yangmana beliau mendakwa mengenai pemusnahan tersebut tidak dapat diterima.

Penafian keras oleh 23 keluarga berkenaan bahawa mereka tidak pernah diberitahu tentang tindakan merobohkan kuil-kuil tersebut dan dakwaan oleh Pegawai Daerah bahawa hanya 23 keluarga itu saja yang menggunakan 2 buah kuil tersebut yang juga dinafikan oleh Jawatankuasa Kuil jelas membuktikan bahawa Pegawai Daerah itu cuba melepaskan dirinya dari "huru hara" yang dilakukan olehnya.

Tambah pula, pendirian yang dibuat oleh Pegawai Daerah tersebut bahawa jabatan beliau tidak perlu memberitahu sesiapa pun mengenai tindakan merobohkan kuil-kuil tersebut kerana ianya adalah bangunan haram atas tanah Kerajaan jelas menunjukkan bahawa beliau telah bertindak dengan angkuh tanpa memperdulikan perasaan dan sensitiviti umat Hindu sebelum mengambil tindakan sedemikian.

D.A.P. memandang berat dan rasa kesal bahawa cuma seorang kakitangan Kerajaan boleh menunjukkan kepada masyarakat Hindu yang ia tidak menghormati kedua-dua kuil di Seberang Jaya tanpa memberi sebarang amaran dan notis terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Kuil walaupun beberapa rayuan telah dibuat oleh mereka.

Apa yang lebih dikesalkan ialah kejadian tersebut berlaku walaupun Pegawai Daerah itu telah berjanji dengan Datuk Subbiah, Ahli Exco Negeri yang bertanggungjawab atas tanah dan galian bahawa kerja-kerja merobohkan kuil-kuil akan berlaku hanya selepas Datuk Subbiah diberitahu.

Datuk Subbiah dan Kerajaan Negeri harus bertanggungjawab di atas kejadian-kejadian dan tindakan yang diambil oleh kakitangan mereka. Kejadian itu jelas menunjukkan bahawa Datuk Subbiah telah gagal sebagai seorang Ahli Exco dan juga tugas beliau untuk memelihara kepentingan masyarakat Hindu. Semenjak kejadian tersebut berlaku, sama ada Datuk Subbiah telah diberitahu mengenai tindakan merobohkan kuil-kuil Hindu tersebut oleh Pegawai Daerah tersebut atau tidak, ianya tidak mendatangkan apa-apa perbezaan kerana apa sahaja alasan beliau sudah tentu gagal dalam tugasnya terhadap umat Hindu. Jika Datuk Subbiah telah diberitahu dan sedar bahawa kuil-kuil akan dirobohkan, maka beliau telah gagal untuk mengelakkan dari berlakunya kejadian tersebut. Dan jika sebaliknya Pegawai Daerah telah berjanji untuk memberitahu beliau mengenai tindakan merobohkan kuil-kuil tersebut dan tidak memberitahunya sebagaimana dijanji, maka ini jelas menunjukkan bahawa Datuk Subbiah tidak dapat mengawal kakitangan-kakitangan di bawahnya.

D.A.P. menyesali kenyataan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa tidak perlu untuk menghebahkan lagi kejadian di Estet Paduma, Seberang Jaya baru-baru ini. Sebenarnya tidak harus terdapat sebarang cubaan untuk menyembunyi kejadian tersebut. Ia harus dipaparkan dengan satu siasatan lengkap yang dijalankan oleh satu Jawatankuasa siasatan untuk mencungkil perkara ini dan supaya tindakan disiplin yang tegas diambil ke atas Pegawai Daerah tersebut untuk memastikan kejadian buruk itu tidak diulang lagi oleh seorang kakitangan Kerajaan.

Pemberian tanah ganti oleh Kerajaan Negeri kepada penduduk-penduduk di Seberang Jaya untuk membina sebuah kuil Hindu tidak dapat menyelesaikan masalah ini tetapi cuma boleh menyelesaikan sebahagian daripada masalah itu. Isu utama dan benar ialah tindakan sewenang-wenangnya yang diambil oleh seorang kakitangan Kerajaan tanpa memperdulikan langsung perasaan umat Hindu.

Pemusnahan patung purba dan pembakaran kuil-kuil itu oleh Pegawai Daerah telah menimbulkan kemarahan dan menyakitkan hati dan perasaan umat Hindu. Mereka berhak untuk menuntut supaya tindakan disiplin dikenakan atas Pegawai Daerah tersebut dan Kerajaan Negeri harus menubuhkan satu Jawatankuasa siasatan untuk menjalankan siasatan lengkap mengenai seluruh peristiwa ini.

Jika tindakan angkuh dan yang sewenang-wenangnya oleh Pegawai Daerah itu dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang hukuman maka tidak akan wujud kuil-kuil yang didirikan di Negeri ini atas tanah Kerajaan yang terselamat dari tindakan merobohkan tanpa sebarang notis oleh kakitangan Kerajaan.

Oleh kerana ugama menjadi satu isu sensitif di negara ini, pengendalian perkara-perkara semacam ini hendaklah dibuat dengan berjaga-jaga. Kerajaan Negeri hendaklah memberi jaminan bahawa jika kuil-kuil, masjid-masjid atau gereja-gereja umat Hindu, Cina, Islam dan lain-lain penganut perlu dirobohkan kerana pembangunan, maka perlulah pertimbangan khas dan berjaga-jaga dan pemindahan tempat-tempat ibadat itu supaya semua yang terlibat berpuashati tanpa menyebabkan timbulnya perasaan tidak hormat-menghormati kepada penganut-penganut.

Sekian.

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab, sila jawab.

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubuk yang telahpun membangkitkan

beberapa perkara berkenaan penyelenggaraan jalan-jalan di Negeri ini.

Bagi kerosakan-kerosakan yang biasa seperti *pothole* dan sebagainya, pembaikan ke atas jalan berkenaan akan terus dibuat dengan secepat mungkin apabila Jabatan Kerja Raya mendapat tahu keadaan ini. Kelambatan dalam kerja pembaikan jalan kadang-kadang terjadi apabila jalan digali oleh Jabatan Perkhidmatan, Lembaga Letrik Negara, Telekom, Pihak Berkuasa Air atau Majlis untuk saluran kabel, paip atau *sewage* paip memandangkan kerja-kerja begini mengambil masa untuk disiapkan. Setelah siap kerja penggalian, barulah kerja pembaikan dibuat. Saya mengakui ko-ordinasi di antara jabatan-jabatan perkhidmatan sampai hari ini belum berapa memuaskan lagi. Oleh yang demikian pihak Kerajaan Negeri pun telah mengambil beberapa langkah untuk merapatkan lagi ko-ordinasi usahakerja perkhidmatan jabatan perkhidmatan. Dan tanggungjawab untuk kuasa ko-ordinasi ini ialah:

(i) untuk jalan-jalan di luar bandar dan pulau – Jabatan Kerja Raya;
(ii) jalan-jalan dalam bandar – Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Saya berharap dengan kerjasama yang penuh daripada semua jabatan perkhidmatan dan juga usaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya, tidak lama lagi kita boleh mendapat hasil ko-ordinasi ini.

Berkenaan kualiti jalan di kawasan perumahan bagi pembangunan kawasan perumahan yang baru, pihak pemaju adalah dikehendaki membina jalan mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya. Kebanyakan jalan di kawasan perumahan yang berkualiti rendah adalah jalan yang dibina di masa dahulu di bawah *"Rural District Council"* yang tidak mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya, akan tetapi langkah-langkah sedang diambil untuk meninggikan taraf jalan begini untuk membolehkan ianya diambilalih dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Untuk makluman, sebelum jalan *sub-standard* ini boleh diambilalih oleh Kerajaan dan seterusnya diselenggarakan jalan-jalan tersebut perlulah terlebih dahulu dinaikkan tarafnya kepada taraf Jabatan Kerja Raya. Buat pertama kalinya pada tahun ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak $300,000.00 untuk menaikkan taraf jalan berkenaan untuk seterusnya diambilalih. Dari jumlah tersebut pembahagian adalah $160,000.00 bagi Seberang Perai dan $140,000.00 bagi Pulau Pinang. Memandangkan peruntukan adalah kecil tidak kesemua jalan-jalan yang *sub-standard* yang dapat diambilalih. Untuk makluman juga, dua tahun selepas diambil barulah akan diperolehi *road grant* bagi jalan berkenaan dan penyelenggaraan yang sepenuhnya dapat dilaksanakan.

Berkenaan kelambatan mengambilalih jalan dalam skim perumahan pada masa dahulu masing-masing ada kes kelambatan mengambilalih jalan-jalan dan skim perumahan untuk penyelenggaraan pihak Kerajaan, khususnya dalam masa-masa Majlis Daerah akan tetapi selepas integrasi Majlis Tempatan dalam tahun 1976, semua pemaju-pemaju semestinya sempurna pembinaan jalan-jalan dalam skim masing-masing mengikut *specification* Jabatan Kerja Raya sebelum jalan ini dapat diambilalih untuk penyelenggaraan oleh pihak Kerajaan dan juga sebelum "Sijil Pendudukan" atau O.C. boleh didapati dikeluarkan kepada pemaju-pemaju yang berkaitan. Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk mengambilalih jalan-jalan ini dengan secepat mungkin supaya peruntukan untuk penyelenggaraan boleh didapati dari Pihak Kerajaan Pusat Selepas dua tahun. Bagi jalan-jalan di perkampungan baru penyelenggaraan biasanya juga dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dari masa ke semasa untuk jalan-jalan yang telah diambilalih atau jalan-jalan di atas tanah Kerajaan. Kebanyakan dari jalan-jalan ini belum lagi dibarumuka. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya sedang mengkaji program membarumuka jalan-jalan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya dengan tegasnya mengesa Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota sebagai seorang tokoh D.A.P. yang tadi saya sebut sebagai sebuah parti yang mempunyai satu mulut tapi dua lidah. Saya minta Yang Berhormat agar tidak mengeksploitasikan satu kejadian yang tidak disengajakan untuk cuba membangkitkan emosi rakyat atas perkara sensitif yang melibatkan ugama. Kejadian yang berlaku di Seberang Jaya itu adalah mendukacitakan dan tidak disengajakan. Ini telahpun dijawab dengan teliti semasa jawapan kepada soalan-soalan. Tapak itu perlu dikosongkan mengikut jadual kerja-kerja penyiapan bagi Hari Peladang Kebangsaan dan EXPO Pertanian tahun ini yang akan diadakan pada 6 Ogos pada bulan hadapan. Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah diberi tanggungjawab untuk menyediakan tapak tersebut. Beberapa perbincangan yang teliti dan sistematik telah diadakan di antara penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan dengan Pegawai Daerah tersebut bagi membolehkan kerja-kerja tersebut dilaksanakan dengan licin dan mengikut jadual. Tarikh 11 dan 12 Jun adalah

merupakan tarikh terakhir keseluruhan kawasan tersebut mesti dikosongkan. Semua bangunan di kawasan itu harus dirobohkan pada tarikh tersebut. Malangnya semasa menjalankan kerja-kerja meroboh itu, salah sebuah patung di kuil itu telah patah.

Bagaimanapun, langkah-langkah segera telah diambil untuk memulihkan patung itu agar dapat ditempatkan semula di sebuah kuil baru apabila ianya dibina kelak. Memindahkan setinggan-setinggan dan merobohkan bangunan-bangunan haram di atas tanah Kerajaan Negeri adalah menjadi tanggungjawab Pejabat-pejabat Tanah dalam Negeri ini. Pegawai Daerah sebagai Pemungut Hasil Tanah telah menjalankan tugas-tugas beliau.

Tuan Speaker, apa yang Kerajaan tahu ialah Pegawai Daerah tersebut adalah seorang pegawai yang dihormati oleh semua penduduk-penduduk di Seberang Perai Tengah sebab beliau selalu berhubung rapat dengan semua penduduk-penduduk berbilang kaum dan dari apa golongan pendapatan dan dari semua umat ugama. Beliau adalah seorang pegawai yang penduduk di Seberang Perai Tengah sesungguhnya hormati. Kerajaan amat sedar akan tanggungjawab-tanggungjawab terhadap penduduk apabila kerja-kerja mengosongkan tapak dijalankan bagi memastikan tidak siapa yang menderita disebabkan oleh dislokasi, atau untuk menentukan bahawa dislokasi seumpama itu hanya menyebabkan kesulitan yang minima kepada orang-orang yang berkenaan.

Tuan Speaker, dalam kes kuil tersebut Kerajaan telah dengan jelasnya mengenalpasti tapak-tapak yang mungkin sesuai bagi institusi-institusi ugama di Seberang Jaya dan sedar kuil berkenaan perlu ditempatkan semula. Perkara itu telah dipertimbangkan dengan teliti dan telah dilaksanakan berperingkat-peringkat. Saya percaya dengan adanya kerjasama baik di antara penduduk dan Kerajaan khususnya melalui Pegawai Daerah, sebuah kuil baru akan dibina sehingga memuaskan pihak yang pernah beribadat di kuil itu dan juga demi kepentingan ramai penduduk-penduduk yang berugama Hindu di kawasan tersebut. Yang Berhormat dari Pengkalan Kota tidak perlu membangkitkan sesuatu perkara yang berlaku di luar kawasannya yangmana Kerajaan sendiri berazam sepenuhnya untuk menyelesaikannya dengan mengadakan perundingan secara langsung dengan Badan Ugama berkenaan. Perkara ini telahpun dijalankan dengan perasaan baik. Inilah yang menyusahkan hati D.A.P. sebab penduduk di tempat itu telah berhubung rapat dengan Kerajaan.

Perkara itu sedang diselesaikan dengan teliti oleh pihak Kerajaan dan Yang Berhormat Datuk T. Subbiah adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil bukan sahaja disebabkan beliau adalah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bahkan juga atas pendiriannya dalam masyarakat berugama Hindu dan saya percaya Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, seperti saya juga, mestilah tidak begitu pandai dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan ugama Hindu atapun beliau tentu kurang pandai daripada Yang Berhormat Datuk T. Subbiah. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat yang mulia ini menghargai sepenuhnya bahawa Kerajaan akan dengan berkesan menyelesaikan perkara ini sehingga memuaskan penduduk-penduduk yang berkenaan tanpa campurtangan dari pihak pembangkang yang mempunyai dua lidah dan langsung tidak cekap.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Speaker:**

Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 5.45 petang**